- ▶ The minimum daily rate for Temporary Disablement Benefit, Permanent Disablement Benefit and Dependents' Benefit was increased to RM10.00.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2017

Chronology of Historical Events 1969 - 2017

2001 ▶

- ▶ Kemudahan dialisis telah diperluaskan lagi kepada penerima Bantuan Ilat yang mana kemudahan ini hanya diberi kepada penerima Pencen Ilat sahaja pada tahun 1999.
- ▶ The provision of dialysis facilities, which was previously available only to recipients of the Invalidity Pension in 1999, was further expanded to include recipients of the Invalidity Grant.

2002 ▶

- ▶ Memperolehi persijilan MS ISO 9002:1994 dalam pemprosesan tuntutan Faedah Hilang Upaya Sementara di Ibu Pejabat PERKESO dan pejabat PERKESO Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ▶ The SOCSO Headquarters and the Kuala Lumpur State Office achieved MS ISO 9002:1994 certification for processing of claims for Temporary Disablement Benefit.

2004 ▶

- ▶ Memperolehi persijilan MS ISO 9001:2000 bagi pemprosesan Faedah Hilang Upaya Sementara di pejabat PERKESO Kuala Lumpur dan Faedah Hilang Upaya Kekal di pejabat PERKESO Negeri Sembilan.
- ▶ The Kuala Lumpur Office obtained MSO ISO 9001:2000 certification for processing of Temporary Disablement Benefit. The Negeri Sembilan State Office obtained the same for processing of Permanent Disablement Benefit.

2005 ▶

- ▶ Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 berkuatkuasa mulai 1 Mei 2005 berkenaan siling gaji pekerja telah dinaikkan dari RM2,000 kepada RM3,000 sebulan.
- ▶ Duda/balu yang menerima pencen, perkahwinan semula pada atau selepas 1 Mei 2005, pencen yang diterima terus dikekalkan.
- ▶ Mulai 1 Mei, duda/balu layak mendapat Pencen Penakat atau Faedah Orang Tanggungan tanpa mengira tahap kebergantungan.
- ▶ The amendment of the Employees' Social Security Act 1969 in respect of employee salary ceiling came into effect on 1st May 2005. The salary ceiling was raised from RM2,000 to RM3,000 per month.
- ▶ Widowers/widows receiving pension, who have remarried on or after 1st May 2005, continued to receive the said pension.
- ▶ With effect from 1st May, widowers/widows became eligible to receive Survivors' Pension or Dependents' Benefit regardless of the level of dependency.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2017

Chronology of Historical Events 1969 - 2017

2006 ▶

- ▶ YB Menteri Sumber Manusia telah meluluskan pelarasan kadar bayaran pencen di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat yang berkuatkuasa pada 1 Januari.
- ▶ Pelaksanaan tindakan pengkompaunan di bawah AKSP, 1969 dan Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2006 pada 1 Mac.
- ▶ The Minister of Human Resources approved the adjustment of pension payments under the Employment Injury Insurance Scheme and the Invalidity Pension Scheme with effect from 1st January.
- ▶ Implementation of compounding of offences under the Employees' Social Security Act 1969 and the Employees' Social Security (Compounding of Offences) Regulations 2006, with effect from 1st March.

2007 ▶

- ▶ Program pemulihan *Return To Work* telah diperkenalkan oleh PERKESO.
- ▶ The "Return To Work" Rehabilitation programme was introduced by SOCSO.

2009 ▶

- ▶ Mulai 1 Januari 2009, caj perkhidmatan bagi pinjaman pendidikan PERKESO diturunkan dari 4% kepada 2% setahun.
- ▶ PERKESO telah beralih dan mengamalkan Persijilan MS ISO 9001:2008 mulai 15 Julai 2009.
- ▶ Majlis Pelancaran mySMS Aduan PERKESO 15888 telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia pada 26 Februari 2009.
- ▶ YBhg. Datuk Abu Huraira Abu Yazid telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga PERKESO yang baharu pada 1 Ogos 2009.
- ▶ With effect from 1st January 2009, the service charge for SOCSO education loan was reduced from 4% to 2% per annum.
- ▶ SOCSO shifted and began practising MS ISO 9001:2008 certification effective 15th July 2009.
- ▶ The mySMS Aduan PERKESO 15888 hotline was officially launched by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources on 26th February 2009.
- ▶ YBhg. Datuk Abu Huraira Abu Yazid was appointed as SOCSO's new Chairman of the Board on 1st August 2009.

2010 ▶

- ▶ Pada 11 Februari 2010 YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak telah melancarkan MyCOID di PICC Putrajaya. PERKESO adalah salah satu daripada lima agensi yang menggunakan nombor SSM sebagai nombor rujukan tunggal di pelbagai agensi.
- ▶ On 11th February 2010, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak launched MyCOID at PICC Putrajaya. SOCSO is one of the five agencies using its SSM number as the sole reference number at various agencies.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2017

Chronology of Historical Events 1969 - 2017

2011 ▶

- ▶ Pembukaan kaunter pada hari Sabtu di pejabat PERKESO Jalan Ampang, Pejabat PERKESO Kuala Lumpur dan Pejabat PERKESO Negeri Selangor mulai 8 Januari 2011.
- ▶ Video Keselamatan PERKESO berjudul "Dah Nak Sampai" telah memenangi tempat Kedua di Festival Filem dan Multimedia Antarabangsa 2011 bersempena dengan XIX World Congress on Safety and Health di Istanbul, Turki pada 11 - 15 September 2011.
- ▶ Counters at the SOCSO Office in Jalan Ampang, Kuala Lumpur SOCSO Office and Selangor State Office began operating on Saturdays with effect from 8th January.
- ▶ SOCSO Safety Video entitled "Dah Nak Sampai" won second place at the International Film and Multimedia Festival 2011 held in conjunction with the XIX World Congress on Safety and Health in Istanbul, Turkey on 11th - 15th September.

2012 ▶

- ▶ Majlis Pelancaraan iSPAAA oleh YB Senator Dato Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Menara PERKESO Kuala Lumpur pada 8 Mac.
- ▶ Majlis pengumuman Pelarasan Kadar Pencen Faedah PERKESO oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Menara PERKESO Kuala Lumpur pada 21 Mac.
- ▶ Majlis Upacara Pecah Tanah Pusat Rehabilitasi PERKESO oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Bandar Hang Tuah Jaya, Melaka pada 23 Mac 2012.
- ▶ Majlis Pelancaran Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja 2012 oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Dewan Seri Sarjana, UNITEN, Bangi, Selangor pada 24 April.
- ▶ Penerbitan Buku Mewah (Coffee Table) sempena Sambutan Ulang Tahun ke-40 PERKESO pada 18 Jun.
- ▶ Launch of iSPAAA by YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Deputy Minister of Human Resources at the Menara PERKESO in Kuala Lumpur on 8th March.
- ▶ Announcement of the SOCSO Pension Rate Adjustment by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resource at Menara PERKESO in Kuala Lumpur on 21st March.
- ▶ Groundbreaking of the SOCSO Rehabilitation Centre by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Bandar Hang Tuah Jaya, Melaka on 23rd March.
- ▶ Launch of the Safe Commuting to Work Campaign 2012 by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Dewan Seri Sarjana, UNITEN, Bangi, Selangor on 24th April.
- ▶ Publication of Coffee Table Book in conjunction with the SOCSO's 40th Anniversary Celebrations on 18th June.

2014 ▶

- ▶ Majlis Pelancaran Buku 'Guidelines on Impairment & Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases & Invalidity 3rd Edition' oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di PWTC, Kuala Lumpur pada 18 Mac 2014.
- ▶ Pusat Rehabilitasi PERKESO telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014.
- ▶ Launch of the book entitled "Guidelines on Impairment & Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases & Invalidity, 3rd Edition" by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at PWTC, Kuala Lumpur on 18th March 2014.
- ▶ The SOCSO Rehabilitation Centre began its operations on 1st October 2014.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2017

Chronology of Historical Events 1969 - 2017

2015 ▶

- ▶ Pelancaran S4P – Senyum, Sapa, Salam, Santun dan Prihatin oleh YBhg. Dato’ Dr. Mohammed Azman Bin Dato’ Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO di Menara PERKESO pada 22 Mei.
- ▶ Pejabat PERKESO Mukah mula beroperasi pada 1 Julai.
- ▶ Pejabat PERKESO Limbang mula beroperasi pada 10 September.
- ▶ Launch of S4P – Senyum, Sapa, Salam, Santun dan Prihatin by YBhg. Dato’ Dr. Mohammed Azman bin Dato’ Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO at Menara PERKESO on 22nd May.
- ▶ Mukah SOCSO Office began its operations on 1st July.
- ▶ Limbang SOCSO Office began its operations on 10th September.

2016 ▶

- ▶ Majlis MOU Signing Ceremony pada 1 Mac 2016 untuk kerjasama antara PERKESO dan Universiti Malaya yang diwakili oleh Social Security Research Centre (SSRC) untuk meningkatkan pelaksanaan konsep perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja yang mengalami kecederaan dan penyakit di negara ini.
- ▶ Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 berkenaan memperluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja tanpa tertakluk kepada had gaji mengikut takrifan pekerja serta menaikkan had siling caruman daripada RM3,000.00 kepada RM4,000.00 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah. Pindaan ini mula dikuatkuasakan pada 1 Jun.
- ▶ PERKESO telah berjaya menerima Penarafan 5 Bintang daripada MAMPU bagi tahun 2015 - 2016 kerana kecemerlangan organisasi dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
- ▶ Pada 25 Oktober, PERKESO telah mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula (Rebranding) PERKESO di Perkarangan Lobi Utama Menara PERKESO.
- ▶ PERKESO telah menganjurkan International Forum on Disability Management (IFDM) pada 22 - 24 November di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dan telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri.
- ▶ A signing ceremony was held on 1st March 2016 for the Memorandum of Understanding between SOCSO and University of Malaya, represented by its Social Security Research Centre (SSRC), to improve the implementation of social security protection concept to the group of employees experiencing injuries and diseases in the country.
- ▶ The Employees’ Social Security (Amendment) Act 2016 expanded coverage of social security protection to include all employees without any salary limit in accordance with the definition of employee. The amended Act also raised the contribution ceiling from RM3,000.00 to RM4,000.00 for the purposes of contributions and payment of benefits. The amendment came into effect on 1st June 2016.
- ▶ SOCSO received the 5-star Rating from MAMPU for the year 2015 - 2016, for its excellence in service delivery to the people.
- ▶ On 25th October, SOCSO held a ceremony to launch the Rebranding of SOCSO at the Main Lobby of Menara SOCSO.
- ▶ SOCSO organised the International Forum on Disability Management (IFDM) on 22nd - 24th November at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). The event was officially opened by YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Deputy Prime Minister of Malaysia.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2017

Chronology of Historical Events 1969 - 2017

2017 ▶

- ▶ Majlis Perasmian Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 21 April.
 - ▶ Pejabat PERKESO Beaufort, Sabah mula beroperasi pada 22 Mei.
 - ▶ Pejabat PERKESO Kota Marudu, Sabah mula beroperasi pada 1 Ogos.
 - ▶ Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan diwartakan sebagai Akta 789 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun.
 - ▶ Pindaan kadar amaun Faedah Pengurusan Mayat dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM2,000 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.
 - ▶ YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Che Mat telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga PERKESO yang baharu mulai 21 Ogos.
 - ▶ Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan diwartakan sebagai Akta 800 yang berkuatkuasa mulai 1 Jan 2018.
-
- ▶ Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre was officially opened by YAB Prime Minister of Malaysia at the PERKESO Rehabilitation Centre on 21st April.
 - ▶ The Kota Marudu SOCSO Office, Sabah, commenced operations on 1st August.
 - ▶ The Beaufort SOCSO Office, Sabah, commenced operations on 22nd May.
 - ▶ The Self-Employment Social Security Act 2017 was approved by the Malaysian Parliament and was gazetted as Act 789 with effect from 1st June.
 - ▶ Amendment to the Funeral Benefit rate wherein the same was increased from RM1,500 to RM2,000 with effect 1st July 2016.
 - ▶ YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh bin Che Mat was appointed as the new Chairman of SOCSO with effect from 21st August.
 - ▶ The Employment Insurance System Act 2017 was approved by the Malaysian Parliament and gazetted as Act 800 with effect from 1st January 2018.

PERUTUSAN Pengerusi
Chairman's Statement



**TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH
BIN HAJI CHE MAT**

Pengerusi PERKESO
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chairman of SOCSO
Social Security Organization



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam S4P dan Salam Sehati Sejiwa. Bagi pihak Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), saya selaku Pengerusi Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam S4P and Salam Sehati Sejiwa. On behalf of the Board of the Social Security Organisation (SOCSO), I, as the Chairman of the Board, am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statement for the financial year ending 31st December 2017.

SENARIO PERSEKITARAN EKONOMI

Pada tahun 2017, Malaysia menunjukkan prestasi yang kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9% (2016: 4.2%). Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan dalam negeri, mencerminkan pengembangan yang lebih pesat dalam perbelanjaan sektor swasta dan awam. Seperti ekonomi lain di rantau ini, Malaysia meraih manfaat daripada pemulihan global yang menyeluruh dengan peningkatan eksport kasar paling pesat sejak tahun 2004. Limpahan positif daripada sektor luaran juga telah memperkukuh permintaan dalam negeri. Prestasi yang lebih kukuh ini disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi daripada rakan dagang utama seperti China, ASEAN, Kesatuan Eropah, AS dan Jepun, berikutan peningkatan yang pesat dalam kitaran teknologi global, pengembangan pelaburan dalam ekonomi maju dan pemulihan harga komoditi.

ECONOMIC ENVIRONMENT SCENARIO

In 2017, Malaysia showed a solid performance by recording a growth of 5.9% (2016: 4.2%) This growth, supported by domestic demands, mirrors a rapid expansion in private and public sector spending. Similar to other economies in this region, Malaysia benefitted from the comprehensive global recovery with the most rapid increase in gross exports since 2004. The positive overflow from external factors also strengthened domestic demands. This stronger performance is due to higher demands from main trade partners such as China, ASEAN, the European Union, the United States of America and Japan, following the rapid improvement in global technological cycle, investment growth in developed economies and recovery of commodity prices.

PERUTUSAN PENERUSI
Chairman's Statement

2017
ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan kukuh pada kadar **5.9%** yang dipacu oleh permintaan domestik dan penggunaan swasta.

2017
the Malaysian economy recorded a solid growth at a rate of **5.9%** which was driven by domestic demands and private consumption

Pada tahun 2017, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan kukuh pada kadar 5.9% yang dipacu oleh permintaan domestik dan penggunaan swasta. Indeks FBMKLCI meningkat 9.44% pada penutup tahun 2017 iaitu pada 1,796 mata. Harga komoditi dan harga minyak mentah yang pulih dan kembali meningkat memberi kesan kepada peningkatan harga saham-saham yang berkaitan dengan minyak. Prestasi sederhana pulangan pelaburan turut didorong oleh faktor global dan sentimen domestik serta peningkatan kerugian pertukaran wang asing yang turut dirasai oleh kebanyakan agensi lain.

Persekitaran ekonomi global dan domestik turut memberi kesan langsung terhadap prestasi kewangan PERKESO. Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan PERKESO bagi tahun 2017 meningkat sebanyak 10.71% atau RM479.30 juta kepada RM4,954.39 juta berbanding RM4,475.09 juta pada tahun 2016.

Manakala jumlah perbelanjaan turut meningkat sebanyak 5.86% atau RM213.57 juta kepada RM3,859.64 juta berbanding RM3,646.07 juta pada tahun 2016. Dengan itu, lebih pendapatan PERKESO turut meningkat sebanyak RM265.73 juta atau 32.05% kepada RM1,094.75 juta berbanding RM829.02 juta pada tahun 2016.

In 2017, the Malaysian economy recorded a solid growth at a rate of 5.9% which was driven by domestic demands and private consumption. The FBMKLCI index rose to 9.44% at the close of 2017, that is, at 1,796 points. Commodity and crude oil prices made a recovery and increased, giving rise to increase in prices of oil-related stocks. An average performance in investment returns was driven by global factors and domestic sentiments, as well as an increase in foreign exchange losses, which was also felt by most other agencies.

Global and domestic economic environment also directly affects SOCSO's financial performance. Overall, SOCSO's total revenue for 2017 increased by 10.71% or RM479.30 million to RM4,954.39 compared to RM4,475.09 million in 2016.


The total spending rose by 5.86% or RM213.57 million to RM3,859.64 million compared to RM3,646.07 million in 2016. Hence, SOCSO's surplus income also rose by RM265.73 million or 32.05% to RM1,094.75 million compared to RM829.02 million in 2016.

2017
Jumlah pendapatan **meningkat sebanyak 10.71%**
RM4,954.39 juta

Jumlah perbelanjaan **meningkat sebanyak 5.86%**
RM3,859.64 juta

2017
Total revenue **increased by 10.71%**
RM4,954.39 million

Total spending **rose by 5.86%**
RM3,859.64 million



PRESTASI KEWANGAN

Pendapatan caruman PERKESO meningkat sebanyak 10.74% atau RM345.44 juta kepada RM3,560.97 juta berbanding RM3,215.53 juta pada tahun 2016 terutamanya berikutan pelaksanaan kenaikan had siling caruman bagi gaji bulanan daripada RM3,000 kepada RM4,000 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2016 selain keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang membawa kepada peningkatan bilangan majikan dan pekerja aktif. Selain itu, peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat dalam kalangan majikan dan pekerja mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO berikutan keberkesanan program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh PERKESO.

Pendapatan PERKESO bagi tahun 2017 turut mengambil kira geran peruntukan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri bagi Pemandu Teksi berjumlah RM60.00 juta yang telah diterima daripada Kementerian Sumber Manusia pada Mei 2017.

Sementara itu, belanja tanggungan meningkat sebanyak 10.62% atau RM316.06 juta kepada RM3,292.18 juta pada tahun 2017 berbanding RM2,976.12 juta pada tahun sebelumnya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah, pelaksanaan bayaran penyesuaian kos sara hidup dan kenaikan kadar bayaran faedah pengurusan mayat kepada RM2,000 berbanding RM1,500 pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun belanja operasi menurun sebanyak 10.01% atau RM63.42 juta kepada RM569.89 juta berbanding RM633.31 juta pada tahun 2016 terutamanya berikutan penurunan peruntukan liabiliti aktuari bagi saguhati tamat perkhidmatan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016.

FINANCIAL PERFORMANCE

SOCSO's contribution income increased by 10.74% or RM345.44 million to RM3,560.97 million compared to RM3,215.53 million in 2016, especially following the raising of contribution ceiling from monthly salary of RM3,000 to RM4,000 which came into effect on 1st June 2016, in addition to the effectiveness of enforcement activities leading to an increase in the number of active employers and employees. The increase in contribution collection also reflects a level of awareness that is increasing amongst employers and employees on their responsibility to contribute to SOCSO, following the effectiveness of the awareness programmes and campaigns conducted by SOCSO.

SOCSO'S income for 2017 also took into account the allocation granted for the Self-Employed Employment Injury Scheme for Taxi Drivers amounting to RM60.00 million received from the Ministry of Human Resources in May 2017.

Meanwhile, liability spending increased by 10.62% or RM316.06 million to RM3,292.18 million in 2017 compared to RM2,976.12 million in the previous year, following an increase in the number of benefit claims cases, payment of cost of living adjustment and increase in funeral benefit rate to RM2,000 compared to RM1,500 the year before.

However, operational spending went down by 10.01% or RM63.42 million to RM569.89 million compared to RM633.31 million in 2016, especially following the reduction in actuarial liability allocation for end of service gratuity for the year 2017 compared to 2016.

PERUTUSAN PENERUSI

Chairman's Statement

PRESTASI PULANGAN PELABURAN

PERKESO mengamalkan strategi pelaburan jangka panjang yang konservatif dan cermat dengan mengambil kira faktor risiko dalam menguruskan dana. Strategi ini ditunjukkan dalam wajaran yang tertumpu kepada instrumen pendapatan tetap sejajar dengan alokasi aset strategik.

DANA PELABURAN PERKESO

Dana pelaburan PERKESO pada tahun 2017 mencatat pertumbuhan sebanyak RM1,332.80 juta atau 5.32% iaitu kepada RM26,379.95 juta pada tahun 2017 berbanding RM25,047.15 juta pada tahun 2016. Pulangan pelaburan bertambah dengan peningkatan dalam caruman telah menjana peningkatan bersih dalam dana pelaburan untuk tahun 2017.

PENDAPATAN PELABURAN

Pendapatan pelaburan pada tahun 2017 berjumlah RM1,261.24 juta, meningkat sebanyak RM73.87 juta atau 6.22% berbanding RM1,187.70 juta pada tahun 2016. Pendapatan pelaburan yang dinyatakan tidak mengambil kira rosot nilai saham dan bon serta pendapatan faedah daripada pinjaman kuasi kerajaan.

KADAR PULANGAN PELABURAN

Kenaikan pulangan pelaburan tahun 2017 selari dengan peningkatan Kadar Pulangan Pelaburan (ROI) pada penutup tahun 2017 iaitu 5.15% berbanding 5.00% pada tahun 2016. Prestasi sederhana pulangan pelaburan turut didorong faktor global dan sentimen domestik serta peningkatan kerugian pertukaran wang asing yang turut dirasai oleh kebanyakan agensi lain. Peningkatan belanja operasi berikutan peningkatan dalam perbelanjaan emolument dan peningkatan dalam perbelanjaan bekalan serta perkhidmatan turut memberi kesan secara tidak langsung. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan mengurus tidak menjejaskan usaha PERKESO untuk terus komited melakukan lonjakan menerusi langkah strategik mempelbagaikan alokasi aset pelaburan, termasuklah melantik pakar pelaburan strategik yang baru.

INVESTMENT RETURNS PERFORMANCE

SOCISO practices a conservative and prudent long-term investment strategy by taking into account risk factors in managing its funds. This strategy is shown in weightage that is focused on fixed-income instruments, in line with strategic asset allocation.

SOCISO INVESTMENT FUND

SOCISO's investment funds recorded a growth of RM1,332.80 million or 5.32% to RM26,379.95 million in 2017 compared to RM25,047.15 million in 2016. Investment returns increased with the rise in contributions generating a net increase in the investment fund for 2017.

INVESTMENT INCOME

Income from investments in 2017 amounted to RM1,261.24 million, an increase of RM73.87 million or 6.22% compared to RM1,187.70 million in 2016. The investment income stated does not take into account depreciation in values of shares and bonds, as well as interest from quasi-government loans.

RETURNS ON INVESTMENT

There has been an increase in investment returns in 2017 parallel to the increase in Returns on Investment at the close of 2017, that is, 5.15% compared to 5.00% in 2016. The average performance of investment returns was also driven by global factors and domestic sentiments as well as increase in foreign exchange losses that was also felt by most other agencies. An increase in operational expenditure due to the increase in emolument expenses and increase in supply and services spending also had an indirect effect. However, the increase in administration expenditure did not affect SOCISO's efforts to remain committed in propelling ahead through the strategic measure of diversifying investment asset allocations, including appointing a new strategic investment expert.

MERCU KEJAYAAN

MENYEBARLUAS FUNGSI DAN PERANAN PERKESO

Program dan aktiviti publisiti yang telah diadakan secara meluas telah berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan majikan dan pekerja khususnya berkaitan skim dan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO. Sepanjang tahun 2017, PERKESO telah melaksanakan aktiviti publisiti dan promosi melalui pelbagai saluran yang merangkumi media cetak dan media elektronik. Program ini juga turut dipromosikan oleh pejabat-pejabat PERKESO melalui penglibatan secara langsung bersama majikan dan pekerja di premis majikan menerusi seminar dan ceramah.

Keberkesanan aktiviti dan program yang dijalankan telah meningkatkan kesedaran masyarakat, pekerja dan majikan mengenai kepentingan perlindungan keselamatan sosial. Keberkesanan program yang dilaksanakan ini juga telah menyumbang kepada kenaikan jumlah pendaftaran majikan dan pekerja yang layak di bawah AKSP 1969. Pada tahun 2017, bilangan pendaftaran majikan meningkat sebanyak 4.60% kepada 1,091,125 majikan berbanding 1,043,148 pada tahun 2016. Pada tempoh yang sama, bilangan pekerja berdaftar juga turut meningkat sebanyak 2.92% kepada 16.54 juta pekerja berbanding 16.07 juta pada tahun sebelumnya. Manakala jumlah majikan aktif telah meningkat sebanyak 1.89% kepada 435,801 majikan dan pekerja aktif pula meningkat sebanyak 3.12% kepada 6.80 juta pekerja.

LANDMARK SUCCESS

EXPANDING THE FUNCTIONS AND ROLE OF SOCSO

The widespread publicity programmes and activities carried out successfully increased awareness among employers and employees, specifically on the schemes and benefits offered by SOCSO. Throughout 2017 SOCSO has implemented publicity and promotional activities through various channels including print and electronic media. The programmes were also promoted by SOCSO offices through their direct involvement with employers and employees at employer premises during seminars and talks.

The effectiveness of the activities and programmes carried out increased awareness of the community, employees and employers on the importance of social security protection. Such effectiveness also contributed to the increase in registration of employers and employees eligible pursuant to the Employees Social Security Act 1969. In 2017, the number of employer registration rose by 4.60% to 1,091,125 employers compared to 1,043,148 in 2016. Within the same period, then number of registered employees also increased by 2.92% to 16.54 million employees compared to 16.07 million in the previous year. The number of active employers rose by 1.89% to 435,801 employers whereas active employees increased by 3.12% to 6.80 million.



PERUTUSAN Pengerusi

Chairman's Statement

Selaras dengan peningkatan bilangan majikan dan pekerja aktif berdaftar, bilangan keseluruhan penerima faedah pada tahun 2017 telah meningkat sebanyak 40,127 orang penerima atau 7.59% kepada 568,204 orang berbanding 528,077 orang pada tahun 2016. Daripada jumlah perbelanjaan tanggungan sebanyak RM3,292.18 juta, RM3,271.77 juta merupakan bayaran untuk semua jenis faedah termasuk Program Saringan Kesihatan. Pembayaran faedah ini meningkat sebanyak RM323.64 juta atau 10.98% berikutan peningkatan dalam bilangan tuntutan.

In line with the increase in number of registered employers and active employees, the overall number of benefit recipients in 2017 rose by 40,127 recipients or 7.59% to 568,204 persons compared to 528,077 persons in 2016. Out of the total liability expenditure of RM3,292.18 million, RM3,271.77 million was payment for all types of benefits including the Health Screening Programme. The payment of benefits increased by RM323.64 million or 10.98% following an increase in the number of claims.

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)

berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018

Akta ini merupakan satu skim perlindungan tambahan dan bantuan sementara kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan sebelum memperoleh pekerjaan yang baharu



Employment Insurance System Act 2017 (Act 800)

coming into effect on
1st January 2018

The Act is an additional protection scheme and provides interim assistance to workers who have lost their jobs before obtaining new jobs

PERLUASAN LIPUTAN SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA

Bagi memperluaskan jaringan keselamatan sosial, PERKESO telah menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 (Akta 789) mulai 1 Jun 2017. Akta ini digubal bagi menyediakan perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan kepada pemandu teksi yang berkerja sendiri atau yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya termasuk *E-Hailing*. Perlindungan Skim Bencana Pekerjaan Sendiri ini akan diperluaskan kepada sektor informal lain secara berperingkat pada masa akan datang.

Jaringan keselamatan sosial diperluaskan lagi dengan menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018. Akta ini merupakan satu skim perlindungan tambahan dan bantuan sementara kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan sebelum memperoleh pekerjaan yang baharu. Objektif utama SIP adalah untuk menggantikan pendapatan yang hilang kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan, melaksanakan latihan '*reskilling*' dan '*upskilling*' kepada mereka sebagai persediaan untuk mendapatkan pekerjaan baharu serta memberi perkhidmatan carian pekerjaan bagi memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat dan efisien.

EXPANSION OF COVERAGE OF EMPLOYEE SOCIAL SECURITY PROTECTION SCHEME

To expand its social security network, SOCSO began enforcement of the Self-Employment Social Security Act 2017 (Act 789) on 1st June 2017. The Act was formulated to provide protection under the Employment Injury Scheme to self-employed taxi drivers or those rendering similar services including E-Hailing. This Self-Employment Injury Protection Scheme will be extended to other informal sectors in stages in the future.

The social security network was further expanded with the coming into effect of the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) on 1st January 2018. The Act is an additional protection scheme and provides interim assistance to workers who have lost their jobs before obtaining new jobs. The main objective of the scheme is to replace the lost income, provide reskilling and upskilling training as preparation to obtain new jobs, as well provide job search services to facilitate suitable re-employment in a fast and efficient manner.

HALATUJU KORPORAT

Ke arah mencapai halatuju tadbir urus korporat yang berfokuskan pelanggan, kejayaan PERKESO dipacu berdasarkan pakatan strategik tiga pihak berkepentingan iaitu kerajaan, majikan dan pekerja. Peranan ini bukan sekadar dalam bentuk perkhidmatan perlindungan keselamatan sosial, tetapi mempertingkatkan kecekapan operasi secara konsisten ke tahap yang melangkaui espektasi pelanggan.

Saya percaya "Amalan tadbir urus korporat yang baik akan membantu PERKESO memupuk visi, proses dan struktur yang diperlukan bagi memastikan kelangsungan dan terus kekal relevan. PERKESO perlu bertindak sebagai warga korporat yang baik merangkumi komitmen kepada tingkah laku beretika dalam merangka strategi, pengurusan, operasi dan budaya korporat. Dalam era globalisasi tanpa sempadan, keterlibatan semua pihak dan pihak berkepentingan yang lain semakin memperakui bahawa tanggungjawab perlindungan keselamatan sosial pekerja adalah aspek penting untuk prestasi dan daya saing ekonomi negara".

PERKESO menggalas tanggungjawab dan berperanan besar untuk memastikan kesejahteraan sosial dan perlindungan Orang Berinsurans serta tanggungannya terjamin. Justeru, usaha telah dilipatgandakan bagi melakukan perubahan selaras dengan perkembangan semasa. Berhadapan landskap keselamatan sosial yang pantas berubah, penting bagi PERKESO memperkasa tadbir urus korporat, memaksimumkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan dengan melestarikan budaya kreativiti dan inovasi serta memaksimumkan kemampunan dananya.

CORPORATE DIRECTION

Towards achieving a corporate direction that is focused on clients, SOCSO's success is driven based on the strategic alliance between three stakeholders, namely, the government, employers and employees. This role is not only in the form of social security protection services, but also in consistently improving operational efficiency to a level that exceeds clients' expectations. I believe that "A sound corporate governance practice will help SOCSO cultivate the vision, process and structure needed to ensure its continuity and relevance. SOCSO needs to act as a good corporate citizen, which includes commitment to ethical behaviour in the formulation of strategy, management, operation and corporate culture.

In the borderless globalisation era, the involvement of all parties and other stakeholders alludes to the fact that responsibility for employee social security protection is an important aspect for the country's economic performance and competitiveness."

SOCSO shoulders the responsibility and role to ensure the social wellbeing and protection of Insured Persons as well as their dependents. Hence, efforts have been multiplied to effect changes parallel to current development. Facing a rapidly changing social security landscape, it is important for SOCSO to reinforce its corporate governance, maximise productivity and quality of service by sustaining a culture of creativity and innovation as well as maximizing the sustainability of its funds.

LIMA TERAS UTAMA PELAN STRATEGIK 2016 - 2020

FIVE MAIN THRUSTS STRATEGIC PLAN 2016 - 2020

01

Memperkasa kecemerlangan dan pembangunan modal insan
Reinforcing human capital excellence and development

02

Mentransformasi perkhidmatan menerusi penjenamaan
Transforming service through rebranding

03

Memperkuh kemampunan dana dan tadbir urus
Consolidating sustainability of funds and governance

04

Meningkatkan kesejahteraan sosial pelanggan
To improve the social wellbeing of customers

05


Melestarikan budaya kreativiti, inovasi dan kualiti
Sustaining a culture of creativity, innovation and quality

PERUTUSAN Pengerusi

Chairman's Statement

Memacu hala tuju berdasarkan Pelan Strategik 2016 - 2020 yang merangkumi lima teras utama iaitu 'Memperkasakan kecemerlangan dan pembangunan modal insan'; Kedua, 'Mentransformasi perkhidmatan menerusi penjenamaan'; Ketiga, 'Memperkuatkan kemampuan dana dan tadbir urus'; Keempat, 'Meningkatkan kesejahteraan sosial pelanggan'; dan Kelima, 'Melestarikan budaya kreativiti, inovasi dan kualiti' selaras dengan Visi PERKESO untuk Menjadi Peneraju Keselamatan Sosial Yang Dinamik, Unggul dan Cemerlang.

Driving the organisation's direction is the Strategic Plan 2016 - 2020 encapsulating five main thrusts: First, "Reinforcing human capital excellence and development"; Second, 'Transforming service through rebranding'; Third, 'Consolidating sustainability of funds and governance'; Fourth, 'To improve the social wellbeing of customers' and Fifth, 'Sustaining a culture of creativity, innovation and quality', in line with SOCSO's vision of becoming the Premier, Dynamic and Outstanding Leader in Social Security.



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Tahun 2017 terus menjadi mercu tanda dan tahun kecemerlangan di mana PERKESO telah berjaya menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan peringkat antarabangsa seperti "2017 Asia HRD Awards "Contribution to Organization Award", "Innovative Policy 2017 on Employment", "Work and Vocational Education and Training", "Zero Project Conference 2017, Vienna, Austria". "Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2017 for Excellence Award, Udon Thani, Thailand" dan menerima Anugerah Penarafan Lima Bintang (Indeks SSR) 2017 bagi kategori agensi barisan hadapan. Sesungguhnya dengan pencapaian yang cemerlang ini telah berjaya memertabatkan dan melonjakkan lagi imej PERKESO ke persada antarabangsa.

Bersandarkan kecemerlangan dan hala tuju yang jelas seiring dengan ekspektasi dalam konteks landskap perlindungan keselamatan sosial masa kini, Pelan Strategik 2016 - 2020 akan menjadi kerangka utama (*framework*) PERKESO untuk terus memperkasakan jaringan perlindungan keselamatan sosial pekerja di negara ini. Keutamaan adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan (*reducing the gap*) bagi memastikan kesaksamaan golongan pekerja yang layak dilindungi mendapat perlindungan sewajarnya merentasi batasan sosioekonomi masyarakat majmuk di negara ini. Visi kecemerlangan ini akan meletakkan PERKESO sebagai peneraju keselamatan sosial pekerja yang cemerlang di rantau Asia Pasifik dan seterusnya menjadi contoh yang ideal dan rujukan kepada negara-negara lain.

AWARDS AND RECOGNITION

The year 2017 continues to become a landmark and year of excellence when SOCSO received various awards and recognition at international level such as the "2017 Asia HRD Awards "Contribution to Organization Award", "Innovative Policy 2017 on Employment", "Work and Vocational Education and Training", "Zero Project Conference 2017, Vienna, Austria". "Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2017 for Excellence Award, Udon Thani, Thailand". The organisation also received a 5-Star Rating (SSR Index) in 2017 in the front line agency category. Indeed, the excellent achievements have propelled SOCSO's image on the international stage.

Based on the excellence and clear direction parallel to the expectations in the context of current social security protection landscape, the Strategic Plan 2016-2020 will become SOCSO's framework in continuing to strengthen employee social security protection network in this country. The priority is in reducing the gap to ensure equality for employees who are eligible to receive protection, in that they receive the proper protection regardless of the socio-economic limitations existing in the multiracial society of this country. This vision of excellence will place SOCSO as the leader in employee social security in the Asia Pacific region and subsequent becoming the ideal and reference for other countries.

TRANSFORMASI PERKHIDMATAN

Pada tahun 2017, PERKESO telah berjaya melaksanakan sebanyak enam belas (16) inisiatif transformasi yang memberi fokus khusus kepada Pembangunan Sistem ICT, Pengurusan Prestasi, Pengurusan Pengetahuan dan Kemahiran serta Pemantapan Kaedah Pemantauan. Inisiatif transformasi berimpak tinggi dan pembangunan aplikasi iPERKESO telah memberi impak positif kepada kepuasan pelanggan kerana telah berjaya memudahkan majikan untuk membuat pendaftaran dan bayaran caruman bulanan secara dalam talian dan secara langsung dapat mempercepatkan tempoh pengemaskinian rekod majikan dan pekerja. Selain itu, PERKESO telah membangunkan *Automated SOCSO Integrated System (ASSIST)* secara berfasa. Melalui portal layan diri ASSIST, majikan boleh mendaftar dan mengemaskini data pekerja serta mencarum secara dalam talian.

PERKESO juga telah menyediakan kemudahan ICT Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di mana semua pencarum dibenarkan membuat pendaftaran, mencarum dan membuat bayaran secara dalam talian atau secara tunai dengan hadir ke Pejabat PERKESO yang berdekatan. Aplikasi *Self-Employment Social Security (SESS)* turut dibangunkan bagi memudahkan semua pencarum mendaftar dan membayar caruman secara dalam talian. SESS juga menyediakan kemudahan bayaran secara tunai bagi pencarum yang tidak mempunyai akaun perbankan internet.

Selain itu, PERKESO juga telah membangunkan Sistem Pendaftaran Program Interim Penempatan Pekerjaan Semula yang merangkumi skop pendaftaran, kelulusan dan bayaran. Sistem ini dapat menyediakan kemudahan urusan pendaftaran program secara elektronik, membuat proses semakan dan kelulusan dengan lebih cepat serta proses bayaran terus ke dalam akaun pemohon dapat dijalankan menerusi perkhidmatan dalam talian.

iPERKESO
telah memberi impak positif kepada kepuasan pelanggan kerana telah berjaya memudahkan majikan untuk membuat pendaftaran dan bayaran caruman bulanan secara dalam talian dan secara langsung dapat mempercepatkan tempoh pengemaskinian rekod majikan dan pekerja.



iPERKESO
application has given a positive impact on customer satisfaction by enabling employers to register and make monthly contributions online, which then directly shortens the period for updating of employer and employee records.

SERVICE TRANSFORMATION

In 2017, SOCSO successfully implemented sixteen (16) transformation initiatives that give specific focus on ICT System Development, Performance Management, Knowledge and Skills Management, as well as Consolidation of Monitoring Methods. High impact transformation initiatives and the development of the iPERKESO application has given a positive impact on customer satisfaction by enabling employers to register and make monthly contributions online, which then directly shortens the period for updating of employer and employee records. In addition, SOCSO has also developed the Automated SOCSO Integrated System (ASSIST). Employers can register and update their employee records and contribute online through the ASSIST self-service portal.

SOCSO has also provided the Employment Insurance System ICT facility where all contributors may register, make contributions and payments online or in cash by going to the nearest SOCSO office. The Self-Employment Social Security (SESS) application was also developed to facilitate registration and payment of contributions online. SESS also provides cash payment facilities for contributors who do not have access to internet banking.

In addition, SOCSO has also developed the Replacement Interim Programme Registration System that covers registration, approval and payment. This system provides facilities for programme registration electronically, enables speedier review and approval processes as well as direct payment into the applicant's account through online services.



MELANGKAH KE HADAPAN

PERKESO berhasrat untuk memperluaskan Akta 789 kepada sektor informal lain seperti usahawan, penggiat seni, petani dan juga nelayan. Perluasan perlindungan ini dijangka dapat dilaksanakan dalam masa terdekat. Di samping itu, kajian kebolehlaksanaan skim insurans 'No Fault Accident' sedang dilaksanakan oleh PERKESO di mana sesi libat urus bersama MEF, FMM, dan MTUC sedang dijalankan di seluruh negara untuk memberi penerangan dan mendapatkan maklum balas. Hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

PERKESO sentiasa mengambil pendekatan proaktif mengkaji dan menambah baik skim-skim di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sedia ada untuk mewujudkan jaringan keselamatan sosial pekerja dan tanggungannya yang inklusif dan dinamik selaras dengan prinsip dan keadilan sosial sejagat berdasarkan Konvensyen ILO C102 *Social Security (Minimum Standard) 1952* dan **R202 Social Security Protection Floor Recommendation, 2012**. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada kewajaran dan kebolehlaksanaannya di negara ini di mana ia melibatkan komitmen secara *tripartite* iaitu majikan, pekerja dan Kerajaan. Selain itu, PERKESO juga sedang melihat kepada kesesuaian kebolehlaksanaan skim perlindungan bencana kerja kepada warga asing yang bekerja di negara ini.

MOVING FORWARD

SOCSSO intends to extend Act 789 to other informal sectors such as entrepreneurs, artists, farmers and also fishermen. The expansion of this protection is expected to be implemented in the near future. A viability study on the No Fault Accident insurance scheme is currently being undertaken by SOCSSO through engagement sessions with MEF, FMM and MTUC nationwide, to disseminate information and obtain feedback. Results of the study will be submitted to the Ministry of Human Resources for consideration and further action.

SOCSSO constantly takes a proactive approach by studying and making improvements to the existing schemes under the Employees Social Security Act 1969, to create an inclusive and dynamic social security network for employees and their dependents, in line with the universal principle of social justice based on ILO C102 Social Security (Minimum Standard) 1952 and R202 Social Security Protection Floor Recommendation 2012. However, this will depend on its expedience and viability in this country involving the tripartite commitment of employers, employees and the Government. SOCSSO is also looking at the viability of an employment injury protection scheme for foreign workers in the country.

PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga PERKESO ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan atas komitmen yang berterusan dan sokongan padu yang diberikan. Tidak lupa juga penghargaan kepada Pengurusan Atasan dan Warga PERKESO seluruhnya yang terus menyokong usaha menghadapi cabaran dan memperkasa perkhidmatan PERKESO demi kesejahteraan sosial pekerja.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga dan warga PERKESO seluruhnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Tuan M.Kulasegaran, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Hj Mahfuz Bin Hj Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas pelantikan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri menerajui Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO khususnya untuk terus memacu kecemerlangan sebagai peneraju keselamatan sosial yang dinamik dan inklusif di negara ini.

APPRECIATION

On behalf of the Board of SOCSO, I would like to express the highest appreciation to Members of the Board and Investment Panel for their continued commitment and support. Our appreciation also to the Top Management and Staff of SOCSO who continue to support our efforts in facing challenges and reinforcing SOCSO's services in the interest of employees' social wellbeing.

In conclusion, on behalf of the Board and SOCSO staff, I would like to record our highest congratulations to YB Tuan M.Kulasegaran and YB Dato' Hj Mahfuz bin Hj Omar on their respective appointments as Minister and Deputy Minister of Human Resources, leading the Ministry and SOCSO, in particular, towards excellence as the nation's dynamic and inclusive leader in social security.



TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT

Pengerusi PERKESO
Chairman of SOCSO

AHLI LEMBAGA

Board Members

- ❖ **TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT** Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
- ❖ **DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID** Tamat Perkhidmatan / Completion of service on 20.08.2017
Pengerusi PERKESO
Chairman of SOCSO

- ❖ **DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**
Ketua Eksekutif
Chief Executive

- ❖ **ENCIK ABDULLAH SUHAIMIN BIN MD YUNUS**
Ahli Mewakili Kementerian Kewangan
Member Representing the Ministry of Finance

- ❖ **DATO' AMIR BIN OMAR** Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
- ❖ **DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN** Tamat Perkhidmatan / Completion of service on 31.03.2017
Ahli Mewakili Kementerian Sumber Manusia
Member Representing the Ministry of Human Resources

- ❖ **DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM**
Ahli Mewakili Kementerian Kesihatan
Member Representing the Ministry of Health

- ❖ **ENCIK ALAN KHOO CHOOM KWONG**
- ❖ **DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI**
- ❖ **ENCIK RAMADASS A/L ARUMUGAM**
- ❖ **ENCIK LEONG PIT WEE** Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
- ❖ **DATUK DR. PHILIP D I TING** Tamat Perkhidmatan / Completion of service on 20.08.2017
Ahli Mewakili Majikan
Members Representing the Employers

- ❖ **TUAN HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID** A.B.S
- ❖ **ENCIK AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT**
- ❖ **DATUK AZIH BIN MUDA**
- ❖ **DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR** Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
Ahli Mewakili Orang Berinsurans
Members Representing the Insured Persons

AHLI LEMBAGA
Board Members

- ❖ **ENCIK BATI JURAM**
 - ❖ **YB DATO' NORMALA BINTI ABDUL SAMAD** Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
 - ❖ **DATIN PADUKA HAJAH SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN** Tamat perkhidmatan / Completion of service on 20.08.2017
 - ❖ **YB HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR** Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
 - ❖ **PROFESOR DATO' DR. SUDIN BIN HARON** Tamat perkhidmatan / Completion of service on 20.08.2017
- Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Members with Experience in Social Security
-

- ❖ **DATO' ABD. AZIZ BIN ABU BAKAR** Wakil Majikan / Employer Representative
 - ❖ **ENCIK MOHAMED AMIN BIN AZIZ** Wakil Majikan / Employer Representative
 - ❖ **ENCIK BENO OONG @ ONG SE TENG** Wakil Majikan / Employer Representative
 - ❖ **ENCIK ALBERT TANG YEW LIONG** Wakil Majikan / Employer Representative
- Ahli Silih Ganti
Alternate Members
-

- ❖ **ENCIK RAHIM BIN MOHAMAD**
Setiausaha Lembaga
Secretary of the Board
-

- ❖ **ENCIK ROSLY BIN ABDUL KADIR**
Penolong Setiausaha Lembaga
Assistant Secretary of the Board

PROFIL AHLI LEMBAGA

Board Members' Profile



TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT

Pengerusi PERKESO
Chairman of SOCSO

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh bin Haji Che Mat dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada 21 Ogos 2017. Tan Sri Aseh memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1974 dan memperoleh ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari University of Southern California, Amerika Syarikat pada tahun 1984. Pada tahun 2007, Tan Sri Aseh menerima PhD kehormatannya dalam Hubungan Antarabangsa dari Universiti Teknologi Kreatif Lim Kok Wing, Cyberjaya dan PhD Kehormat dalam Pengurusan dari Infrastruktur Universiti KL pada tahun 2015.

Selepas tamat pengajian pada tahun 1974, Tan Sri Aseh menyertai Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha. Sebelum bersara pada bulan Oktober 2007 sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, beliau memegang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam, mulai dari Penolong Setiausaha Utama di Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan telah berkhidmat di Sarawak dan Sabah selama 7 tahun bermula dari tahun 1977 hingga 1981, memegang pelbagai jawatan lain di Kementerian Dalam Negeri sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Imigresen Malaysia dan selepas itu, memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Imigresen Malaysia. Jawatan terakhir beliau ialah Pengerusi Pos Malaysia (GLC) dan Presiden / Datuk Bandar Putrajaya.

Tan Sri Aseh masih aktif dalam perkhidmatan komuniti dan kini memegang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Pesara Kerajaan, Presiden Tiara Golf & Country Club Melaka, Pengerusi Jawatankuasa Integriti FAM dan Pengasas Rumah Kasih, Ulu Inas Negeri Sembilan (Rumah Asrama). Beliau juga pada masa ini merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas MWE Holdings Bhd, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Lion Diversified Holdings Berhad dan Pengerusi British American Tobacco (BAT) yang merupakan Syarikat Tersenarai Awam.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh bin Haji Che Mat was appointed as Chairman of the Board of the Social Security Organisation (SOCSO) with effect from 21st August 2017. Tan Sri Aseh obtained his Bachelor of Economics (Honours) degree from the University of Malaya in 1974 and obtained his Master's degree in Public Administration from the University of Southern California, USA, in 1984. He then received an honorary PhD in International Relations from the Lim Kok Wing University of Creative Technology in Cyberjaya in 2007 and was awarded an honorary PhD in Management from the Infrastructure University KL in 2015.

Upon graduating in 1974, Tan Sri Aseh joined the Ministry of Finance as an Assistant Secretary. Prior to his retirement as the Secretary General of the Ministry of Home Affairs in October 2007, Tan Sri Aseh held various positions in the civil service ranging from Principal Assistant Secretary in the Education Services Commission, serving the states of Sarawak and Sabah for a period of 7 years from 1977 to 1981, to various other positions in the Ministry of Home Affairs before being appointed as the Deputy Director-General of Immigration Malaysia and thereafter, as the Director-General of Immigration Malaysia. His last government appointments were the Chairman of Pos Malaysia (GLC) and the President/Mayor of Putrajaya.

Tan Sri Aseh remains active in community service and is currently the Chairman of Yayasan Pesara Kerajaan, President of Tiara Golf & Country Club Melaka, Chairman of Integrity Committee FAM and Founder of Rumah Kasih, Ulu Inas, Negeri Sembilan (orphanage). He is currently the Independent Non-Executive Chairman of MWE Holdings Bhd, Independent Non-Executive Director of Lion Diversified Holdings Berhad and Chairman of British American Tobacco (BAT), all of which are public listed companies.

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

Ketua Eksekutif
Chief Executive

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif PERKESO pada 6 April 2015. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Oxford Business College, Oxford United Kingdom dan Ijazah Perubatan serta Ijazah Pembedahan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau memulakan kerjaya sebagai doktor perubatan pada tahun 1993 dan pada tahun 2001, beliau merupakan doktor perubatan yang pertama yang berkhidmat dengan PERKESO. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan Operasi pada tahun 2007, seterusnya sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO pada tahun 2011.

Beliau bertanggungjawab mempertingkatkan penglibatan PERKESO di bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, latihan kepada doktor perubatan, program pengurusan hilang upaya dan program kembali bekerja, promosi kesihatan pekerjaan dan penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO yang dilengkapi peralatan terkini. Di samping itu, beliau turut memainkan peranan penting dalam peningkatan kutipan caruman PERKESO melalui aktiviti pemeriksaan dan seterusnya peningkatan pelaburan perubatan melalui aset terpilih. Beliau telah memperkenalkan pendekatan 'PERKESO Prihatin dan amalan S4P' dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan PERKESO bagi kesejahteraan kepuasan pelanggan.

Keupayaan dan sumbangan beliau dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, keselamatan sosial dan kesihatan awam diiktiraf di dalam dan luar negara. Beliau telah terlibat secara aktif dalam *Royal College of Physicians of Ireland* sejak tahun 2005 dan dianugerahkan sebagai *Fellow of The Faculty of Occupational Medicine* sejak tahun 2010 dan Ahli *International Disability Management Standards Council (IDMSC)*. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai *International Social Security Association (ISSA) Bureau Member* dan *ISSA Nominations Committee* mulai Mei 2015.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed was appointed to the post of Chief Executive of SOCSO on 6th April 2015. He holds a Master of Business Administration degree from Oxford Business College, Oxford, UK as well as Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery degrees from the University of Malaya, Kuala Lumpur. Dato' Dr. Mohammed Azman began his career as a medical doctor in 1993 and in 2001 became the first medical doctor to be employed by SOCSO. He was promoted to Senior General Manager of Operations in 2007 and went on to become Deputy Chief Executive (Operations) in 2011.

He was responsible for SOCSO's increased involvement in the field of occupational safety and health, training of general physicians, disability management and return to work programme, employees' health promotion and recently, the state-of-the-art SOCSO Rehabilitation Centre. In addition, he has also played an important role in the improvement in contributions collection through inspection activities and increased investments in selected assets. He has introduced the "PERKESO Prihatin and S4P" concepts in order to improve SOCSO's service delivery for the wellbeing of customers.

His capability and contributions in the field of occupational safety and health, social security and public health is recognised both locally and internationally. He has been actively involved in the Royal College of Physicians of Ireland since 2005 and was made a Fellow of the Faculty of Occupational Medicine in 2010. He is also a Member of the International Disability Management Standards Council (IDMSC). In addition, he was also appointed as a member of the International Social Security Association (ISSA) Bureau and the ISSA Nominations Committee with effect from May 2015.



PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



ABDULLAH SUHAIMIN MD YUNUS

Mewakili Kementerian Kewangan
Representing the Ministry of Finance

Encik Abdullah Suhaimin Md Yunus merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian (Tadbir Urus Korporat) di Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah PERKESO pada 4 November 2016. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya (1983) dan Ijazah Sarjana dalam Ekonomi Pembangunan, *Williams College, Massachusetts, USA (1997)*.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Seksyen Ekonomi Makro (1983 - 1993) dan Ketua Penolong Setiausaha, Jawatankuasa Pelaburan Asing (2002) dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri sebelum berpindah ke Kementerian Pelajaran pada tahun 2003 sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Biasiswa. Pada Tahun 2006 beliau telah berpindah ke Kementerian Kewangan dan telah bertugas di pelbagai bahagian seperti Bahagian Pengurusan Korporat, Seksyen Pembangunan dan Unit Strategi Nasional. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak.

Mr. Abdullah Suhaimin Md Yunus who is the Deputy Under Secretary (Corporate Governance) of the Government Investment Companies Division, Ministry of Finance was appointed to the Board of SOCSO on 4th November 2016. He holds a Bachelor of Economics (Honours) degree from the University of Malaya (1983) as well as a Master's Degree in Development Economics from Williams College, Massachusetts, USA (1997).

He has extensive experience in the Public Sector, in various departments and ministries. Encik Abdullah began service as Assistant Director, Macro Economics Section (1983 - 1993) and served as Principal Assistant Secretary of the Foreign Investment Committee, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department (2002) before moving to the Ministry of Education in 2003 as the Principal Assistant Secretary, Scholarship Division. In 2006, he moved to the Ministry of Finance and served in various departments such as the Corporate Planning Division, Project Development Section and the National Strategic Unit. Encik Abdullah also serves on the Board of Trustees of Yayasan Tun Razak.

DATO' AMIR BIN OMAR

Mewakili Kementerian Sumber Manusia
Representing the Ministry of Human Resources

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

Dato' Amir bin Omar merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO pada 5 Julai 2017. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran (Ekonomi Luar Bandar, Universiti Malaya (1986), Diploma Pentadbiran Awam, INTAN Kuala Lumpur (1988), Diploma Pasca Siswazah Ekonomi (1995) dan Ijazah Sarjana dalam Ekonomi (1996) di Universiti Manchester, United Kingdom.

Berpengalaman luas dalam bidang ekonomi melibatkan penduduk, tenaga buruh dan pekerjaan serta pembangunan modal insan di Malaysia. Beliau mula berkhidmat di Bahagian Perancangan Sektor, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai Penolong Pengarah (1988 - 2005). Beliau kemudian berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Sumber Manusia dan di Seksyen Pembangunan Modal Insan (PMI) (2005 - 2006), EPU JPM, sebagai Timbalan Pengarah Seksyen PMI, EPU JPM (2006 - 2010), dilantik sebagai Pengarah Institut Sumber Manusia Kebangsaan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang kini dikenali sebagai Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) (2010 - 2014) sebelum ke EPU JPM semula sebagai Pengarah Seksyen PMI (2014 - 2017). Beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa), KSM pada 15 Mei 2017 sehingga kini.

Dato' Amir bin Omar is the Deputy Secretary General (Policy and International Affairs) of the Ministry of Human Resources and was appointed to the Board of SOCSO on 5th July 2017. He holds a Bachelor of Economics and Administration (Rural Economics) degree from the University of Malaya (1986), a Diploma in Public Administration, INTAN Kuala Lumpur (1988), Post-graduate Diploma in Economics (1995) and a Master's degree in Economics (1996) from University of Manchester, United Kingdom.

He has extensive experience in economics with an emphasis on population, labour and employment, as well as human capital development in Malaysia. He began service in the Sector Planning Division, Economic Planning Unit (EPU) Prime Minister's Department as an Assistant Director (1988 - 2005). He then served as the Principal Assistant Director, Human Resources Section and Human Capital Development Section (PMI) (2005-2006), EPU JPM. He was later made the Deputy Director of PMI Section, EPU JPM (2006-1010). He was thereafter appointed as the Director of the National Human Resources Institute, Ministry of Human Resources, now known as the Labour Market Information and Analysis Institute (ILMIA) (2010 - 2014) before moving to EPU JPM as the Director of PMI Section (2014 - 2017). He currently holds the post of Deputy Secretary General (Policy and International Affairs) Ministry of Human Resources, a position he has held since 15th May 2017.



PROFIL AHLI LEMBAGA

Board Members' Profile



DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM

Mewakili Kementerian Kesihatan
Representing the Ministry of Health

Dr. Sirajuddin bin Hashim merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Pekerjaan dan Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Kementerian Kesihatan mulai 1 Ogos 2016. Beliau memiliki Ijazah Doktor Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Masters in Public Health* dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 1989 dan telah berkhidmat di pelbagai peringkat perkhidmatan kesihatan di daerah dan negeri sebelum ditempatkan di ibu pejabat Kementerian Kesihatan.

Dr. Sirajuddin bin Hashim is the Occupational Health Physician and Head of Sector of Occupational Health and Environment, Non-Communicable Disease Branch, Disease Control Division. He was appointed to the Board as a Member Representing the Ministry of Health with effect from 1st August 2016. He holds a Medical Degree from the National University of Malaysia and a Master's degree in Public Health from the same university. He began service as a medical officer at the Hospital Sultanah Aminah in Johor Bahru in 1989 and has served in various positions in health services at district and state levels before being transferred to the headquarters of the Ministry of Health.

RAMADASS A/L ARUMUGAM

Mewakili Majikan

Representing the Employers

Selepas menamatkan pengajian dari Universiti Malaya dengan Ijazah B.Ec, Encik Ramadass mula berkhidmat di Kementerian Sumber Manusia sebagai Pegawai Perhubungan Industri dari tahun 1972 - 1976. Pada tahun 1977, beliau menyertai Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) sebagai Pegawai Perhubungan Industri dan berkhidmat dengan Persatuan sehingga tahun 1990 di mana beliau mewakili majikan perladangan di Mahkamah Perusahaan dari tahun 1980 dan juga pernah dilantik sebagai Ahli Panel Mahkamah Perusahaan. Setelah memperolehi ijazah LLB (London) pada tahun 1986 dan CLP (Mal) pada tahun 1987, beliau telah memulakan amalan guaman di bawah nama Tetuan Ramadass & Associates pada tahun 1991, khusus dalam Undang-undang Perindustrian.

Pada masa ini, beliau terlibat dalam mewakili majikan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kes-kes pembuangan kerja, pertikaian perdagangan, isu pengiktirafan kesatuan dan pertikaian perundingan kolektif, yang berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan termasuk penentuan gaji secara industri dan juga sebagai asas penubuhannya. Selain terlibat dalam Mahkamah, beliau juga telah menjalankan beberapa program latihan dalaman dalam undang-undang perindustrian serta telah menjadi penceramah di pelbagai forum kebangsaan dan antarabangsa mengenai perhubungan perusahaan dan pengurusan sumber manusia dan khususnya dalam subjek berikut:

- ❖ Perjanjian Kolektif dan Perundingan Kolektif
- ❖ Performance Linked Wage System
- ❖ Fleksibiliti Pengurusan Perniagaan di Malaysia – Kekangan Perundangan
- ❖ Pembaharuan Undang-undang Buruh dan Pembangunan Modal Insan di Malaysia
- ❖ Amalan Kesaksamaan dan Keadilan Majikan (*Equity & Good Conscience - The Employers' Enigma*)
- ❖ Pekerjaan & Perlindungan Pekerja Asing
- ❖ Perjanjian Kolektif dan Perundingan Kolektif – Prinsip Penetapan Gaji

Beliau merupakan Timbalan Ahli Badan Pentadbir Pertubuhan Buruh Antarabangsa mewakili Majikan Malaysia bagi tempoh 2008 hingga 2011. Beliau juga memegang jawatan Naib Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); Ahli Lembaga Pengarah PERKESO, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan; Ahli Jawatankuasa Teknikal Kementerian Sumber Manusia dalam pengemaskinian undang-undang perburuhan di samping mewakili Persekutuan Majikan Malaysia dalam Jawatankuasa Perundingan Mahkamah Perindustrian.

Mr. A. Ramadass, after graduating from University of Malaya with a Bachelor of Economics Degree, first served in the Ministry of Human Resources as an Industrial Relations Officer from 1972 - 1976. In 1977 he joined the Malayan Agricultural Producers Association (MAPA) as an Industrial Relation Officer and served the Association until 1990 during which time he represented plantation employers in the Industrial Court. He was also appointed as a Panel Member of the Industrial Court. Having obtained his LLB (London) in 1986 and CLP (Mal) in 1987, he commenced legal practice and subsequently opened his own practice under the name and style of Messrs Ramadass & Associates in 1991, specialising in Industrial Law.

Currently he is involved in representing employers in matters related to dismissal cases, trade disputes, union recognitions issues and collective bargaining disputes, which relate to terms and conditions of employment including wage determination on industry basis as well as establishment basis. Besides appearing in Courts, he has also conducted several in-house training programmes on industrial law and has been invited to speak at various national and international forums on industrial relations and human resource management, and in particular the following subjects:

- ❖ Collective Agreement and Collective Bargaining
- ❖ Performance Linked Wage System
- ❖ Flexibility in Managing Business in Malaysia – The Legislative Constraints
- ❖ Labour Law Reforms and Human Capital Development in Malaysia
- ❖ Equity & Good Conscience – The Employers' Enigma
- ❖ The Employment & Protection of Foreign Workers; and
- ❖ Collective Agreement and Collective Bargaining – Wage Determination Principles.

He was a Deputy Member of the Governing Body of the International Labour Organisation representing Malaysian Employers for the period 2008 to 2011. He also holds the position of Vice President of the Malaysian Employers' Federation (MEF); Member of the SOCSO Board of Directors, Member of the National Labour Advisory Council; Member of the Ministry of Human Resources Technical Committee for the Updating of Labour Legislation. He has also represented the Malaysian Employers' Federation in the Industrial Court Negotiations Committee.



PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI

Mewakili Majikan

Representing the Employers

Dr. Michael Chiam telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO sejak Ogos 2003 di mana sebelum ini beliau adalah salah seorang Ahli Lembaga silih ganti. Beliau juga merupakan Ahli Panel Pelaburan PERKESO. Seorang Akauntan Bertauliah dan Setiausaha Syarikat berdasarkan profesinya, beliau juga merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Ahli Malaysian Association Company Secretaries, Chartered Member Institute of Internal Auditors dan pemegang *Master of Business Administration* (MBA) dengan satu pasca siswazah berganda dalam Diploma Latihan dan Pembangunan. Dr. Chiam adalah pemegang Ijazah Doktor Falsafah dalam Perancangan Strategik dan Sumber Manusia, pengkhususan dalam Tanggungjawab Sosial.

Kini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Paragon Corporation Sdn. Bhd. Sepanjang kariernya selama 33 tahun, beliau sentiasa berada di peringkat kanan dan memegang pelbagai jawatan di peringkat pengurusan, kewangan dan akaun, keusahawanan, sumber manusia, perancangan dan hal ehwal korporat, operasi perkapalan serta perolehan. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengarah Nedlloyd Malaysia dan Ketua Operasi dalam P&O Nedlloyd, iaitu sebuah syarikat multi nasional dalam bidang perkapalan. Kerjaya awal beliau bermula dalam sektor perladangan di Bahagian Audit Dalaman selain jawatan-jawatan lain. Ketika ini beliau adalah *President of Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia, Council Member of MEF, Director of MEF Academy dan Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia.*

Dr. Michael Chiam was appointed as a Board Member of SOCSO from August 2003. Prior to this appointment he was an Alternate Board Member. He also sits on the Investment Panel of SOCSO. A Chartered Accountant and Company Secretary by profession, he is a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and the Malaysian Association of Company Secretaries. He is also a Chartered Member of the Institute of Internal Auditors and holds a Master of Business Administration (MBA) with a post graduate double Diploma in Training and Development. Dr. Chiam also holds a Ph.D and his primary research was in Strategic Management and Human Resource Management majoring in Social Responsibilities.

He is now the Executive Director of Paragon Corporation Sdn. Bhd. For the most part of his career spanning some 33 years, he was at a senior level of management, from Finance & Accounts, Entrepreneurial Management, Human Resource (HR), Planning & Corporate Affairs, and Shipping Operations and Procurement. His last position was as Director of Nedlloyd Malaysia and the Chief of Operations in P&O Nedlloyd, a Multi National Company (MNC) in liner shipping. His appointment in his early years included an attachment to the Internal Audit Division in the plantation sector, apart from a few other appointments. He is now the President of the Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia and a Council Member of the MEF. He is also the Director of the MEF Academy and the Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia.

LEONG PIT WEE

Mewakili Majikan

Representing the Employers

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

Encik Leong Pit Wee telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO Mewakili Majikan berkuat kuasa mulai 21 Ogos 2018. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam sektor korporat. Beliau juga aktif dan mengetuai pelbagai organisasi, antara lain, sebagai Pengarah Eksekutif Pwe Serian (Shell Kiosk) Sdn Bhd sejak tahun 2011, Pengarah Eksekutif Weejadi Investment Holding Sdn Bhd sejak tahun 2010, Pengarah Eksekutif Taipan Partners Holding Sdn Bhd sejak tahun 2004, Pengarah Eksekutif C.K.K. Property Enterprise Sdn Bhd dan C.K.K. Mortgage & Loan Sdn Bhd sejak tahun 1992.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam semua bidang berkaitan perakaunan, korporat dan organisasi. Beliau kini merupakan ahli Institut Setiausaha dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA), Institut Setiausaha Syarikat Bertauliah (IACS), Persatuan Syarikat Pembelian Sewa Malaysia (AHPCM) dan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (Sheda). Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Sekolah Perniagaan Edinburgh, Universiti Heriot-Watt, United Kingdom (1999) dan Diploma Lulusan Ijazah Pentadbiran Perniagaan (1996), Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Institut B.A., Dublin (1993) dan Sijil Lanjutan Pentadbiran Perniagaan (1995).

Mr. Leong Pit Wee was appointed to the Board of SOCSO as a Member Representing Employers with effect from 21st August 2018. He has extensive experience in the corporate sector. He is also active and heads various organisations, among others, as the Executive Director of Pwe Serian (Shell Kiosk) Sdn. Bhd. since 2011, Executive Director of Weejadi Investment Holding Sdn. Bhd. since 2010, Executive Director of Taipan Partners Holding Sdn. Bhd. since 2004 as well as Executive Director of C.K.K. Property Enterprise Sdn. Bhd. and C.K.K. Mortgage & Loan Sdn. Bhd. since 1992.

He has vast experience in all fields related to accounting, corporations and organisations. He is now a member of the Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA), Institute of Approved Company Secretaries (IACS), Association of Hire Purchase Companies Malaysia (AHPCM) and Sarawak Housing and Real Estate Developers' Association (Sheda). He holds a Master of Business Administration degree (MBA) from Edinburgh Business School, Herriot-Watt University, United Kingdom (1999), a Postgraduate Diploma in Business Administration (1996), a Bachelor in Business Administration degree from B.A Institute, Dublin (1993) and a Postgraduate Certificate of Business Administration (1995).



PROFIL AHLI LEMBAGA

Board Members' Profile



ALAN KHOO CHOOM KWONG

Mewakili Majikan

Representing the Employers

Encik Alan Khoo Choom Kwong berpengalaman dalam bidang pengurusan sumber manusia. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Majikan bermula pada 1 April 2002. Berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada *Charles Sturt University*, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), *University of Windsor*, Canada. Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Persatuan Perundingan Majikan-Majikan Sabah (SECA) dan Ahli Majlis Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan Ahli Lembaga Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) di bawah Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

Mr. Alan Khoo Choom Kwong is experienced in human resource management. He was appointed to the Board as a Member Representing Employers effective 1st April 2002. He holds a Master's degree in Business Management from Charles Sturt University, Australia and a Bachelor of Arts (Economics) from the University of Windsor, Canada. At present, Encik Alan Khoo serves as Chairman of Sabah Employers' Consultative Association (SECA) as well as the Vice President of the Malaysian Employers' Federation (MEF). He was also appointed to the Boards of National Wages Consultative Council (NWCC) and the National Labour Advisory Council (NLAC) under the Ministry of Human Resources, Malaysia.

TUAN HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S.

Mewakili Orang Berinsurans

Representing the Insured Persons

Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid, A.B.S., telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada 1 Ogos 2003. Pada masa ini beliau berkhidmat dengan Telekom Malaysia Sarawak. Beliau juga merupakan Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sarawak, Presiden Kesatuan Pekerja Telekom Sarawak (UTES), Ahli Lembaga Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Naib Presiden Rangkaian Kesatuan Antarabangsa Majlis Perhubungan Malaysia (UNI-MLC), Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sarawak. Beliau juga adalah Ahli Majlis Asean Services Employees Trade Union Council (ASETUC) Sektor Malaysia.

Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid, A.B.S., was appointed to the Board Representing Insured Persons on 1 August 2003. He is currently serving with Telekom Malaysia Sarawak. He is the Chairman of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) Sarawak, as well as the President of Telecommunications Workers Union Sarawak (UTES), Board Member of Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Vice President of Union Network International - Malaysian Liaison Council (UNI-MLC), National Labour Advisory Council (NLAC) Member and Sarawak Industrial Court Panel Member. He is also a Council Member of the Asean Services Employees Trade Union Council (ASETUC) Malaysia Sector.



PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



DATUK AZIH BIN MUDA

Mewakili Orang Berinsurans
Representing the Insured Persons

Datuk Azih bin Muda telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO mewakili Orang Berinsurans mulai 28 Ogos 2015. Berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam khususnya Pengurusan Kerajaan Tempatan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sejak tahun 1978. Beliau turut aktif dan memimpin pelbagai pertubuhan, Pengerusi Lembaga Koperasi dan memimpin Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE). Menganggotai Ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Ahli Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC). Pada masa ini, beliau menyandang jawatan Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Presiden ANULE, Pengerusi Koperasi Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia Berhad (KOSPETA) dan Pengerusi Koperasi Kakitangan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) dan Naib Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi Pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Sokongan.

Datuk Azih bin Muda was appointed to the Board of SOCSO as a Member Representing Insured Persons with effect from 28th August 2015. He has extensive experience in public service, specifically in Local Authority Management, serving the Kuala Terengganu City Council since 1978. He is also active and heads various organisations, among others, as the Chairman of the Board of Co-operative as well as head of the Amalgamated National Union of Local Authorities Employees Malaysia (ANULAE) He is also a member of the National Council on Occupational Safety and Health, and a member of the National Labour Advisory Council (NLAC). At present, he holds the posts of President of the Congress of Union of Employees in the Public and Civil Services of Malaysia (CUEPACS) President of ANULAE, Chairman of the Koperasi Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia Berhad (OSPETA) and chairman of the Koperasi Kakitangan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. He also serves on the Board of Directors of Kumpulan Wang Amanah Persaraan (Retirement Fund Incorporated) (KWAP) and as the Vice Chairman of the National Joint Council on General Workers in the Support Group.

AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT

Mewakili Orang Berinsurans

Representing the Insured Persons

Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans mulai 1 Ogos 2013. Beliau pernah berkhidmat di Bahagian Operasi, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dari 1 Mac 1983 hingga 31 Ogos 2004. Mula menyertai Syarikat Sabah Ports Sdn Bhd sebagai Penyelia Operasi setelah Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah diswastakan sepenuhnya pada 1 September 2004. Berpengalaman luas dalam kesatuan sejak berkhidmat dengan Kerajaan dan terlibat secara langsung dalam penubuhan Kesatuan Pekerja-Pekerja Sabah Ports Sdn Bhd (KPPSPSB) pada 31 Mac 2006. Dipilih sebagai Penolong Setiausaha KPPSPSB pada masa itu dan kemudiannya sebagai Timbalan Presiden dan menjadi Presiden pada 1 November 2011 setelah menang tanpa bertanding.

Beliau menjadi Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sabah selepas menang dalam pemilihan pada tahun 2010 dan menang semula tanpa bertanding pada pemilihan sesi 2013 - 2016. Selain dari itu beliau juga telah dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) mewakili Sabah, Ahli Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) Sabah mewakili pekerja, Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sabah serta Ahli Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penundaan Perlaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012.

Mr. Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat was appointed to the Board as a Member Representing Insured Persons from 1st August 2013. He served in the Operations Division of the Sabah Ports Authority between 1st March 1983 and 31st August 2004. He first joined Sabah Ports Company Sdn. Bhd. as the Supervisor of Operations after the full privatisation of Sabah Ports Authority on 1st September 2004. He has had extensive experience in unions since joining Government service and was directly involved in the establishment of the Union of Employees of Sabah Ports Sdn. Bhd. (SPSBEU) on 31st March 2006. He was selected to be the Assistant Secretary, then the Deputy President and the President of SPSBEU on 1st November 2011 after winning uncontested in the elections.

He first became the Chairman of MTUC (Sabah) after winning uncontested in the 2010 elections. He then retained his position after winning uncontested during the 2013 - 2016 elections. In addition, he was also appointed by the Ministry of Human Resources Malaysia as a Member of the National Labour Advisory Council (NLAC) representing Sabah, as well as a Member of the Social Security Appellate Board (SSAB) of Sabah, a Member of the Industrial Court of Sabah and a Member of the Committee on Assessment of Application for Deferment of the Minimum Wages Order 2012.



PROFIL AHLI LEMBAGA

Board Members' Profile



DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR

Mewakili Orang Berinsurans

Representing the Insured Persons

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

Dato' Abdul Halim bin Mansor telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada tahun 21 Ogos 2017. Beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam kesatuan sekerja dan terlibat dengan banyak kajian profesional di peringkat antarabangsa. Beliau merupakan Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Petroleum dan Kimia (NUPCIW) sejak 1986. Beliau juga adalah Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sehingga Disember 2013 serta dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Panel Mahkamah Perusahaan. Pada masa ini beliau berkhidmat dengan Nylex (Malaysia) Sdn. Bhd. dan merupakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) (2017 - 2019)

Dato' Abdul Halim bin Mansor was appointed to the Board as a Member Representing Insured Persons with effect from 21st August 2018. He has extensive experience with trade unions and has been involved in many international professional studies. He has been the Secretary General of the National Union of Petroleum and Chemical Industry Workers (NUPCIW) since 1986. He was the Secretary General of the Malaysian Trade Union Congress (MTUC) up until December 2013 as was appointed as a member of the National Labour Advisory Council (NLAC) as well as the Industrial Court Panel. He is currently serving as the President of the Malaysian Trade Union Congress (MTUC) (2017 - 2019).

BATI JURAM

Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Member with Experience in Social Security

Encik Bati Juram telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Berpengalaman Dalam Keselamatan Sosial mulai 21 Ogos 2015. Berkelulusan Ijazah Sarjana Sains dari University Wales, United Kingdom (1985), Ijazah Sarjana Muda Sains (Sosiologi) dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1975) dan *Corporate Member of the Chartered Institute of Transport, UK* (1982). Berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuklah Perkhidmatan Awam dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Beliau banyak terlibat aktif dalam Kursus Pembangunan, Kepimpinan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta program pengendalian '*Port Administration and Operation*' di dalam dan luar negara. Pada masa ini, beliau adalah Ahli Tetap '*Council of Elders*' Persatuan Dayak Bidayuh Kebangsaan (DBNA) Negeri Sarawak.

Mr. Bati Juram was appointed to the Board as a Member with Experience in Social Security on 21st August 2015. He holds a Master of Science degree from the University of Wales, United Kingdom (1985), a Bachelor of Science (Sociology) degree from Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1975) and is a Corporate Member of the Chartered Institute of Transport, United Kingdom (1982). He has vast experience in various fields including in Public Service and Non-Governmental Organisations. He is actively involved in the Development of Employee Leadership Safety and Health Course as well as in organizing Port Administration and Operation Handling programmes, locally and abroad. At present, he is a Permanent Member of the Council of Elders in the Dayak Bidayuh National Association (DBNA) of Sarawak.



PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile

YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Member with Experience in Social Security

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

YB Dato' Hajah Normala telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Yang Berpengalaman Dalam Keselamatan Sosial mulai 21 Ogos 2017. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Sumber Manusia, dari Universiti Nottingham Trent, United Kingdom dan Sarjana Pentadbiran Pengurusan dari Paramount University Teknologi, United Kingdom.

Sebelum berkecimpung ke dalam politik, Dato' Hajah Normala berpengalaman luas lebih daripada 32 tahun dalam Sumber Manusia serta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang Sumber Manusia pada tahun 1981 bersama Pan Century Edible Oils Sdn. Bhd., Pasir Gudang sehingga menjawat kedudukan sebagai Ketua Sumber Manusia pada tahun 1992 di Pan Century Oleochemicals Sdn. Bhd. Beliau kemudian menyertai Grand Bank Yachts Sdn. Bhd. Pada tahun 1995 sebagai Pengurus Sumber Manusia dan meletak jawatan pada tahun 2013.

YB Dato' Hajah Normala sangat aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan dan memegang pelbagai jawatan seperti Pengerusi Mimbar Permuafakatan Ibu Bapa Malaysia ("MAPIM"), Pasir Gudang dan Ahli Majlis Tertinggi MAPIM (Peringkat Kebangsaan), Pengerusi Biro Wanita Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia ("PEMADAM") Johor, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita & Keluarga untuk Pasir Gudang, Pengerusi Parlimen Perkumpulan Wanita ("PERWANI") Pasir Gudang, Pengerusi dan Pengasas Koperasi Seri Cempaka Pasir Gudang Berhad dan Pengerusi dari Lembaga Penasihat Kolej Komuniti Pasir Gudang.

Beliau adalah bekas Timbalan Pengerusi Persekutuan Pengilang Malaysia ("FMM"), Cawangan Johor sejak tahun 2000 dan juga mempengerusikan pelbagai jawatankuasa di FMM. Beliau juga bekas Timbalan Pengerusi Kumpulan Sumber Manusia bagi Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, bekas Timbalan Pengerusi Persekutuan Majikan Malaysia Johor, Setiausaha Kehormat Persatuan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Malaysia, bekas Ahli Panel Jawatankuasa Kes Rayuan untuk Mahkamah Rayuan kes PERKESO dan bekas Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Malaysia.

YB Dato' Hajah Normala was appointed to the Board as a Member with Experience in Social Security on 21st August 2017. She holds a Master of Business Administration degree specialising in Human Resources from Nottingham Trent University in the United Kingdom. She also holds a Bachelor's degree in Management Administration from Paramount University of Technology in the United Kingdom.

Before her foray into politics, Dato' Hajah Normala has accumulated over 32 years of experience in Human Resource as well as Occupational Safety and Health. She began her career in Human Resource in 1981 with Pan Century Edible Oils Sdn. Bhd. in Pasir Gudang and progressed to the position of Head of Human Resources at Pan Century Oleochemicals Sdn. Bhd. in 1992. She later joined Grand Bank Yachts Sdn. Bhd. in 1995 as its Human Resources Manager until her resignation in 2013.

YB Dato' Hajah Normala is very active in non-governmental organisations and holds various positions such as Chairman of Mimbar Permuafakatan Ibu Bapa Malaysia (MAPIM), Pasir Gudang and member of the Supreme Council of MAPIM (National Level), Chairman of the Women's Bureau of Drug Prevention Association of Malaysia (PEMADAM) Johor, Chairman of the Development Council of Women & Fertility for Pasir Gudang, Chairman of Perkumpulan Wanita Parlimen (PERWANI) Pasir Gudang, Founder and Chairman of Koperasi Seri Cempaka Pasir Gudang Berhad and Chairman of the Advisory Board of the Pasir Gudang Community College.

She was the former Deputy Chairman of the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Johor Branch, a position she held from 2000, during which time she also chaired various committees in FMM. She was also the former Deputy Chairman of Human Resources Officers Group for Pasir Gudang Industrial Area, former Deputy Chairman of Malaysian Employers Federation Johor, Honorary Secretary of Malaysian Association of Safety and Health Officers, former Panel Member of Appeal Cases Committee for SOCSO's Court of Appeals cases and former Panel Member of the Industrial Court.

YB HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR

Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Member with Experience in Social Security

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

YB Haji Mohd Iskandar Bin Jaafar telah dilantik sebagai Ahli Lembaga mewakili orang yang berpengalaman dalam Keselamatan Sosial pada 21 Ogos 2017. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Universiti Malaya, 1999. YB Haji Mohd Iskandar Bin Jaafar adalah merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi Dewan Undangan Negeri Jabi, Terengganu semenjak tahun 2003. Beliau juga merupakan Pengerusi dan Pengarah Lembaga TDM Plantation Sdn Bhd.

YB Haji Mohd Iskandar Bin Jaafar sangat aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan dan memegang pelbagai jawatan antaranya selaku Timbalan Pengerusi Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu sejak tahun 2013, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penerangan, Terengganu sejak tahun 2007 - 2013 dan Pegawai Penerangan, Jabatan Maklumat, Pahang sejak tahun 2003 - 2007.

YB Haji Mohd Iskandar bin Jaafar was appointed to the Board as a Member with Experience in Social Security on 21st August 2017. He holds a Bachelor of Arts (Honours) degree from the University of Malaya in 1999. He has been a Member of the Terengganu State Legislative Assembly for the constituency of Jabi, Terengganu since 2003. He is also the Chairman and Member of the Board of Directors of TDM Plantation Sdn Bhd.

YB Haji Iskandar bin Jaafar is very active in non-governmental organisations and holds various positions such as Deputy Chairman of the Terengganu Entrepreneur Development Foundation since 2013, Senior Assistant Director of the Department of Information Terengganu from 2007 to 2013, and Information Officer at the Department of Information, Pahang from 2003 - 2007.


AHLI PANEL PELABURAN

Investment Panel Members

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 5.9 peratus pada tahun 2017, melepasi unjuran yang dibuat kebanyakan penganalisis termasuk Bank Dunia. Pertumbuhan itu lebih tinggi berbanding 4.2 peratus dan lima peratus yang dicatatkan masing-masing pada tahun 2016 dan tahun 2015. Pada suku keempat tahun 2017, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.9 peratus, berbanding 4.5 peratus pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), permintaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan sokongan berterusan daripada sektor luaran. Manakala dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi terus berkembang, kecuali sektor perlombongan. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang sebanyak 0.9 peratus berbanding suku ketiga, 1.8 peratus dan inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada 3.5 peratus pada suku keempat tahun 2017 disebabkan inflasi lebih rendah dalam kategori perumahan, air, elektrik dan gas serta pengangkutan.

Pada tahun 2017 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 3.7 peratus berbanding 2.1 peratus pada tahun 2016 tetapi dijangka menjadi sederhana tahun ini yang mencerminkan kesan faktor kos global yang lebih kecil serta pengukuhan ringgit berbanding tahun 2017.



The Malaysian economy recorded a growth of 5.9 percent in 2017, surpassing the projection made by most analysts including the World Bank. The growth was higher compared to the 4.2 percent and 5.0 percent recorded in 2016 and 2015 respectively. In the fourth quarter of 2017, the Gross Domestic Product (GDP) grew by 5.9 percent, compared to the 4.5 percent within the same period in the preceding year.

According to Bank Negara Malaysia, the private sector demands continue to be the main driving force of the economic growth, together with continued support from external sectors. In terms of supply, all economic sectors continued to grow, with the exception of the mining sector. On a seasonally adjusted quarterly basis, the country's economy grew by 0.9 percent compared to the third quarter of 1.8 percent, with overall inflation slightly reduced to 3.5 percent in the fourth quarter of 2017 due to lower inflation in housing, water, electricity and gas as well as transportation categories.

Overall in 2017, the average inflation is 3.7 percent compared to 2.1 percent in 2016. However, the same is expected to become average this year, showing the effects of smaller global costs factors as well as the strengthening of ringgit compared to 2017.

2017

SECARA KESELURUHANNYA

jumlah hasil PERKESO bagi tahun 2017 meningkat sebanyak 10.71% berbanding pada tahun 2016

SOCOSO's overall revenue for 2017 increased by 10.71% compared to 2016

2017

DANA PELABURAN

PERKESO mencatat pertumbuhan sebanyak 5.32% berbanding pada tahun 2016

SOCOSO's investment funds recorded a growth of 5.32% compared to 2016

2017

PULANGAN PELABURAN

bertambah dengan peningkatan dalam pendapatan caruman sebanyak 10.74% berbanding pada 2016

Investment returns grew with an increase in collection income by 10.74% compared to 2016

2017

PENDAPATAN PELABURAN

meningkat sebanyak 6.22% berbanding pada 2016

Investment income increased by 6.22% compared to 2016

2017

KADAR PULANGAN PELABURAN

(ROI) pada penutup 2017 pada kadar 5.15% berbanding 5.00% pada tahun 2016

Return on Investment as at the end of 2017 was at a rate of 5.15% compared to 5.00% in 2016.

PERKESO mengamalkan strategi pelaburan jangka panjang yang konservatif dan cermat dengan mengambil kira faktor risiko dalam menguruskan dana. Strategi ini ditunjukkan dalam wajaran yang tertumpu kepada instrumen pendapatan tetap sejajar dengan alokasi aset strategik. Prestasi sederhana pulangan pelaburan turut didorong faktor global dan sentimen domestik serta peningkatan kerugian pertukaran wang asing yang turut dirasai oleh kebanyakan agensi lain.

Peningkatan belanja operasi berikutan peningkatan dalam perbelanjaan emolumen dan peningkatan dalam perbelanjaan bekalan serta perkhidmatan turut memberi kesan secara tidak langsung.

Walau bagaimanapun, penyusutan pulangan pelaburan dan peningkatan perbelanjaan mengurus tidak akan menjejaskan usaha PERKESO untuk komited melakukan lonjakan menerusi langkah strategik mempelbagaikan alokasi aset pelaburan, termasuk melantik pakar pelaburan strategik yang baharu.

SOCOSO practises a conservative and prudent long-term investment strategy by taking into account risk factors in managing its funds. This strategy is shown in the estimation which is focused towards steady income instruments in line with strategic asset allocation. The average performance of investment returns is also spurred by global factors and domestic sentiments as well as an increased loss in foreign exchange which is also experienced by most other agencies.

An increase in operational expenditure following an increase in emolument expenses and increase in supply as well as services expenditure also had an indirect effect.

However, the decrease in investment returns and increase in administration expenditure will not affect SOCOSO's efforts to remain committed in implementing leaps through strategic measures in diversifying its investment asset allocation, including appointing experts in new strategic investments.

AHLI PANEL PELABURAN

Investment Panel Members



**TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH
BIN HAJI CHE MAT**

Pengerusi PERKESO / Chairman of SOCSO

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017



**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN
DATO' AZIZ MOHAMMED**

Ketua Eksekutif / Chief Executive

AHLI PANEL PELABURAN
Investment Panel Members



DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR

Ahli Mewakili Kementerian Kewangan
Member Representing Ministry of Finance



DATUK AZIH BIN MUDA

Ahli Mewakili Orang Berinsurans
Member Representing Insured Persons

Sehingga / Until 20.08.2017

AHLI PANEL PELABURAN

Investment Panel Members



DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI

Ahli Mewakili Majikan
Member Representing Employers



DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR

Ahli Mewakili Orang Berinsurans
Member Representing Insured Persons

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

AHLI PANEL PELABURAN
Investment Panel Members



DATUK DR. PHILIP D I TING

Ahli Mewakili Majikan
Member Representing Employers

Sehingga / Until 20.08.2017



PROFESOR DATO' DR. SUDIN HARON

Ahli yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Members with Experience in Social Security

Sehingga / Until 20.08.2017

AHLI PANEL PELABURAN

Investment Panel Members



LEONG PIT WEE

Wakil Orang Yang Berpengalaman Dalam Perniagaan dan Kewangan
Representative of Persons Experiencing in Business and Finance

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017



DATUK IDRIS BIN ABDULLAH

Wakil Orang Yang Berpengalaman Dalam Perniagaan dan Kewangan
Representative of Persons Experiencing in Business and Finance

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

AHLI JAWATAKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Investment Board and Panel Committee Members

JAWATANKUASA PANEL PELABURAN 2017

Investment Panel Committee 2017

1. TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT
2. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
3. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
4. DR. MICHAEL CHIAM TOW HU
5. DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
6. DATUK AZIH BIN MUDA
7. PROFESOR DATO' DR. SUDIN BIN HARON
8. DATUK DR. PHILIP TING DING ING
9. DATUK IDRIS BIN ABDULLAH
10. DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR
11. LEONG PIT WEE

Nota / Note:

Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid *digantikan oleh / replaced by*
Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat
Profesor Dato' Dr. Sudin Bin Haron *digantikan oleh / replaced by* Datuk Idris Bin Abdullah
Datuk Azih bin Muda *digantikan oleh / replaced by* Dato' Abdul Halim Bin Mansor
Datuk Dr. Philip Ting Ding Ing *digantikan oleh / replaced by* Leong Pit Wee

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA 2017

Board Audit Committee 2017

1. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. ALAN KHOO CHOOM KWONG
3. RAMADASS A/L ARUMUGAM
4. HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S
5. DATUK AZIH BIN MUDA
6. BATI JURAM
7. DATIN PADUKA HAJAH SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN

Nota / Note:

Datin Paduka Hajah Seripah Noli Binti Syed Hussin

Sehingga / Until 20.08.2017

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Investment Board and Panel Committee Members

JAWATANKUASA KEWANGAN 2017

Finance Committee 2017

1. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
2. TAN SRI DATO' DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT
3. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
4. ABDULLAH SUHAIMIN BIN MD YUNUS
5. DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN
6. DATO' AMIR BIN OMAR
7. RAMADASS A/L ARUMUGAM
8. DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR
9. AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT
10. DATUK DR. PHILIP TING DING ING

Nota / Note:

Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid

Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat

Dato' Mohd Sahar B in Darusman

Dato' Amir Bin Omar

Datuk Dr. Philip Ting Ding Ing

Sehingga / Until 20.08.2017

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

Sehingga / Until 31.03.2017

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

Sehingga / Until 20.08.2017

JAWATANKUASA PERJAWATAN 2017

Personnel Committee Meeting 2017

1. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
2. TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT
3. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
4. DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN
5. DATO' AMIR BIN OMAR
6. ALAN KHOO CHOOM KWONG
7. RAMADASS A/L ARUMUGAM
8. DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR
9. HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S.
10. DATUK AZIH BIN MUDA
11. BATI JURAM
12. YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SYED HUSSIN

Nota / Note:

Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid

Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat

Dato' Mohd Sahar Bin Darusman

Dato' Amir Bin Omar

YB Dato' Hajah Normala Binti Abdul Syed Hussin

Sehingga / Until 20.08.2017

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

Sehingga / Until 31.03.2017

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

JAWATANKUASA TATATERTIB 2017

Integrity / Discipline Committee Meeting 2017

1. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
3. RAMADASS A/L ARUMUGAM

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN
Investment Board and Panel Committee Members

JAWATANKUASA PEROLEHAN 2017

Procurement Committee 2017

1. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
3. ABDULLAH SUHAIMIN BIN MD YUNUS
4. DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN
5. DATO' AMIR BIN OMAR
6. DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
7. DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR
8. DATUK AZIH BIN MUDA

Nota / Note:

Dato' Amir Bin Omar
Dato' Mohd Sahar Bin Darusman

Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
Sehingga / Until 31.03.2017

JAWATANKUASA PUSAT REHABILITASI 2017

Rehabilitation Centre Committee 2017

1. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
2. TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT
3. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
4. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
5. DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
6. DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR

Nota / Note:

Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid
Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat

Sehingga / Until 20.08.2017
Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

JAWATANKUASA PENGURUSAN PRESTASI 2017

Performance Management Committee 2017

1. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. PROFESOR DATO' DR. SUDIN BIN HARUN
3. RAMADASS A/L ARUMUGAM
4. HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S.
5. YB HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR

Nota / Note:

Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid
Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat
Profesor Dato' Dr. Sudin Bin Harun
Haji Mohamad Ibrahim Bin Haji Hamid A.B.S.
YB Haji Mohd Iskandar Bin Jaafar

Sehingga / Until 20.08.2017
Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017
Sehingga / Until 20.08.2017
Sehingga / Until 20.08.2017
Dilantik mulai / Appointed effective from 21.08.2017

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive



DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chief Executive
Social Security Organization



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam S4P dan Salam Sehati Sejiwa. Saya berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan PERKESO bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Tahun 2017 menyaksikan PERKESO terus komited mengorak langkah berani ke hadapan seiring dengan perubahan landskap keselamatan sosial semasa dan pembangunan negara dalam memenuhi tuntutan untuk memberi perlindungan keselamatan sosial menerusi dua skim perlindungan iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Meskipun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar, ketidakpastian yang meningkat dalam landskap ekonomi global, arena politik dan dasar dalam ekonomi utama yang menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan ekonomi dunia pada tahun 2017, PERKESO terus beriltizam untuk menjadi peneraju dalam perlindungan keselamatan sosial yang dinamik dan inklusif di negara ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam S4P and Salam Sehati Sejiwa. I am pleased to present the SOCSO Annual Report for financial year ending 31st December 2017.

The year 2017 saw SOCSO continuing to remain committed in taking brave steps to move forward, in line with the changes in current social security landscape and development of the country, in meeting the demands for social security protection through two protection schemes, namely, the Employment Injury Insurance Scheme and the Invalidity Pension Scheme. Despite facing a challenging environment, increasing uncertainties in the global economic landscape, political arena and main economic internal policies that give rise to apprehension towards the future of the world economy, SOCSO remains focused on becoming the country's leader in social security protection that is dynamic and inclusive.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive

MEREALISASIKAN VISI DAN MISI

Sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk membolehkan semua rakyat Malaysia mencapai taraf kehidupan yang berkualiti merentasi kepelbagaian masyarakat majmuk berbilang kaum tanpa mengira di mana mereka tinggal, PERKESO terus komited mengambil langkah yang lebih bersasar untuk membantu kumpulan yang memerlukan dengan memperkemas sistem penyampaian di semua peringkat untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dan pengoperasian, mempergiat intervensi yang bersepadu melalui kerjasama dan penyertaan semua pihak berkepentingan melibatkan komitmen secara *tripartite* iaitu majikan, pekerja dan Kerajaan.

Dengan mendukung visi nasional untuk memberikan penyampaian perkhidmatan terbaik melangkaui ekspektasi pelanggan dan konsep 'prihatin' mendekati rakyat, PERKESO terus membina asas yang kukuh untuk mencapai kecemerlangan operasi dan kesejahteraan kepada pelanggan khususnya majikan, Orang Berinsurans dan Orang Tanggungan.

REALISING THE VISION AND MISSION

In line with the Government's aspiration to enable all Malaysian citizens to achieve a quality standard of living crossing the borders of diverse racial communities regardless of their place of residence, SOCSO maintains its commitment in taking more targeted steps to help those in need by consolidating its service delivery at all levels, to optimize the use of resources and operations, to intensify integrated intervention through cooperation and participation of all stakeholders involving the tripartite commitment of employers, employees and the Government.

By supporting the national vision to give the best delivery of service that goes beyond the clients' expectations and the concept of reaching out to the people, SOCSO continues to build a strong foundation for achieving operational excellence and wellbeing for its clients, specifically the employers, Insured Persons and Dependants.



Fokus utama adalah untuk memenuhi ekspektasi pelanggan dengan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang mengutamakan rakyat menerusi penjenamaan, kecemerlangan dan pembangunan modal insan yang mengekalkan tumpuan berpaksikan rakyat untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif serta mampan.

The main focus is to meet the clients' expectations by improving the quality of service delivery that puts people first, through rebranding, human capital excellence and development that maintains focus on the people, to become a high-income economy that is inclusive and sustainable.



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN KORPORAT

Inisiatif mentransformasi penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelanggan adalah seiring dengan perubahan lanskap persekitaran global serta cabaran semasa supaya PERKESO terus relevan dan kompetitif. Agenda mentransformasikan perkhidmatan berorientasikan kehendak pelanggan dilaksanakan berdasarkan inisiatif berikut:

- Menambahbaik kualiti pengurusan tuntutan faedah
- Meningkatkan perkhidmatan kaunter
- Membudaya dan mengamalkan *Employee Customer Guideline* (ECG)
- Perkhidmatan medium elektronik menerusi *e-Payment & e-Services*
- Meningkatkan Indeks Kepuasan Pelanggan
- Mewujudkan Skwad PERKESO Prihatin
- Melaksanakan *Mystery Shopping*
- Melaksanakan Pelan Induk BCM (*Business Continuity Management*)
- Memperkasa kecemerlangan dan pembangunan modal insan PERKESO

TRANSFORMATION OF SERVICE DELIVERY THROUGH CORPORATE REBRANDING

The initiative is to transform service delivery to meet the needs of clients is in line with the changes in the global landscape as well as current challenges, so that SOCSO continues to be relevant and competitive. The agenda of transforming client demand-oriented service is implemented based on the following initiatives:

- Improving the quality of benefit claims management
- Enhancing counter service
- Enculturating and practising *Employee Customer Guideline* (ECG)
- Provision of services through electronic medium using *e-Payment & e-Services*
- Improving the Customer Satisfaction Index
- Establishing the PERKESO Prihatin Squad
- Implementation of *Mystery Shopping*
- Implementaton of the *Business Continuity Management Master Plan*
- Reinforcing SOCSO's excellence and human capital development

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive

MERCU KEJAYAAN

MERAPATKAN JURANG LIPUTAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA

PERKESO sentiasa mengambil pendekatan proaktif mengkaji dan menambahbaik skim-skim di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sedia ada untuk mewujudkan jaringan keselamatan sosial pekerja dan tanggungannya yang inklusif dan dinamik selaras dengan prinsip dan keadilan sosial sejagat berdasarkan Konvensyen *ILO C102 Social Security (Minimum Standard) 1952*, dan *R202 Social Security Protection Floor Recommendation, 2012*. Tahun 2017 merupakan tahun yang bersejarah buat PERKESO kerana ia adalah tahun pertama PERKESO mula menguruskan dua skim perlindungan baharu, iaitu Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri dan Sistem Insurans Pekerjaan.

SKIM BENCANA KERJA PEKERJAAN SENDIRI

PERKESO telah memperluaskan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial kepada mereka yang bekerja sendiri. Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017. Sebagai permulaan, akta ini akan memberi perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya termasuk pemandu *Uber* dan *Grab Car*. Sehingga 31 Disember 2017, bilangan Pemandu Teksi berdaftar ialah 3,048 dan pencarum aktif seramai 2,767 dengan jumlah kutipan caruman sebanyak RM466,460.40.

Sebagai tanda kesungguhan Kerajaan dalam menjayakan pelaksanaan skim perlindungan ini, peruntukan berjumlah RM60 juta sebagai geran pelaksanaan telah diluluskan kepada Kementerian Sumber Manusia sebagaimana diumumkan dalam pembentangan bajet 2017 bagi membolehkan PERKESO sebagai agensi yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakannya. Menjelang tahun 2020, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini akan diperluaskan kepada sektor tidak formal yang lain seperti nelayan, petani, penjaja, penggiat seni dan sebagainya secara berperingkat-peringkat.

LANDMARK SUCCESS

CLOSING THE GAP IN EMPLOYEE SOCIAL SECURITY PROTECTION COVERAGE

SOCSO constantly takes a proactive approach in studying and improving schemes currently in existence under the Employee Social Protection Act 1969 to create an inclusive and dynamic employee social security network in line with the universal principles of social justice based on the *ILO C102 Social Security (Minimum Standard) Convention 1952* and *R202 of the Social Security Protection Floor Recommendation 2012*. The year 2017 had proven to be historic for SOCSO as it became the first year that SOCSO starts to manage two new protection systems, namely the Self-Employed Employment Injury Scheme and the Employment Insurance System.

SELF-EMPLOYED EMPLOYMENT INJURY SCHEME

SOCSO expanded its Social Security Protection Scheme to cover self-employed persons. The Self-Employment Social Security Act 2017 (Act 789) came into effect on 1st June 2017. As a start, the act will provide protection under the Employment Injury Scheme to self-employed taxi drivers and individuals providing similar services including Uber and Grab Car drivers. As at 31st December 2017, the number of registered Taxi Driver stood at 3,048, 2,767 of whom are active contributors with a total contribution collection of RM466,460.40.

As a gesture of earnestness on the part of the Government in making a success of this protection scheme, an allocation of RM60 million has been approved as implementation grant to the Ministry of Human Resources as announced in the tabling of the 2017 Budget, to enable SOCSO, as the responsible agency, to implement such schemes. By the year 2020, the Self-Employment Social Security Act will be extended in stages to other informal sectors such as fishermen, farmers, hawkers, artists and others.

SISTEM INSURANS PEKERJAAN

Selain itu, dalam usaha memperkasa Jaringan Keselamatan Sosial Pekerja, PERKESO melakar sejarah baharu apabila Akta Sistem Insurans Pekerja 2017 (Akta 800) diperkenalkan untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan mendapat bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baharu melalui program perkhidmatan pekerjaan.

Akta 800 yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018 bertujuan untuk melindungi dan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui dua (2) komponen utama iaitu Insurans Pekerja dan Dasar Pasaran Buruh Aktif (*Active Labour Market Policies*).

Sistem Insurans Pekerja (SIP) merupakan skim baharu yang akan dilaksanakan sebagai perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi menggantikan pendapatan yang hilang, memberi latihan *reskilling* dan *upskilling* untuk mendapatkan pekerjaan baharu serta menyediakan perkhidmatan carian pekerjaan supaya mereka dapat pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat.

Akta ini juga merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan melalui NBOS di antara Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO serta agensi berkaitan dalam memastikan 6.8 juta pekerja yang diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP) terbela dan dilindungi.



SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP) merupakan skim baharu yang akan dilaksanakan sebagai perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Ini juga merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan serta agensi berkaitan dalam **memastikan 6.8 juta pekerja terbela dan dilindungi**

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM is a new scheme that will be implemented as additional protection for employees who have lost their employment

This Act is another initiative by the Government as well as the relevant agencies **in ensuring that the 6.8 million employees covered**

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM

In addition, in the effort to reinforce the Employment Social Security Network, SOCSO created new history when the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) was introduced to help employees who have lost their employment to receive financial aid and acquire new jobs through employment services programmes.

Act 800 which will come into force on 1st January 2018 is intended to protect and assist employees who have lost their employment through two (2) key components, namely, the Employment Insurance and the Active Labour Market Policies.

The Employment Insurance System is a new scheme that will be implemented as additional protection for employees who have lost their employment by replacing the lost income, providing reskilling and upskilling training to gain new employment as well as providing job search services so that they can be suitably re-employed expediently.

This Act is another initiative by the Government through NBOS between the Ministry of Human Resources and SOCSO, as well as the relevant agencies in ensuring that the 6.8 million employees covered under the Employee Social Security Act 1969 are safeguarded and protected.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive

2017

Seramai 2,658 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan



2017

A total of 2,658 Insured Persons participating in the programme have been successfully rehabilitated

PROGRAM RETURN TO WORK

Program *Return To Work* (RTW) telah diperkenalkan oleh PERKESO pada 15 Januari 2007. Ia merupakan program pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2017, seramai 2,658 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan berbanding sasaran seramai 2,498 orang pada tahun sebelumnya. Sejak program ini dilancarkan sehingga 31 Disember 2017, seramai 18,137 peserta telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

RETURN TO WORK PROGRAMME

The Return To Work (RTW) Programme was first introduced by SOCSO on 15th January 2007. It is a physical rehabilitation programme available to SOCSO Insured Persons who experience disability caused by injuries or diseases, to restore their bodily functions and subsequently return them to the working world faster, healthy and safe. For the period of January to December 2017, a total of 2,658 Insured Persons participating in the programme have been successfully rehabilitated compared to the target of 2,498 persons in the previous year. Since its launch up until 31st December 2017, a total of 18,137 participants have been successfully rehabilitated and returned to work.

PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK

Pusat Rehabilitasi PERKESO telah dibina di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka, telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Antara objektif utama penubuhan Pusat Rehabilitasi ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan pemulihan yang berkualiti dan komprehensif di samping membantu Orang Berinsurans PERKESO atau pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional dan akhirnya kembali ke alam pekerjaan. Penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO juga merupakan medium utama dalam merealisasikan Program *Return To Work*. Sehingga Disember 2017, seramai 988 pesakit telah berjaya menjalani rawatan pemulihan berbanding 824 pesakit pada tahun 2016.

TUN ABDUL RAZAK SOCSO REHABILITATION CENTRE

The Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre was constructed in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka and began operations on 1st October 2014. Among the main objectives of its establishment is to provide quality and comprehensive rehabilitation services in addition to helping SOCSO Insured Persons or employees to be physically and vocationally rehabilitated and ultimately return to the working world. The establishment of the rehabilitation centre is also a key medium in realising the Return To Work Programme. As at December 2017, at total of 988 patients have successfully undergone rehabilitation treatment compared to the 824 patients in 2016.

PUSAT REHABILITASI PERKESO

objektif utama menyediakan perkhidmatan pemulihan yang berkualiti dan komprehensif untuk membantu Orang Berinsurans PERKESO atau pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional dan akhirnya kembali ke alam pekerjaan.



SOCSO REHABILITATION CENTRE

main objectives of its establishment is to provide quality and comprehensive rehabilitation services in addition to helping SOCSO Insured Persons or employees to be physically and vocationally rehabilitated and ultimately return to the working world

PROGRAM SARINGAN KESIHATAN (HSP)

Pada tahun 2017 sebanyak 233,491 baucar telah diedarkan kepada pekerja yang layak dan menjadikan jumlah seramai 2.8 juta pencarum layak menjalani saringan kesihatan di bawah program ini. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013 hingga 31 Disember 2017 seramai 512,697 pencarum PERKESO telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan daripada jumlah tersebut seramai 126,820 orang pencarum wanita turut menjalani pemeriksaan mamogram. Program ini melibatkan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM3.14 juta pada tahun 2017.

HEALTH SCREENING PROGRAMME (HSP)

In 2017, a total of 233,491 vouchers were distributed to eligible employees, bringing the total of contributors eligible for health screenings under this program to 2.8 million. Since its introduction in 2013 up until 31st December 2017, a total of 512,697 SOCSO contributors have undergone health examinations and of the said number, a total of 126,820 female contributors also underwent mammogram examinations. This programme involved an overall expenditure totalling RM3.14 million in 2017.

PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Dalam usaha menurunkan kadar kemalangan pekerjaan dan juga meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pencarum, PERKESO telah melaksanakan berbagai aktiviti termasuklah program "OSH Compliance Support" kepada industri kecil dan sederhana, "Program Sokongan Keselamatan Perjalanan" bersama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) serta Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Pemutih Black Spot iaitu inisiatif bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM). PERKESO telah berjaya melaksanakan 245 program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 107 program kesedaran kemalangan perjalanan serta 47 program "OSH Compliance Support for SME" di samping melaksanakan Program Sokongan Keselamatan Perjalanan kepada 20 majikan yang terpilih. Program ini bertujuan untuk menerapkan dan menjalankan intervensi berhubung keselamatan perjalanan pergi dan balik kerja khususnya kepada pekerja yang menaiki motosikal ke tempat kerja. Bagi tempoh sehingga Disember 2017, sebanyak 170 majikan telah menjalani program ini dan telah mencatatkan penurunan kadar kemalangan melebihi 10%. Ini menunjukkan strategi program advokasi yang disasarkan kepada majikan terpilih ini dapat menurunkan kadar kemalangan.

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH PROGRAMME

In the effort to reduce work accident rates and to increase awareness on occupational safety and health among contributors, SOCSO has implemented various activities including the OSH Compliance Support Programme to small and medium industries, the Commuting Safety Support Programme with the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), as well as the Black Spot Whitening Road Safety Awareness Campaign, a joint initiative with the Royal Malaysian Police (PDRM). SOCSO successfully conducted 245 Occupational Safety and Health programmes, 107 commuting safety awareness programmes, as well as 47 OSH Compliance Support for SME programmes, in addition to the implementation of Commuting Safety Support Programmes to 20 selected employers. The aim of this programme is to instill and carry out intervention related to commuting safety, especially to employers who commute by motorcycle. In the period up to December 2017, a total of 170 employers have participated in the programme and have recorded over 10% reduction in the rate of accident. This show that the advocacy programme targeted towards selected employers is able to reduce accident rates.



2017

233,491 baucar

telah diedarkan kepada pekerja yang layak dan menjadikan jumlah seramai

2.8 juta pencarum

layak menjalani saringan kesihatan di bawah program ini.

2017

233,491 vouchers

were distributed to eligible employees, bringing the

total of contributors

eligible for health screenings under this program to

2.8 million

2017

245 program

Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

107 program

kesedaran kemalangan perjalanan

47 program

OSH Compliance Support untuk industri kecil & sederhana

170 majikan telah menjalani program ini dan telah mencatatkan penurunan kadar kemalangan melebihi 10%

2017

245 programmes

Occupational Safety and Health

107 programmes

Commuting safety awareness

47 programmes

OSH Compliance Support for SME

170 employers have participated in the programme and have recorded over 10% reduction in the rate of accident

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive

TRANSFORMASI PERKHIDMATAN

Selaras dengan keperluan Transformasi Perkhidmatan Awam (TPA), PERKESO komited melaksanakan transformasi melalui pembangunan Pelan Transformasi PERKESO 2017. Sebanyak enam belas (16) inisiatif transformasi telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2017 melalui Program Transformasi yang memberi fokus khusus kepada Pengurusan Prestasi dan Pengurusan Pengetahuan & Kemahiran, Pembangunan Sistem ICT dan Pemantapan Kaedah Pemantauan. Secara keseluruhannya, peratus pencapaian pelaksanaan transformasi untuk tahun 2017 adalah sebanyak 93.69%. Beberapa projek dan Inisiatif transformasi berimpak tinggi telah berjaya dihasilkan antaranya:

AUTOMATED SOCSO INTEGRATED SYSTEM (ASSIST)

Automated SOCSO Integrated System (ASSIST) telah dibangunkan secara berfasa merangkumi pembangunan modul berkaitan pendaftaran dan pembayaran caruman, pemprosesan faedah serta penguatkuasaan. Melalui portal layan diri *ASSIST*, majikan boleh mendaftar dan mengemaskini data pekerja serta mencarum dalam talian. Secara umumnya pembangunan Sistem *ASSIST* telah dapat meningkatkan perkhidmatan PERKESO kerana urusan pendaftaran dan pengemaskinian maklumat pekerja, pembayaran caruman oleh majikan dan proses pungutan caruman oleh anggota PERKESO dapat dijalankan dengan lebih cepat dan mudah.

iPERKESO

iPERKESO merupakan projek inovatif yang membenarkan pekerja menyemak status caruman mereka dan membenarkan majikan membuat caruman dan pembayaran dalam talian. iPERKESO telah memberi impak positif kepada kepuasan pelanggan kerana ia berjaya memudahkan pengurusan caruman bagi pihak majikan yang membuat pembayaran caruman bulanan secara dalam talian dan pihak PERKESO juga telah dapat mempercepatkan tempoh mengemaskini rekod caruman.

SERVICE TRANSFORMATION

In line with the requirements of the Public Service Transformation (TPA), SOCSO is committed to effecting transformation through the development of its Transformation Plan 2017. A total of sixteen (16) transformation initiatives were successfully implemented in 2017 through the Transformation Programme that focuses specifically on Performance Management and Management of Knowledge & Skills, ICT System Development and Reinforcement of Monitoring Methods. Overall, the percentage achievement of transformation implementation for the year 2017 stood at 93.69%. Several high-impact transformation projects and initiatives were successfully carried out, among others:

AUTOMATED SOCSO INTEGRATED SYSTEM (ASSIST)

The Automated SOCSO Integrated System (ASSIST) was developed in phases, covering development of modules pertaining to registration and payment of contribution, benefit processing as well as enforcement. Employers can register and update their employee statistics through the ASSIST self-service portal and they can also make contribution payments online. In general, the development of the ASSIST system was able to improve SOCSO's service as registration and employee information updates, payment of contributions by employers and collection of contributions by SOCSO staff can be done more expediently and simply.

iPERKESO

iPERKESO is an innovative project that allows employees to check the status of their contributions and allows employers to make contributions and payments online. It has had a positive impact on customer satisfaction as it has successfully facilitated contributions transactions on the part of employers who make monthly contribution payments online, and shortened the period of updating contribution records on the part of SOCSO.

SISTEM INTEGRATED PROSTHETIC & ORTHOTIC, INVENTORY AND REHABILITATION (INSPIRE)

Bagi memastikan pengurusan pembekalan peralatan prostetik dan ortotik berjalan dengan lancar, PERKESO telah membangunkan *Integrated System for Prosthetic & Orthotic, Inventory and Rehabilitation (INSPIRE)* yang merangkumi skop inventori, pengurusan pembekal dan pengurusan kes. Pihak PERKESO dapat memastikan permohonan pembekalan Orang Berinsurans dapat diuruskan dengan lebih sistematik, teratur dan cekap apabila menggunakan sistem tersebut.

SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP) ICT

PERKESO telah membangunkan Sistem Pendaftaran Program Interim Penempatan Pekerjaan Semula yang merangkumi skop pendaftaran, kelulusan dan bayaran. Sistem ini dapat menyediakan kemudahan urusan pendaftaran program interim penempatan pekerjaan semula (Tuntutan Interim Pertama, Kedua dan Ketiga) secara elektronik, membuat proses semakan dan kelulusan dengan cepat serta dapat meningkatkan produktiviti kerja dengan melaksanakan proses bayaran terus ke dalam akaun pemohon. Hal ini bukan sahaja akan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan, malah pengurusan kerja juga dapat diautomasikan dan diintegrasikan menerusi perkhidmatan dalam talian.

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY (SESS)

Sejajar dengan pelaksanaan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri yang mula dikuatkuasa pada 1 Jun 2017, PERKESO telah menyediakan kemudahan ICT di mana semua pencarum dibenarkan membuat pendaftaran, membuat bayaran secara dalam talian atau secara tunai dengan hadir ke Pejabat PERKESO yang berdekatan. SESS juga menyediakan kemudahan bayaran secara tunai bagi pencarum yang tidak mempunyai akaun perbankan internet dan proses tersebut memerlukan pengguna hadir sendiri ke Pejabat PERKESO yang berdekatan.

INTEGRATED PROSTHETIC & ORTHOTIC INVENTORY AND REHABILITATION SYSTEM (INSPIRE)

In order to ensure the smooth running of prosthetic and orthotic equipment supply management, SOCSO has developed an Integrated System for Prosthetic & Orthotic Inventory and Rehabilitation (INSPIRE) which covers inventory, supplier management as well as case management. SOCSO has been able to ensure that applications for supply to Insured Persons could be more systematically and efficiently managed using the said system.

ICT EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM

SOCSO has developed a Replacement Interim Programme Registration System which encompasses registration, approval and payment. This system provides facility for registration of replacement interim programmes (First, Second and Third Interim Claims) electronically, expedient checking and approval process, and can increase productivity by implementation of direct payment onto the applicant's accounts. This not only increase customer satisfaction levels, but also enables automation and integration of work management using online services.

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY (SESS)

In line with the implementation of the Self-Employed Employment Injury Scheme which came into force on 1st June 2017, SOCSO has provided ICT facilities where all contributors are allowed to register, make payments online or in cash by going to the nearest SOCSO office. SESS also provides facilities for cash payment for contributors who do not have access to internet banking, and such process requires the user to be present at the nearest SOCSO Office.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive



PROGRAM MERAKYATKAN PERKESO

PEMBUKAAN PEJABAT BAHARU

PERKESO terus mendekati rakyat menerusi inisiatif meluaskan jaringan perkhidmatan dengan pembukaan pejabat baharu di lokasi-lokasi strategik yang bertujuan memudahkan akses kepada pelanggan untuk berurusan dengan PERKESO. Pada tahun 2017, dua pejabat baharu di Sabah iaitu Kota Marudu dan Beaufort telah dibuka. Sehingga kini, PERKESO mempunyai 53 buah pejabat di seluruh negara.

PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN

Program Hari Bertemu Pelanggan PERKESO diadakan pada setiap hari Khamis pertama setiap bulan dari jam 8:30 pagi hingga 4:30 petang di semua 53 buah pejabat PERKESO seluruh negara termasuk Ibu Pejabat. Inisiatif ini merupakan langkah mesra pelanggan untuk menyelesaikan sebarang masalah pelanggan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kaunter di mana pelanggan berpeluang untuk bersemuka dengan pegawai atasan PERKESO. Pada tahun 2017, seramai 1,024 pelanggan telah hadir ke program tersebut.

SOCSCO OUTREACH PROGRAMME

OPENING OF NEW OFFICE

SOCSCO continues to reach out to the people through its initiative to expand services network with the opening of new offices in strategic locations, with a view to facilitating access to customers dealing with SOCSCO. In 2017 two new offices in Sabah, namely in Kota Marudu and Beaufort were opened. To date, SOCSCO has 53 offices nationwide.

MEET THE CLIENTS DAY PROGRAMME

The SOCSCO Meet The Clients Day programme is held on the first Thursday of each month, from 8.30 a.m to 4.30 p.m. at all 53 SOCSCO offices throughout the country including the Headquarters. This initiative is a client-friendly step to solve any client problems that could not be resolved at counter level whereby the client gets the chance to meet SOCSCO's senior officers face-to-face. In 2017, a total of 1,024 clients attended the programme.

PERKESO juga menyediakan medium perhubungan yang lebih mudah iaitu pengurusan perhubungan pelanggan secara terus di talian 1 300 22 8000. Selain itu, perkhidmatan melalui media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn* dan *YouTube* turut disediakan. Penggunaan media sosial ini telah memberikan impak yang positif kepada PERKESO dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan.

SOCSCO also provides a simpler communication medium, that is, direct customer communication via telephone at 1 300 22 8000. In addition, services through social media such as Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn and Youtube are also made available. The use of social media has had a positive impact on SOCSCO in the improvement of its service delivery that exceeds customer expectations.

PUBLISITI DAN PROMOSI KORPORAT

Sepanjang tahun 2017, PERKESO telah melaksanakan aktiviti publisiti serta promosi melalui saluran media cetak dan media elektronik utama. Manakala publisiti melalui media cetak telah diterbitkan dalam akhbar-akhbar utama tempatan selain hebahkan melalui radio dan media elektronik lain. Publisiti meluas yang telah dijalankan memainkan peranan penting dalam memastikan semua informasi mengenai PERKESO dapat tersebar luas kepada orang ramai serta dapat memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan kesedaran awam berkenaan fungsi dan peranan PERKESO. Orang ramai mula sedar akan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO di samping turut mengamalkan gaya hidup sihat serta menjaga keselamatan di mana sahaja mereka berada.

Selain itu, setiap tahun juga PERKESO melancarkan program "*soft approach*" iaitu program pemutihan yang bertujuan memberi kesedaran tentang perlindungan keselamatan sosial kepada majikan dan pekerja di mana majikan yang gagal mendaftar dan mencarum berpeluang untuk mendaftar kepada PERKESO tanpa dikenakan sebarang tindakan dalam tempoh bulan pemutihan tersebut. Aktiviti penguatkuasaan seperti OPS Kesan akan dijalankan selepas bulan pemutihan bagi memastikan semua majikan yang gagal mendaftar dan mencarum dikenakan tindakan sebagaimana dalam peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

CORPORATE PUBLICITY AND PROMOTION

Throughout 2017, SOCSCO has carried out publicity as well as promotional activities through mainstream print and electronic media. Publicity in the print media came in the form of publication in major local newspapers, in addition to announcements on radio and other electronic media. The widespread publicity carried out plays an important role in ensuring that all information on SOCSCO could be widely disseminated to the public, thus giving a significant impact in raising public awareness on the functions and roles of SOCSCO. People are beginning to become aware of the benefits offered by SOCSCO, in addition to practising a healthy lifestyle as well as being safe wherever they may be.

Each year, SOCSCO launches the soft approach programme which is a amnesty programme intended to give awareness on social security protection to employers and employees. Using this approach, employer who fail to register and contribute get the opportunity to register with SOCSCO without any action being taken against them within such amnesty period. Enforcement activities such as OPOS kesan will be carried out after the amnesty month to ensure that action is taken against all employers who fail to register and contribute, as provided under the Employee Social Security Act, 1969.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive



2017

Skuad Prihatin PERKESO

telah menerima sebanyak 2,008 kes di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,003 kes dapat diselesaikan

2017

PERKESO Prihatin Squad

received a total of 2,008 cases nationwide and of that amount, 2,003 cases were immediately resolved.

2017

Secara keseluruhannya

mendapat skor 4.55 dengan peratusan pencapaian sebanyak 95.5% .

Pencapaian ini adalah melebihi tahap sasaran 85% yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi PERKESO.

2017

Overall

the score is 4.55 with an achievement of 95.5%.

This achievement exceeded the 85% target set by SOCSO's top management.

SKUAD PERKESO PRIHATIN

Skuad PERKESO Prihatin ditubuhkan untuk membantu Orang Berinsurans serta orang tanggungan mereka apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka melalui tindakan pantas dan segera PERKESO dalam menyalurkan bantuan dan pemprosesan faedah. Selain itu, ianya dapat mendekatkan hubungan di antara Orang Berinsurans, majikan dan PERKESO sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin dan dekat di hati rakyat. Sepanjang tahun 2017, Skuad Prihatin PERKESO telah menerima sebanyak 2,008 kes di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,003 kes dapat diselesaikan segera manakala bakinya sebanyak 5 kes ditolak kerana kes-kes tersebut tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Keilatan.

PERKESO PRIHATIN SQUAD

The PERKESO Prihatin Squad was established to aid Insured Persons as well as their dependents in the event of unexpected incidents, through SOCSO's quick and immediate response in distributing aid and processing benefits. The programme also brings Insured Persons, employers and SOCSO, as a government agency that cares and is close to the hearts of the people, closer together. Throughout 2017, the PERKESO Prihatin Squad received a total of 2,008 cases nationwide and of that amount, 2,003 cases were immediately resolved. The balance 5 cases were rejected as the cases did not meet the eligibility conditions of the Employment Injury and Invalidity Schemes.

KECEMERLANGAN OPERASI

Menerusi pendekatan sistem *Balanced Scorecard* (BSC) sejumlah empat puluh lima (45) KPI PERKESO telah dibangunkan berasaskan empat perspektif utama BSC iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran / Perkembangan. Pihak Pengurusan telah membuat perancangan, pelaksanaan serta pemantauan yang rapi sepanjang tahun 2017 supaya KPI PERKESO dapat dicapai pada tahap yang terbaik dan cemerlang. Secara keseluruhannya, prestasi bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 telah mencapai tahap Amat Baik iaitu Skor 4.55 berbanding 4.27 pada tahun 2016 dengan peratusan pencapaian sebanyak 95.5% berbanding 92.75% pada tahun 2016. Pencapaian ini adalah melebihi tahap sasaran 85% yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi PERKESO.

OPERATIONAL EXCELLENCE

Using the Balanced Scorecard approach (BSC) a total of 45 SOCSO KPI were developed based on the four main perspectives of BSC, namely, Customers, Finance, Internal Process and Learning/ Growth. The management made plans and carried out detailed implementation and monitoring in 2017 so that SOCSO's KPI are at the best and excellent levels. Overall, the performance for the period January to December 2017 was at a Very Good level with a score of 4.55 compared to 4.27 in 2016, with an achievement of 95.5% compared to 92.75% in 2016. This achievement exceeded the 85% target set by SOCSO's Top Management.

PENGURUSAN TUNTUTAN FAEDAH

Pengurusan tuntutan faedah dikendalikan mengikut Piagam Pelanggan dan Standard Q yang mengambil kira pengukuran berdasarkan peratus pencapaian dan purata hari. Pendekatan ini dilaksanakan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

i. Piagam Pelanggan Berdasarkan Purata Hari

Pada tahun 2017, PERKESO telah berjaya mencapai prestasi piagam pelanggan yang lebih baik dengan memendekkan tempoh pemprosesan (purata hari) daripada 2.25 hari pada tahun 2016 kepada 2.18 hari secara purata bagi kesemua jenis tuntutan faedah.

ii. Piagam Pelanggan Berdasarkan Peratusan

PERKESO juga telah berjaya mempertingkatkan prestasi piagam pelanggan dalam tempoh pemprosesan (peratusan) pada tahun 2017 iaitu daripada 99.09% pada tahun 2016 kepada 99.24% secara purata bagi kesemua jenis tuntutan faedah.

iii. Standard Q

Pencapaian Prestasi Standard Q berdasarkan (Peratusan) juga telah berjaya ditingkatkan daripada 88.93% kepada 93.72% pada tahun 2017 secara purata bagi kesemua jenis tuntutan faedah. Manakala bagi Prestasi Standard Q berdasarkan (Purata Hari) telah berjaya dipendekkan daripada 55.07 hari kepada 47.96 hari pada tahun 2017 secara purata bagi kesemua jenis tuntutan faedah berbanding tahun sebelumnya.

BENEFIT CLAIMS MANAGEMENT

Management of benefit claims is carried out in accordance with the Clients' Charter and Q Standards that take into account measurement based on achievement percentage and average number of days.

i. Clients' Charter Based on Average Number of Days

In 2017, SOCSO achieved a clients' charter performance that was better by shortening the processing period (average number of days) from 2.25 days in 2016 to 2.18 days for all types of benefit claims.

ii. Clients' Charter Based on Percentage

SOCSO has also managed to improve its clients' charter performance for processing period (percentage) in 2017 from 99.09% in 2016 to 99.24% for all types of benefit claims.

iii. Q Standards

Q Standards performance achievement based on percentage was also improved from 88.93% to 93.72% in 2017 for all types of benefit claims. The Q Standard performance based on Average Number of Days was shortened from 55.07 days to 47.96 days in 2017 for all types of benefit claims compared to the previous year.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

Statement By The Chief Executive

2017
indeks tahap kepuasan pelanggan
terhadap perkhidmatan PERKESO secara
keseluruhannya berada pada
tahap 4 (amat baik)



2017
client satisfaction level index
on SOCSO's services is at
level 4 (Very Good)

MEMENUHI EKSPEKTASI PELANGGAN


Kecemerlangan PERKESO pada tahun 2017 merupakan ilustrasi komitmen semua pihak dan warga kerja daripada semua peringkat. Fokus ke arah menjadikan PERKESO sebagai sebuah organisasi yang dinamik ini diterjemahkan melalui pelbagai program yang diatur serta dilaksanakan secara objektif.

Menyedari bahawa ekspektasi dan harapan pelanggan serta *stakeholder* perlu dipenuhi dengan pendekatan yang pragmatik, warga PERKESO telah berani berubah menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran yang dihadapi. Kajian kepuasan pelanggan PERKESO yang dijalankan pada tahun 2017 mendapati indeks tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PERKESO secara keseluruhannya berada pada tahap 4 (amat baik) mengikut Skala Balanced Scorecard (BSC) iaitu 88.83% berbanding 88.08% dalam tahun 2016.

MEETING CLIENTS' EXPECTATIONS

SOCSO's excellence in 2017 is an illustration of the commitment of all parties and workforce at all levels. Focus towards turning SOCSO into a dynamic organisation is translated through the various programmes organised and implemented objectively.

Realising that clients' as well as stakeholders' expectations and hopes need to be fulfilled using a pragmatic approach, SOCSO's workforce bravely adapted themselves to the challenges that they faced. A study on SOCSO's clients' satisfaction conducted in 2017 found that the overall client satisfaction level index on SOCSO's services is at level 4 (Very Good) in accordance with the Balanced Scorecard (BSC), that is, at 88.83% compared to 88.08% in 2016.



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Tahun 2017 terus menjadi tahun kecemerlangan dan menjadi mercu tanda kejayaan di mana PERKESO telah berjaya merangkul pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pencapaian cemerlang ini telah berjaya melonjakkan lagi imej PERKESO ke persada antarabangsa. Penganugerahan dan pengiktirafan yang telah diterima antaranya adalah:

- ▶ 2017 Asia HRD Awards "Contribution to Organization Award".
- ▶ Innovative Policy 2017 on Employment, Work and Vocational Education and Training, Zero Project Conference 2017, Vienna, Austria.
- ▶ Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2017 For Excellence Award, Udon Thani, Thailand.
 - Inovasi - SOCSO's e-Efisyen, SOCSO's Contribution Payment Portal: iPerkeso, SOCSO's Job Placement and Employment Support Services (JESS), SOCSO's Procurement Manual (SPM) dan SOCSO's NForce Refuge.
 - Perkhidmatan Pelanggan - 'PERKESO Prihatin' Squad
 - Perlindungan Insurans - The Extension of Social Security Coverage Scheme to all private employees and increasing the limitation of the monthly contribution of insured salary from RM3,000.00 to RM 4,000.00.
 - Komunikasi Strategik - SOCSO's Sketso
- ▶ Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah dianugerahkan
 - Malaysia Property Awards 2017 – Purpose-Built Category
 - Malaysia Property Awards 2017 – Public Sector Category
- ▶ Anugerah Penarafan Lima Bintang (Indeks SSR) 2017 Agensi Barisan Hadapan
- ▶ Juara Keseluruhan Anugerah Khas Menteri Sumber Manusia
- ▶ Juara Anugerah KIK Terbaik KSM 2017 - 5 Bintang
- ▶ Anugerah Pengurusan Pejabat Terbaik / EKSA - 5 Bintang
- ▶ Anugerah Inovasi KSM 2017 - 5 Bintang
- ▶ Anugerah Pengurusan ICT KSM 2017 - 4 Bintang
- ▶ Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan - 4 Bintang

AWARDS AND RECOGNITION

The year 2017 continues to be a year of excellence and has become a landmark success for SOCSO where the organisation garnered various awards and recognition at national and international levels. Indeed, this excellent achievement has further propelled SOCSO's image on the international stage. The awards and recognition received are as follows:

- ▶ 2017 Asia HRD Awards "Contribution to Organization Award".
- ▶ Innovative Policy 2017 on Employment, Work and Vocational Education and Training, Zero Project Conference 2017, Vienna, Austria.
- ▶ Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2017 For Excellence Award, Udon Thani, Thailand.
 - Innovation - SOCSO's e-Efisyen, SOCSO's Contribution Payment Portal: iPerkeso, SOCSO's Job Placement and Employment Support Services (JESS), SOCSO's Procurement Manual (SPM) dan SOCSO's NForce Refuge.
 - Customer Service - 'PERKESO Prihatin' Squad
 - Insurance Protection - The Extension of Social Security Coverage Scheme to all private employees and increasing the limitation of the monthly contribution of insured salary from RM3,000.00 to RM 4,000.00.
 - Strategic Communication - SOCSO's Sketso
- ▶ The Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre received the following awards:
 - Malaysia Property Awards 2017 – Purpose-Built Category
 - Malaysia Property Awards 2017 – Public Sector Category
- ▶ Five Star Rating Award (SSR Index) 2017 Front-line Agencies
- ▶ Overall Champions of the Ministry of Human Resources Special Award
- ▶ Best KIK Award 2017 – 5 Stars
- ▶ Best Office Management Award / EKSA – 5 Stars
- ▶ KSM Innovation Award 2017 – 5 Stars
- ▶ KSM ICT Management Award 2017 – 4 Stars
- ▶ Financial Management Innovation Award – 4 Stars

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF
Statement By The Chief Executive



MELANGKAH KE HADAPAN

Seiring dengan ekspektasi pelanggan, setiap anggota PERKESO perlu bersedia menghadapi cabaran dalam konteks landskap perlindungan keselamatan sosial masa kini yang pantas berubah. Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020 akan menjadi kerangka utama (*framework*) PERKESO untuk terus memperkasa jaringan keselamatan sosial pekerja di negara ini. Keutamaan adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan (*reducing the gap*) bagi memastikan golongan pekerja yang layak dilindungi mendapat perlindungan keselamatan sosial merentasi batasan sosioekonomi masyarakat majmuk di negara ini.

Pada masa ini, kajian kebolehlaksanaan skim insurans 'No Fault Accident' sedang dijalankan oleh PERKESO di mana sesi libat urus bersama MEF, FMM, dan MTUC sedang dilaksanakan di seluruh negara untuk memberi penerangan dan juga mendapatkan maklumbalas. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada kewajaran dan kebolehlaksanaannya di negara ini yang mana ia melibatkan komitmen bersama secara tripartite iaitu majikan, pekerja dan Kerajaan.

Selain itu, Program Transformasi Pembangunan Modal Insan PERKESO akan terus memberi tumpuan untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing, kreatif dan berintegriti. Budaya kreativiti dan inovasi dilestarikan dalam kalangan anggota dengan mewujudkan persekitaran dan prasarana yang inklusif serta insentif untuk merangsang lebih banyak cetusan idea dan inovasi pada masa hadapan.

MOVING FORWARD

Secara umumnya, risiko pelaburan ditakrifkan sebagai kebarangkalian berlakunya kerugian ke atas pelaburan PERKESO yang memberi impak kepada kadar pulangan pelaburan PERKESO. Pengurusan risiko pelaburan PERKESO boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pengurusan risiko pasaran dan pengurusan risiko kredit.

Investment Risk Management

SOCSO has established an Investment Policy Statement as well as an Investment Guideline and Policy which outline the methods of investment risk management, handling of risk limits and approaches in investment of SOCSO funds. The policies and guidelines also describe the investment risk tolerance through its Strategic Asset Allocation (SAA) and Tactical Asset Allocation (TAA) formulae. Due to market changes, TAA is used as a dynamic investment strategy that actively adjusts within the stipulated SAA ranges. It is a mechanism that acts as a risk control measure as well as enhances investment potential. Asset performance is also measured against the benchmark or indices that reflect the risks taken by SOCSO.

In general, investment risk is defined as the probability of incurring losses relative to the expected return on any investment. SOCSO's investment risk management is further divided into two main categories, namely, market risk and credit risk management.

ULASAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT
Governance and Corporate Risk Management Reviews**› Pengurusan Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai risiko kerugian kewangan akibat daripada perubahan harga ekuiti, kadar faedah dan kadar pertukaran wang asing. Objektif utama pengurusan risiko pasaran adalah untuk melindungi dan meminimumkan kerugian daripada perubahan pasaran yang di luar jangka. PERKESO menggunakan teknik dan pengukuran risiko untuk menguruskan pendedahan risiko pasaran seperti berikut:

- a) Analisis Sensitiviti: Mengukur risiko pasaran untuk bon dengan menggunakan kaedah *Modified Duration*. Kaedah ini mengukur sensitiviti bon terhadap pergerakan kadar faedah.
- b) *Tracking Error*: Mengukur perbezaan kadar pulangan antara portfolio pelaburan PERKESO dengan indeks penanda aras yang telah ditetapkan untuk portfolio.

Value at Risk (VaR): Nilai berisiko yang mengukur kerugian maksimum pelaburan dalam jangka masa yang ditetapkan berdasarkan tahap keyakinan.

› Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko berlakunya kerugian portfolio pelaburan PERKESO disebabkan oleh kegagalan rakan niaga atau *counterparty* dalam membayar obligasi yang dipersetujui. Matlamat pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan pendedahan kredit di dalam parameter yang diterima dan pada masa yang sama memaksimumkan kadar pulangan pelaburan PERKESO. Pelaburan PERKESO terdedah kepada risiko-risiko kredit seperti pelaburan dalam pinjaman kepada kuasi kerajaan serta pelaburan dalam bon atau sukuk, hartanah dan ekuiti swasta. Ukuran pengurusan risiko kredit yang digunapakai antaranya adalah dengan menetapkan instrumen pelaburan yang dibenarkan, had-had pelaburan dan penetapan penarafan kredit minimum bagi bon korporat.

Untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan risiko pelaburan, PERKESO berhasrat untuk membangunkan polisi risiko pelaburan yang lebih khusus menggariskan tatacara pengurusan risiko pelaburan yang efektif. Dasar-dasar ini juga akan menetapkan kaedah dan tatacara dalam menguruskan risiko pasaran dan kredit meliputi semua jenis aset dalam portfolio pelaburan PERKESO.

› Market Risk Management

Market risk is defined as the risk of financial loss due to changes in equity price, interest rates and foreign exchange. The objective of market risk management is to protect the organisation and minimise losses arising from unforeseen market movements. SOCSO employs the following risk measurement techniques to manage its exposure to market risks:

- a) Sensitivity Analysis: Measuring market risk for bonds using the Modified Duration method. This method measures sensitivity of bonds towards interest rate movements.
- b) Tracking Error: Measuring the deviation in rate of returns of SOCSO's investment portfolio against the benchmark index stipulated for the portfolio.

Value at Risk (VaR): Measuring the maximum loss expected on an investment over a given time within a given specified level of confidence.

› Credit Risk Management

Credit risk is the risk of a counterparty failing to perform its obligations. The goal of credit risk management is to maximise an organisation's risk adjusted rate of returns by maintaining its credit risk exposure within acceptable parameters. SOCSO is exposed to credit risks arising from investments in quasi-government loans, as well as investments in bonds or futures, real estate and private equity. The credit risk management measures adopted include stipulating the investment instruments permitted, investment limits and determination of minimum credit ratings for corporate bonds.

To further enhance the management of its investment risks, SOCSO intends to develop more specific market risk and credit risk frameworks outlining effective investment risk management procedures. These policies will also prescribe the method and procedures in managing market and credit risks covering all classes of assets within SOCSO's investment portfolio.

ULASAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

Governance and Corporate Risk Management Reviews

› Inisiatif Utama Pengurusan Risiko Tahun 2017

PERKESO telah melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam menambahbaik seni-bina pengurusan risiko seperti di bawah:

Penambahbaikan Tadbir Urus Risiko

- › Membangunkan Rangka Kerja Tadbir Urus Risiko yang memberi tumpuan kepada tadbir urus risiko berdasarkan seni bina risiko serta peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan risiko PERKESO secara keseluruhan.
- › Menubuhkan Jawatankuasa Risiko Lembaga untuk membantu Lembaga dalam memastikan rangka kerja pengurusan risiko beroperasi dengan berkesan serta mengawasi semua aktiviti berkaitan pengurusan risiko di PERKESO.
- › Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan pelaksanaan pengurusan risiko yang berterusan di PERKESO. Ini termasuk kajian semula rangka kerja pengurusan risiko dan menguruskan risiko-risiko utama selaras dengan tanggungjawab dalam menilai dan membuat keputusan strategik dan operasi.
- › Memperluaskan lagi jaringan risiko dengan melantik *Risk Champion* untuk setiap bahagian / cawangan di PERKESO bagi membolehkan operasi dan pelaksanaan proses dan aktiviti pengurusan risiko yang lebih baik, dan pada masa yang sama membantu sebagai pemudah cara di antara bahagian dan Bahagian Pengurusan Risiko.

Memupuk Budaya Risiko

- › Bagi memupuk pengetahuan mengenai risiko di kalangan anggota, beberapa latihan pengurusan risiko telah dijalankan secara berterusan meliputi pelbagai topik seperti peranan dan tanggungjawab dan proses dalam menguruskan risiko untuk meningkatkan pengetahuan anggota mengenai pengurusan risiko.
- › Maklum balas yang diperoleh daripada sesi libat urus dan fasilitasi risiko bersama pemilik risiko dan anggota PERKESO diambil kira bagi menambahbaik proses pengurusan risiko.
- › Perkongsian maklumat dan pengajaran mengenai pengurusan risiko melalui artikel kepada semua anggota diedarkan secara dalam talian (*e-risk articles*) setiap dua bulan.

› Key Risk Management Initiatives Implemented In 2017

SOCISO has implemented several initiatives with the aim of enhancing the architecture of risk management as described below:

Enhancement of risk governance

- › Development of Risk Governance Framework focussing on risk government based on risk architecture as well as the roles and responsibilities in managing SOCISO's overall risks.
- › Establishment of Board Risk Committee to assist the Board in ensuring the risk management framework operates effectively and to oversee all risk management activities of SOCISO.
- › Establishment of a Management Risk Committee that is responsible for the continuous development and implementation of risk management in SOCISO. This includes review of risk frameworks and management of all material risks as part of the responsibility in evaluating as well as making strategic and operational decisions.
- › Expansion of risk networking via the appointment of Risk Champions for each division within SOCISO to enable better implementation of risk management processes and activities, and simultaneously contributing as facilitators between divisions and the Risk Management Division.

Promotion and embedment of risk culture

- › Continuous inculcation of risk knowledge to staff through regular trainings covering various topics such as roles and responsibilities in managing risk and risk processes to enhance the understanding and risk capabilities of staff.
- › Risk facilitation sessions that provides for an in-depth engagement with the risk owners on risk management that serve as a feedback loop for enhancement of risk process.
- › Bimonthly publication of e-risk articles that disseminates useful materials and lesson learnt on risk management to all staff.

MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT

Enhancing Corporate Governance and Integrity



PERKESO komited dalam mentadbir Skim Keselamatan Sosial dengan penuh berhemah, berintegriti, telus dan bebas daripada sebarang unsur-unsur fraud dan penyelewengan. Pelaksanaan Polisi *Anti-Fraud* merupakan aspirasi Pengurusan Tertinggi PERKESO dalam menangani isu-isu berkaitan *fraud*.

Semua anggota PERKESO termasuk Ahli Lembaga, Pengurusan Tertinggi dan juga mana-mana pihak ketiga yang berurusan dengan PERKESO adalah tertakluk kepada Polisi *Anti-Fraud* PERKESO.

PERKESO amat serius dalam mendepani *fraud* sekali gus mengamalkan toleransi sifar (*Zero Tolerance*) dan tidak akan berkompromi dengan sebarang perbuatan *fraud*. Semua perkara yang melibatkan *fraud* akan dilaporkan kepada pihak berkuasa supaya tindakan undang-undang diambil ke atas mana-mana pihak (termasuk anggota PERKESO) yang melakukan *fraud* terhadap PERKESO.



Audit Dalam yang merupakan barisan pertahanan ketiga memainkan peranan sebagai satu fungsi bebas yang memberi kepastian secara objektif untuk meningkatkan tahap keberkesanan operasi, memantapkan akauntabiliti, tadbir urus organisasi dan integriti dalam kalangan kakitangan.

Peranan penting Audit Dalam adalah:

- Mencapai matlamat PERKESO melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman ke arah proses tadbir urus yang baik.
- Memberi khidmat perundingan dan nasihat kepada organisasi secara profesional terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman untuk memastikan peraturan dan prosedur yang bersesuaian adalah mencukupi dan dipatuhi.



SOCSCO is committed in administering the Social Security Scheme with prudence, integrity, transparency and free from any elements of fraud and abuse. The implementation of the Anti-Fraud Policy is the aspiration of the organisation's Top Management in handling issues concerning fraud.

All staff of SOCSCO including its Board Members, Top Management and any third party dealing with the organisation are subject to SOCSCO's Anti-Fraud Policy.

SOCSCO is very serious in facing fraud as well as practising zero-tolerance towards the same. The organisation will not compromise on any fraudulent acts. All matters involving fraud will be reported to the authorities so that legal action will be taken against any party (including SOCSCO's staff) committing fraud against SOCSCO.



Internal Audit, the third line of defence, plays the role of an independent function that gives objective certainty to increase the level of effectiveness of operations, consolidates accountability, organisational governance and integrity among staff.

The important roles of Internal Audit are:

- To achieve the goals of SOCSCO through systematic and disciplined approach by evaluating the effectiveness of the internal control system towards sound governance.
- To provide professional consultation and advisory services to the organisation on the sufficiency, reliability as well as effectiveness of the internal control system to ensure that the appropriate regulations and procedures are adequate and complied with.



MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT
Enhancing Corporate Governance and Integrity



Sepanjang tahun 2017, aktiviti-aktiviti pengauditan dalaman merangkumi pengurusan aset, hartanah, pelaburan, pengurusan aplikasi dan sistem di PERKESO, pengoperasian pejabat-pejabat PERKESO di seluruh Malaysia dan penyiasatan kes-kes penyelewengan.

Naziran berfungsi bagi memastikan setiap pejabat PERKESO mematuhi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Peraturan-Peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Arahan-Arahan AKSP, Arahan Kewangan dan Pekeliling-Pekeliling berkaitan Penguatkuasaan dan Caruman. Pada tahun 2017, Naziran telah berjaya melaksanakan lawatan ke atas 52 pejabat PPN/PPP dan termasuk 6 pejabat kategori sangat besar dibuat dua kali lawatan bagi memastikan 14 skop aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur, sempurna, selesai dan kemaskini. Laporan hasil penemuan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi.



Throughout 2017, internal audit activities encompassed management of asset, real estate, investment, SOCSO's system and application management, operation SOCSO offices nationwide as well as investigations into misappropriation cases.

Inspection ensures that each SOCSO office complies with the Employees Social Security Act 1969, Employees Social Security General Regulations 1971, Orders under the Employees Social Security Act, Financial Instructions and Circulars concerning Enforcement and Contribution. In 2017, the Inspectorate successfully conducted visits to 52 PPN/PPP offices, with 6 large

offices being visited twice, to ensure the 14 activity scopes have been implemented in an organised manner, properly, completely and up-to-date. A report on the findings of such visits was presented to the top management.

Kursus *Retreat* dan Perlantikan Baru Duta Integriti PERKESO

PERKESO dengan Kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS) telah mengendalikan Kursus *Retreat* dan Perlantikan Duta Integriti siri 1/2017 dan 2/2017. Kursus *Retreat* siri 1/2017 telah diadakan di Hotel Silka, Kuala Lumpur yang berlangsung dari 20 - 23 Februari 2017 melibatkan penyertaan seramai 37 peserta terdiri daripada anggota yang mempunyai rekod peribadi yang bersih serta berdisiplin. Kursus *Retreat* dan Perlantikan Duta Integriti siri 2 telah diadakan di Hotel Quality, Kuala Lumpur bermula pada 13 - 16 Mac 2017 melibatkan seramai 37 anggota daripada Pejabat PERKESO seluruh Malaysia. Secara keseluruhan seramai 74 Duta Integriti telah ditauliahkan sepanjang tahun 2017. Diantara tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada anggota berhubung kemerosotan aspek integriti dalam kalangan Penjawat Awam, Integriti dari perspektif Islam, rasuah dan konflik kepentingan dan lain-lain.

Retreat and Appointment of New SOCSO Integrity Ambassador

SOCSO, in collaboration with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) through its Community Education Division (PENMAS), organised series 1/2017 and 2/2017 of the Retreat and Appointment of Integrity Ambassador. The first retreat, 1/2017 was held at Hotel Silka In Kuala Lumpur from 20th to 23rd February 2017, with the involvement of 37 participants comprising staff with clean and disciplined personal records. The second series of Retreat and Appointment of Integrity Ambassador was held at Hotel Quality, Kuala Lumpur from 13th to 16th March. The retreat involved 37 staff from SOCSO's offices nationwide. Overall, 74 Integrity Ambassadors were accredited throughout 2017. Among the objectives of this course is to give exposure to staff on diminishing integrity amongst public servants, integrity from the Islamic perspective, corruption as well as conflict of interest.

Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah

PERKESO telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) pada 27 - 29 Mac 2017 di *Cheringin Hills Convention & Spa Resort*, Janda Baik, Pahang. Bengkel yang dikendalikan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dihadiri oleh seramai 41 orang peserta yang mewakili setiap Bahagian di Ibu Pejabat. CRM merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua anggota serta menerapkan elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. Rasuah boleh wujud dalam semua peringkat pengurusan, fungsi dan aktiviti, begitu juga boleh melibatkan pihak berkepentingan dalaman dan luaran organisasi. CRM berperanan penting dalam inisiatif pencegahan rasuah. Oleh yang demikian, CRM merupakan sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik untuk organisasi. Ia dilaksanakan dengan mengambil kira rasuah sebagai risiko asas dalam sesebuah pengurusan dengan menggunakan pendekatan Penilaian dan Pengurusan Risiko. Seterusnya satu bentuk sistem pengurusan yang baik dan berintegriti dapat dilahirkan melalui Pelan Pengurusan Risiko Rasuah.

Corruption Risk Management Workshop

SOCSO organised the Corruption Risk Management (CRM) Workshop on 27th to 29th March 2017 at the Cheringin Hills Convention & Spa Resort in Janda Baik, Pahang. The workshop which was fully-run by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) was attended by 41 participants representing each Division of the Headquarters. CRM is a management process to help identify structural weaknesses that may open opportunities for commission of corruption, preparation of framework to identify risk factors and solutions that involve all staff, as well as inculcation of solid corruption prevention elements within the governance framework. Corruption can exist at all levels of management, function and activities, and can also involve interested parties within and outside of the organisation. CRM plays an important role in the corruption prevention initiative. Hence, it is part of good corporate governance for the organisation. It is implemented by taking into account corruption as a basic risk in management, using the Risk Evaluation and Management approach. Subsequently a good management system with integrity can be produced through the Corruption Risk Management Plan.

MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT

Enhancing Corporate Governance and Integrity

Ikrar Bebas Rasuah

Pada 19 Julai 2017 PERKESO telah dengan jayanya melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR). YBhg. Dato' Sri Dr. Mohamed Azman bin Dato' Aziz Mohamed selaku Ketua Eksekutif telah mengetuai lafaz bacaan ikrar dan seterusnya menandatangani IBR dengan disaksikan oleh YBhg Dato' Junipah Binti Wandu, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti SPRM dan YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Bertitik tolak daripada majlis ini, IBR telah dipanjangkan kepada semua anggota di pejabat PERKESO seluruh negara. Pada tarikh tersebut seramai 172 anggota PERKESO terdiri daripada semua PPN/PPP/Ketua Bahagian di Ibu pejabat / Duta Integriti dan anggota lain dari pelbagai peringkat telah hadir.

Corruption-Free Pledge

On 19th July 2017, SOCSO successfully conducted its Corruption-Free Pledge. YBhg. Dato' Sri Dr. Mohamed Azman bin Dato' Aziz Mohamed led the reading of the oath as SOCSO's Chief Executive. He also signed the Corruption-Free Pledge, witnessed by YBhg. Dato' Junipah binti Wandu, the Director of MACC Integrity Management Division and YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman, Secretary General of the Ministry of Human Resources. With this ceremony being the jumping-off point, the Corruption-Free Pledge was extended to all staff of SOCSO offices nationwide. On the said day, 172 SOCSO staff comprising PPN/PPP/Head of Division at Headquarters/Integrity Ambassadors as well as others from various levels were present.



Kod Etika Pembekal

Pada tahun 2017, PERKESO telah melancarkan Kod Etika Pembekal yang dikhususkan kepada semua pihak termasuk pihak-pihak berkepentingan dan pembekal yang berurusan dengan PERKESO. YBhg Dato' Sri Ketua Eksekutif melalui kata-kata aluannya berharap agar semua pembekal sama ada individu atau entiti yang berurusan dan membuat urusan niaga dengan PERKESO atau bercadang untuk mengadakan atau sedang dalam kontrak dengan PERKESO agar dapat bersama-sama mengamalkan budaya memupuk nilai-nilai murni untuk mempertingkatkan tahap integriti dan tadbir urus terbaik yang diamalkan oleh PERKESO selaras dengan intipati penting yang terkandung dalam Kod Etika Pembekal.

Objektif kod etika ini digubal, diwujudkan dan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menggariskan amalan-amalan serta perilaku murni yang diterima sebagai amalan piawai di kalangan pembekal yang mampu mendorong dan meningkatkan tahap profesionalisma, integriti dan *akauntabiliti* yang tinggi.
- ii. Membudayakan kaedah pengawalseliaan sendiri (*Self-regulator*) dalam kalangan pembekal bagi meningkatkan tahap keyakinan masyarakat umum terhadap perkhidmatan yang disediakan.
- iii. Membantu mencapai agenda dan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan integriti dalam kalangan semua pihak berdasarkan Pelan Integriti Nasional (PIN).

PERKESO adalah komited terhadap proses perolehan yang memupuk saingan yang adil dan terbuka serta dilaksanakan di bawah piawaian etika yang tinggi dan diyakini oleh masyarakat. Dengan kewujudan Kod Etika Pembekal PERKESO ini adalah merupakan satu langkah positif dalam pengukuhan nilai-nilai murni ke arah meningkatkan imej dan memperkukuhkan tahap integriti yang kini merupakan salah satu agenda nasional.

Suppliers' Code of Ethics

In 2017, SOCSO launched the Suppliers' Code of Ethics specific to all parties including stakeholders and suppliers dealing with SOCSO. The Chief Executive, in his welcoming speech, expressed his hopes that all suppliers, whether individuals or entities, dealing and conducting business with SOCSO or planning to establish or are currently in contract with SOCSO can jointly practise the culture of inculcating noble values to increase the level of integrity and best governance adopted by SOCSO.

The objectives of formulating, establishing and implementing this code of ethics are as follows:

- i. To outline the noble practices and behaviour that is accepted as standard practice among suppliers which can promote and enhance professionalism, integrity and high accountability.
- ii. To enculturate self-regulation among suppliers to increase the public's level of confidence in the services provided.
- iii. To help achieve the government's agenda and goals to enhance integrity among all parties based on the National Integrity Plan.

SOCSO is committed towards procurement processes that encourage fair and open competition, as well as those implemented based on high ethical standards in which the community is confident. The establishment of SOCSO's Suppliers' Code of Ethics is a positive step in consolidating noble values towards enhancing the image and level of integrity, which has currently become a national agenda.

MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT

Enhancing Corporate Governance and Integrity



Konvensyen Integriti PERKESO 2017

Bertempat di Hotel Pearl International, Kuala Lumpur pada 17 - 19 Julai 2017 PERKESO telah mengadakan Konvensyen Integriti dengan Kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Seramai 152 anggota yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) dan Duta-duta Integriti telah hadir dalam konvensyen yang telah diadakan. Penganjuran Konvensyen Integriti PERKESO 2017 adalah bertitik tolak daripada pengisytiharan Hari Integriti Kebangsaan yang disambut pada 5 November pada setiap tahun, PERKESO meletakkan sambutan ini sebagai salah satu agenda dalam kalender tahunan.

Tujuan utama konvensyen ini di adakan adalah:

- i. Memupuk kesedaran dalam kalangan anggota mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti;
- ii. Penglibatan dan sokongan Ketua Jabatan dan pengurusan atasan melalui program Hari Integriti ini mampu memberi tanggapan yang baik dan membina imej organisasi ke arah mempertingkatkan sistem tadbir urus yang baik dan telus;
- iii. Memberi penjelasan mengenai isu-isu berkaitan kesalahan tata tertib dan mewujudkan kesedaran tentang norma dan tatakelakuan yang baik kepada anggota;
- iv. Memberi peluang dan ruang kepada anggota untuk memperolehi dan meyalurkan maklumat berkaitan isu-isu integriti dengan mudah dan tepat;
- v. Platform untuk membina hubungan baik dengan agensi-agensi penguatkuasaan.

SOCSO Integrity Convention 2017

SOCSO, in collaboration with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), the Royal Malaysian Police (PDRM) and the Inland Revenue (LHDN), held its Integrity Convention at the Pearl International Hotel in Kuala Lumpur. The convention was held from 17th to 19th July 2017 with a total of 152 participants comprising members of the Integrity and Governance Committee (JITU) as well as the Integrity Ambassadors. The organisation of this convention was born out of the declaration of the National Integrity Day celebrated on 5th November each year, marked as one of the agenda in SOCSO's annual calendar.

The key objectives of this convention:

- i. To foster awareness among staff on the need and importance of building noble and integrity values;
- ii. The involvement and support of Heads of Departments and top management in the Integrity Day programme is capable of giving a good impression and building the image of the organisation towards enhancing a governance system that is sound and transparent;
- iii. To elaborate on issues related to disciplinary violations and to create awareness of good norms and behaviour among staff;
- iv. To provide opportunity and space for staff to acquire and channel information concerning integrity issues expediently and accurately;
- v. Provision of a platform to build good relationships with enforcement agencies.

MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT
Enhancing Corporate Governance and Integrity**Inovasi Sistem Perolehan PERKESO (SPP)**

Sistem Perolehan PERKESO (SPP) telah dibangunkan dan mula dilaksanakan pada akhir Oktober 2017. Melalui SPP, proses perolehan secara elektronik ini akan meningkatkan tahap keberkesanan dan produktiviti perkhidmatan kerana permohonan dan proses perolehan dilaksanakan dengan lebih cepat, berintegriti dan telus. SPP dibangunkan merangkumi modul perolehan bagi Pembelian Terus, Sebutharga, Tender, *e-Bidding* dan Pengurusan Kontrak. Sistem ini digunakan oleh PERKESO dan pembekal terlibat dalam urusan perolehan. Secara tidak langsung, SPP telah berjaya mempercepatkan urusan perolehan dan mengurangkan kos pengoperasian dokumen dan fail.

SOCISO Procurement System Innovation

SOCISO's Procurement System was developed and implemented at the end of October 2017. The electronic procurement process will enhance service effectiveness and productivity as the procurement request and process are carried out more expediently, with integrity and transparently. The system was developed to encompass procurement models for Direct Purchase, Quotation, Tender, e-Bidding and Contract Management. This system is utilised by SOCISO and suppliers involved in the procurement transaction. The system has indirectly managed to expedite the procurement process and reduce documentation and filing operational costs.



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

Key Financial Performance Indicators Review

DATIN AZLAILY BINTI ABD RAHMAN

Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)
Deputy Chief Executive (Corporate)



“Kemampuan dana melalui pengurusan kewangan strategik berpandukan kepada amalan urus tadbir yang baik terus mengekalkan prestasi perkhidmatan PERKESO di tahap yang membanggakan. Prestasi pelaburan pada tahun 2017 menunjukkan peningkatan memberangsangkan iaitu sebanyak 6.22% di mana ianya merekodkan pendapatan sebanyak RM1,261.57 juta berbanding RM1,187.70 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah hasil juga turut meningkat kepada 10.71% di mana RM4,475.09 juta yang dicatat pada tahun 2016 telah bertambah kepada RM4,954.39 juta pada tahun ini.

Sustainability of funds through strategic financial management that is guided by sound governance practices maintains the performance of SOCSO's service at a level that we can be proud of. The investment performance in 2017 showed an encouraging increase of 6.22%, translated into an income of RM1,261.57 million compared to RM1,187.70 million in the previous year. The total revenue also increased by 10.71% where the RM4,475.09 million recorded in 2016 rose to RM4,954.39 million this year.

”

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review**Ulasan Prestasi Kewangan**

Secara keseluruhannya, jumlah hasil PERKESO bagi tahun 2017 meningkat sebanyak RM479.30 juta atau 10.71% kepada RM4,954.39 juta berbanding RM4,475.09 juta pada tahun 2016. Jumlah belanja PERKESO juga meningkat sebanyak RM213.57 juta atau 5.86% kepada RM3,859.64 juta berbanding RM3,646.07 juta pada tahun 2016. Dengan itu, lebihan PERKESO meningkat sebanyak RM265.73 juta atau 32.05% kepada RM1,094.75 juta berbanding RM829.02 juta pada tahun 2016.

Pendapatan caruman meningkat sebanyak RM345.44 juta atau 10.74% kepada RM3,560.97 juta berbanding RM3,215.53 juta pada 2016 terutamanya berikutan pelaksanaan kenaikan had siling caruman bagi gaji bulanan daripada RM3,000 kepada RM4,000 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2016 selain keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang membawa kepada peningkatan bilangan majikan dan pekerja aktif. Selain itu, peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat dalam kalangan majikan dan pekerja mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO berikutan keberkesanan program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh PERKESO.

Hasil PERKESO bagi tahun 2017 turut mengambil kira geran peruntukan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri bagi Pemandu Teksi berjumlah RM60.00 juta yang telah diterima daripada Kementerian Sumber Manusia pada Mei 2017. Pendapatan pelaburan kasar pula meningkat sebanyak RM73.54 juta atau 6.19% kepada RM1,261.24 juta berbanding RM1,187.70 juta pada tahun 2016 berikutan peningkatan dalam dividen, keuntungan daripada penjualan, pendapatan faedah dan keuntungan belum realis daripada penilaian semula aset kewangan.

Sementara itu, belanja tanggungan meningkat sebanyak RM316.06 juta atau 10.62% kepada RM3,292.18 juta pada tahun 2017 berbanding RM2,976.12 juta pada tahun sebelumnya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah, pelaksanaan bayaran penyesuaian kos sara hidup dan kenaikan kadar bayaran Faedah Pengurusan Mayat kepada RM2,000 berbanding RM1,500 pada tahun sebelumnya.

Financial Performance Review

Overall, SOCSO's total income for 2017 increased by RM479.30 million or 10.71% to RM4,954.39 million in comparison to RM4,475.09 million in 2016. Similarly, SOCSO's total expenses also rose by RM213.57 million or 5.86% to RM3,859.64 million in comparison to RM3,646.07 million in 2016. As a result, surplus for 2017 increased by RM265.73 million or 32.05% to RM1,094.75 million in comparison to RM829.02 million in 2016.

Contributions income increased by RM345.44 million or 10.74% to RM3,560.97 million compared to RM3,215.53 million in 2016 mainly due to the implementation of the increase in the ceiling of contributions for a monthly salary of RM3,000 to RM4,000 which was effective from 1 June 2016 in addition to the effectiveness of the enforcement activities which led to an increase in the number of active employers and employees. On the other hand, the increase in collection of contributions also reflects the growing awareness among employers and employees about their responsibilities to contribute to SOCSO due to the effectiveness of programmes and awareness campaigns conducted by SOCSO.

SOCSO's revenue for 2017 also took into account allocation for the Self-Employed Employment Injury Scheme for Taxi Drivers amounting to RM60.00 million received from the Ministry of Human Resources in May 2017. Gross investment income increased by RM73.54 million or 6.19% to RM1,261.24 million in comparison to RM1,187.70 million in 2016 due to the increase in dividend, gains from divestment, interest income and unrealised gains from revaluation of financial assets.

Meanwhile, benefits expenses increased by RM316.06 million or 10.62% to RM3,292.18 million in 2017 in comparison to RM2,976.12 million in the previous year due to the increase in the number of benefits claim cases, the implementation of payment for adjustment of cost of living and an increase in the funeral benefit payment rate to RM2,000 compared to RM1,500 in the previous year.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

Key Financial Performance Indicators Review

Manakala belanja operasi menurun sebanyak RM63.42 juta atau 10.01% kepada RM569.89 juta berbanding RM633.31 juta pada tahun 2016 terutamanya berikutan penurunan peruntukan liabiliti aktuari bagi saguhati tamat perkhidmatan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Prestasi kewangan PERKESO adalah seperti di Jadual 12, Carta 1 dan 2.


However, operating expenses declined by RM63.42 million or 10.01% to RM569.89 million compared to RM633.31 million in 2016, mainly due to a decline in the actuarial liability provision for the end of service gratuity in 2017 as compared to 2016. SOCSO's financial performance is shown in Table 12, Charts 1 and 2.

JADUAL 12 RINGKASAN STATISTIK KEWANGAN 2016 – 2017
Table 12 Financial Statistics Summary 2016 – 2017


PERKARA / TAHUN ITEM / YEAR	2016 RM Juta / Million	2017 RM Juta / Million
Pendapatan Caruman Contributions Income	3,215.53	3,560.97
Geran Kerajaan Government Grant	–	60.00
Pendapatan Pelaburan Kasar Gross Investment Income	1,187.70	1,261.24
Lain-lain Pendapatan Bukan Pelaburan Other Non-Investment Income	71.86	72.18
Jumlah Hasil Total Revenue	4,475.09	4,954.39
Belanja Tanggungan Benefits Expenses	2,976.12	3,292.18
Belanja Operasi Operating Expenses	633.31	569.89
Kerugian Penjejasan / (Catatan Semula) Aset Kewangan Impairment Losses / (Writeback) For Financial Assets	36.64	(2.43)
Jumlah Belanja Total Expenses	3,646.07	3,859.64
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year	829.02	1,094.75
Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserve	25,575.08	27,064.55

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

CARTA 1 KOMPONEN HASIL PERKESO 2017
Chart 1 SOCSO Revenue Components 2017




CARTA 2 KOMPONEN PERBELANJAAN PERKESO 2017
Chart 2 SOCSO Expenditure Components 2017



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

Key Financial Performance Indicators Review



Belanja Operasi

2017: RM569.89 juta (2016 : RM633.31 juta)
Menurun 10.01%

Operating Expenses

2017: RM569.89 million (2016 : RM633.31 million)
A decrease of 10.01%

Belanja Operasi adalah seperti ditunjukkan di Jadual 13 dan Carta 3.

Operating Expenses is shown in Table 13 and Chart 3.


JADUAL 13 KOMPONEN PERBELANJAAN MENGRURUS 2016 – 2017
Table 13 Administrative Expenditure Components 2016 – 2017

KOMPONEN COMPONENTS	2016 RM Juta / Million	2017 RM Juta / Million	Perubahan Changes (%)
Kos Anggota Staff Costs	443.51	334.60	(24.56)
Bayaran Audit Audit Fees	0.26	0.24	(7.69)
Susut Nilai Hartanah dan Peralatan Depreciation of Property and Equipment	35.22	33.00	(6.30)
Pelunasan Perisian Komputer Amortisation of Computer Software	2.02	38.11	1,786.63
Perkhidmatan dan Bekalan Services and Supplies	111.87	129.20	15.49
Harta Perbekalan Supplies Items	1.67	4.84	189.82
Pemberian dan Bayaran Tetap Grants and Fixed Payments	0.33	0.37	12.12
Perbelanjaan Pelaburan Investment Expenditure	21.24	5.33	(74.91)
Lain-lain Perbelanjaan Operasi Other Operating Expenditure	17.19	24.20	40.78
Jumlah Total	633.31	569.89	(10.01)

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

CARTA 3 KOMPONEN BELANJA OPERASI 2017
Chart 3 Operating Expenses Components 2017

RM334.60 juta / million Kos Anggota Staff Costs	RM0.24 juta / million Bayaran Audit Audit Fees	RM33.00 juta / million Susut Nilai Hartanah dan Peralatan Depreciation of Property and Equipment
RM38.11 juta / million Peluasan Perisian Komputer Amortisation of Computer Software	RM129.20 juta / million Perkhidmatan dan Bekalan Services and Supplies	RM4.84 juta / million Harta Perbekalan Supplies Items
RM0.37 juta / million Pemberian dan Bayaran Tetap Grants and Fixed Payments	RM5.33 juta / million Perbelanjaan Pelaburan Investment Expenditure	RM24.20 juta / million Lain-lain Perbelanjaan Operasi Other Operating Expenditure



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

Key Financial Performance Indicators Review

RINGKASAN PETUNJUK PRESTASI KEWANGAN DARI TAHUN 2013 – 2017

Financial Performance Indicators Summary 2013 – 2017

Pada keseluruhannya, petunjuk prestasi kewangan bagi tempoh 2013 - 2017 adalah seperti di Graf 1 - 5.

Overall, SOCSO's financial performance indicators for 2013 – 2017 are shown in Graphs 1 - 5.

GRAF 1
Graph 1


JUMLAH PENDAPATAN 2013 – 2017
Total Revenue 2013 – 2017



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review


GRAF 2
Graph 2

JUMLAH BELANJA 2013 – 2017
Total Expenses 2013 – 2017



GRAF 3
Graph 3


LEBIHAN 2013 – 2017
Surplus 2013 – 2017




ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

Key Financial Performance Indicators Review

GRAF 4 JUMLAH ASET 2013 – 2017
Graph 4 Total Assets 2013 – 2017




GRAF 5 RIZAB KESELAMATAN SOSIAL 2013 – 2017
Graph 5 Social Security Reserve 2013 – 2017



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

ULASAN PRESTASI PELABURAN
Investment Performance Review



Dana Pelaburan PERKESO

2017: RM26,379.95 juta (2016 : RM25,047.15 juta)
Meningkat 5.32%


SOCSO Investment Fund

2017: RM26,379.95 million (2016 : RM25,047.15 million)
An increase of 5.32%

Dana pelaburan PERKESO pada tahun 2017 mencatat pertumbuhan sebanyak RM1,332.80 juta atau 5.32% iaitu kepada RM26,379.95 juta pada tahun 2017 berbanding RM25,047.15 juta pada tahun 2016. Pulangan pelaburan bertambah dengan peningkatan dalam caruman mengakibatkan peningkatan bersih dalam dana pelaburan untuk tahun 2017. Jumlah dana pelaburan PERKESO dari tahun 2013 hingga 2017 ditunjukkan di Graf 6.

SOCSO's investment fund registered a growth of RM1,332.80 million or 5.32% to RM26,379.95 million in 2017 as compared to RM25,047.15 million in 2016. Investment returns coupled with an increase in contributions resulted in a net increase in the investment fund for 2017. SOCSO's investment fund from 2013 to 2017 is shown in Graph 6.

GRAF 6
Graph 6
DANA PELABURAN 2013 – 2017
Investment Fund 2013 – 2017




ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

Key Financial Performance Indicators Review

Alokasi dana pelaburan mengikut jenis instrumen pada penghujung 2017 adalah seperti ditunjukkan di Carta 4.

Investment Fund allocation according to type of instrument at the end of 2017 is shown in Chart 4.


CARTA 4 ALOKASI DANA PELABURAN 2017
Chart 4 Investment Fund Allocation 2017



PERKESO mengamalkan strategi pelaburan jangka panjang yang konservatif dan cermat dengan mengambilkira faktor risiko dalam menguruskan dana. Strategi ini ditunjukkan dalam wajaran yang tertumpu kepada instrumen pendapatan tetap sejajar dengan alokasi aset strategik.

SOCSSO adopts a conservative and prudent long-term investment strategy by taking into account risk factors in managing the funds. This strategy is reflected in weightage that gravitates towards fixed income instruments in line with strategic asset allocation.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review



Prestasi Pulangan Pelaburan

2017: RM1,261.57 juta (2016: RM1,187.70 juta)

Meningkat 6.22%

Investment Returns Performance

2017: RM1,261.57 million (2016: RM1,187.70 million)


An increase of 6.22%

Pendapatan pelaburan pada tahun 2017 berjumlah RM1,261.57 juta, meningkat sebanyak RM73.87 juta atau 6.22% berbanding RM1,187.70 juta pada 2016. Pendapatan pelaburan yang dinyatakan tidak mengambilkira rosot nilai saham dan bon serta pendapatan faedah daripada pinjaman kuasi kerajaan. Pencapaian pulangan pelaburan dari 2013 hingga 2017 adalah seperti ditunjukkan di Graf 7 dan Carta 5.

Investment income in 2017 was RM1,261.57 million, an increase of RM73.87 million or 6.22% compared to RM1,187.70 million in 2016. The investment income stated excludes impairment for shares and bonds as well as interest from quasi-government loans. The performance of investment returns from 2013 – 2017 is shown in Graph 7 and Chart 5.


GRAF 7
Graph 7

PULANGAN PELABURAN 2013 – 2017
Investment Returns 2013 – 2017



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

CARTA 5 PULANGAN PELABURAN MENGIKUT ALOKASI ASET 2017
Chart 5 Investment Returns by Asset Allocation 2017



AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN DALAMAN

In-House Investment Activities

Senario Ekonomi

Pada tahun 2017, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan kukuh pada kadar 5.9% yang dipacu oleh permintaan domestik dan penggunaan swasta. Untuk tahun 2017, indeks FBMKLCI meningkat 9.44% pada penutup iaitu pada 1,796 mata. Harga komoditi dan harga minyak mentah yang pulih dan kembali meningkat memberi kesan kepada peningkatan harga saham-saham yang berkaitan dengan minyak.

Ekuiti

Dalam menguruskan pelaburan ekuiti dalaman, PERKESO mengamalkan pengurusan secara *market driven* di mana portfolio ekuiti dibina dalam tempoh masa yang panjang bagi mengimbangi keuntungan modal serta pendapatan dividen. Syarikat-syarikat dengan aliran tunai yang kukuh, polisi pembayaran dividen yang tinggi, tadbir urus yang telus dengan model perniagaan yang baik serta mampu dipertahankan dalam apa jua keadaan ekonomi adalah diutamakan.

Pelaburan PERKESO di dalam ekuiti pada penghujung tahun 2017 adalah 20.86% daripada dana pelaburan PERKESO. Dana pelaburan di dalam ekuiti adalah berjumlah RM5,501.64 juta, meningkat sebanyak RM1,100.64 juta atau 25.01% berbanding RM4,400.99 juta pada tahun 2016. Dari segi alokasi sektor bagi pelaburan di dalam ekuiti, 34.8% dilaburkan dalam sektor perbankan dan kewangan diikuti perkhidmatan (18.4%), perladangan (11.0%), industri (9.7%), hartanah (8.1%), telekomunikasi (7.7%), produk pengguna (5.3%), pembinaan (4.9%), lain-lain (0.1%) membentuk pegangan teras portfolio ekuiti PERKESO. Portfolio teras ekuiti PERKESO menjana pulangan pendapatan dividen sebanyak RM62.47 juta manakala bakinya sebanyak RM94.48 juta adalah keuntungan modal daripada jualan saham.

PERKESO dari semasa ke semasa mengadakan perjumpaan dengan pengurusan tertinggi syarikat yang dilaburkan bagi mendapatkan gambaran mengenai strategi pengurusan dan halatuju syarikat bagi membolehkan PERKESO membuat keputusan berkaitan dengan pelaburannya.

Economic Scenario

In 2017, the Malaysian economy recorded a strong growth of 5.9% which was driven by domestic demand and private consumption. For 2017, the FBMKLCI increased by 9.44%, closing the year at 1,796 points. Commodity and crude oil prices recovered and rose, resulting in increase in prices of oil-related stocks.

Equities

In managing its internal equity investment, SOCSO adopts a market driven investment strategy where the equity portfolio is constructed over a long period to balance capital gains as well as dividend income. Companies with a healthy cash flow, a high dividend pay-out policy and transparent corporate governance with a good business model which is defensible in any economic scenario are prioritised.

SOCSO's investment in equity at the end of 2017 stood at 20.86% of investment fund. Investment fund in the form of equity stood at RM5,501.64 million, an increase of RM1,100.64 million or 25.01% compared to RM4,400.99 million in 2016. As for sector allocation, 34.8% is invested in the banking and financial sector, followed by services (18.4%), plantation (11.0%), industrial (9.7%), properties (8.1%), telecommunications (7.7%), consumer products (5.3%), construction (4.9%), and others (0.1%) forming the core holdings of SOCSO's equity portfolio. This portfolio generated a dividend income of RM62.47 million whereas the balance RM94.48 million was generated from capital gains in sale of shares.

SOCSO regularly meets with investee companies' top management to get an insight into their management strategies and company direction to enable SOCSO to make informed decisions regarding its investments.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

Key Financial Performance Indicators Review

Sekuriti Kerajaan (Konvensional dan Islamik), Sekuriti Hutang Korporat dan Pinjaman Jaminan Kerajaan

Sejumlah 58.17% daripada dana pelaburan PERKESO adalah dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan (SK: Konvensional dan Islamik), Sekuriti Hutang Korporat (SHK) dan Pinjaman Jaminan Kerajaan. Pelaburan ini telah memberikan pulangan sejumlah RM656.93 juta atau 40.92% daripada jumlah pendapatan pelaburan yang diterima terutamanya dalam bentuk kupon dan keuntungan modal.

SK merupakan komponen terbesar kelas aset ini mewakili 46.54% dengan nilai semasa sebanyak RM12,277.38 juta menjana pendapatan sebanyak RM516.28 juta dalam bentuk bayaran kupon. Dalam tahun 2017, pelaburan dalam SK meningkat sebanyak RM2,120.72 juta atau 20.88% berbanding RM10,156.66 juta pada tahun 2016.

Portfolio SHK (nilai semasa) meningkat 10.96% atau RM303.13 juta kepada RM3,068.19 juta berbanding RM2,765.05 juta pada tahun 2016. Pelaburan di dalam SHK mewakili 11.63% daripada jumlah dana pelaburan. Pulangan pelaburan daripada SHK pada tahun 2017 menurun sebanyak 0.69% atau RM0.98 juta kepada RM140.65 juta berbanding dengan RM141.63 juta pada tahun 2016.

Komposisi penarafan instrumen ini kebanyakannya dalam kertas 'AAA' dan 'AA' seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Wajaran sektor SHK sebahagian besarnya dalam kewangan dan perbankan 43.9%, infrastruktur 20.8%, sekuriti kerajaan 18.5%, pengangkutan 6.8%, tenaga 4.7%, tol 2.4%, telekomunikasi 1.6%, insuran 0.5%, hartanah 0.4%, dan lain-lain 0.4%.

Dengan peratusan pelaburan dana yang tinggi, PERKESO akan meneruskan membida kertas hutang korporat berkualiti yang diterbitkan oleh perbadanan yang mantap yang mengamalkan tadbir urus korporat yang baik, model perniagaan yang mampan dan mempunyai aliran tunai yang stabil.

Government Securities (Conventional and Islamic), Corporate Debt Securities and Loan Guaranteed by Government

A total of 58.17% of SOCSO's investment fund is invested in fixed income instruments comprising Government Securities (GS: Conventional and Islamic), Corporate Debt Securities (CDS) and Government Guaranteed Loans. These realised returns amounting to RM656.93 million, or 40.92% of total investment income received largely through coupon payment and capital gain.

GS is the largest component of this asset class representing 46.54% with current value of RM12,277.38 million generating an income of RM516.28 million in coupon payment. In 2017, investment in GS increased by RM2,120.72 million or 20.88% in comparison to RM10,156.66 million in 2016.

The CDS portfolio (current value) increased by 10.96% or RM303.13 million to RM3,068.19 million compared to RM2,765.05 million in 2016. Investment in CDS represents 11.63% of the total investment fund. Investment returns from CDS in 2017 decreased by 0.69% or RM0.98 million to RM140.65 million, compared to RM141.63 million in 2016.

The rating composition of this instrument was largely skewed to 'AAA' and 'AA' papers as mandated by the Ministry of Finance. Sector weighting on CDS was largely on finance and banking 43.9%, infrastructure 20.8%, government securities 18.5%, transportation 6.8%, power 4.7%, toll road 2.4%, telecommunications 1.6%, insurance 0.5%, property 0.4% and others 0.4%.

With the higher percentage of investible funds, SOCSO will continue to bid for quality corporate debt securities issued by the established corporations which practise good corporate governance, embrace sustainable business model and have stable cash flow.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review**Pasaran Wang**

Pelaburan di dalam Pasaran Wang adalah dalam Deposit Jangka Pendek dan Simpanan Tetap di institusi-institusi kewangan yang diluluskan bagi tempoh tempoh matang di antara semalaman hingga 12 bulan. Pelaburan PERKESO di dalam instrumen ini telah menurun sebanyak RM2,191.70 juta atau 30.73% kepada RM4,940.80 juta berbanding RM7,132.50 juta pada tahun 2016.

Pegangan di dalam kelas aset ini adalah mewakili 20.86% daripada jumlah aset pelaburan pada tahun 2017. Pelaburan di dalam Pasaran Wang memberi pulangan sebanyak RM228.61 juta atau 18.12% daripada keseluruhan pendapatan pelaburan pada tahun 2017, menurun sebanyak RM49.69 juta atau 17.86% berbanding RM278.31 juta pada tahun 2016.

Mandat Pelaburan Luaran

Dalam usaha untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pelaburan, PERKESO memperuntukkan 12.87% daripada dananya untuk ditadbir oleh Pengurus Dana Luar bagi pelaburan domestik dan luar negara. Sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM2,249.48 juta (nilai semasa) telah diperuntukkan kepada Pengurus Dana Luar (Domestik) manakala USD238.43 juta atau RM965.04 juta ditadbir oleh Pengurus Dana Luar Negara.

Klinik Panel (Doktor Yang Tidak Mempunyai Latihan Kesihatan Pekerjaan) Panel Clinics (Doctors Without Occupational Health Training Exposure)	444	444
Jumlah Semasa Bilangan Klinik Panel PERKESO Total No. of SOCSO's Panel Clinics	1,309	1,360

Bayaran Ganti Belanja

Bayaran Ganti Belanja (BGB) merupakan tuntutan bayaran balik perkhidmatan perubatan dan pemulihan yang telah dilakukan oleh Orang Berinsurans di dalam dan luar negara. Pada 2017, sebanyak RM 1.035 juta iaitu penurunan sebanyak 5.47% berbanding RM1.095 juta pada tahun sebelumnya.

Aktiviti Penguatkuasaan

Aktiviti penguatkuasaan merupakan diantara dua fungsi utama PERKESO selain daripada pembayaran faedah. Aktiviti ini memastikan kemampuan Dana Keselamatan Sosial dalam jangka panjang. Ianya termasuklah pemeriksaan, pengkompaunan, pendakwa dan recovery.

Reimbursement of Claims

Reimbursements of Claims are reimbursement payments for medical and rehabilitation services received by Insured Persons both locally and overseas. In 2017, a total of RM 1.035 million was spent on reimbursement of claims, a decrease of 5.47% in comparison to RM 1.095 million the previous year.

Enforcement Activities

Enforcement activities is the one of the two core functions of SOCSO, the other being compensation. It ensures sustainability of the Social Security Fund in the long term. These activities include inspection of employers' records, issuance of compound notices, prosecution and recovery.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2017
Operations Key Performance Indicator Review 2017**Bulan Pemutihan PERKESO**

Setiap tahun sebelum berlangsungnya operasi OPS KESAN, majikan akan diberi peluang untuk mendaftar secara sukarela dalam tempoh sebulan sebelum berlangsungnya operasi. Tempoh ini dikenali sebagai bulan pemutihan. Pada 1 April 2017 PERKESO telah melancarkan OPS Kesan bagi kali ke sembilan dengan objektif untuk memastikan semua majikan yang menggaji sekurang-kurangnya seorang pekerja mendaftar dengan sewajarnya sebagaimana penguatkuasaan Seksyen 4 Akta Keselamatan Pekerja 1969 (AKSP). Sebelum operasi ini dilaksanakan, majikan akan diberi peluang untuk mendaftar secara sukarela mulai 1 hingga 31 Mac 2017.

Program Pemutihan merupakan satu inisiatif "*soft approach*" kepada majikan dengan tujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan perlindungan keselamatan sosial kepada majikan dan pekerja. Ini merupakan satu langkah yang proaktif kerana memberi peluang untuk majikan yang tidak berdaftar dengan PERKESO untuk berdaftar sepanjang tempoh pemutihan. Mana-mana majikan yang mengambil peluang mendaftar dalam tempoh pemutihan ini, akan dikecualikan daripada tindakan pengkompaunan dan pendakwaan walaupun telah melewati tempoh 30 hari yang ditetapkan. Pengecualian ini juga termasuklah ke atas faedah caruman lewat bayar yang bakal dikenakan kemudiannya. Pada tahun 2017, impak pendaftaran majikan bulan pemutihan adalah sebanyak 5% berbanding dengan bulan ops kesan dan bulan sebelumnya.

OPS Kesan PERKESO

PERKESO telah melaksanakan Ops Kesan sejak tahun 2009 sebagai sebahagian dari aktiviti penguatkuasaan bertujuan memastikan majikan akur dengan peruntukan AKSP, 1969. Pada tahun 2017, pihak BPJS Ketenagakerjaan Indonesia yang diketuai oleh Agus Susanto serta pasukannya telah terlibat bersama anggota PERKESO dalam program Ops Kesan Kebangsaan yang diadakan pada 10 April 2017 di sekitar kawasan Seri Kembangan, Selangor. Tujuan utama penglibatan pihak BPJS Ketenagakerjaan adalah untuk mempelajari konsep dan kaedah pelaksanaan program Ops Kesan yang telah dijalankan oleh PERKESO. Sepanjang Ops Kesan dijalankan, 7,314 premis majikan telah dilawati dan sebanyak 1,636 notis kompaun dikeluarkan terhadap majikan yang gagal mendaftar perusahaan mereka.

SOCSO "Amnesty Month"

Each year, prior to the launch of OPS KESAN, employers are given the opportunity to voluntarily register within a period one month before the operation. This period is known as the SOCSO "Amnesty Month". On 1st April 2017, SOCSO launched its ninth OPS KESAN with a view to ensuring that all employers with at least one worker duly register as provided under Section 4 of the Employment Social Security Act 1969. Prior to the launching of this operation, employers will be given the chance to voluntarily register, commencing from 1st to 31st March 2017.

This "Amnesty" Programme is a soft approach to employers intended to give awareness on the importance of social security protection to both employers and workers. It is a proactive measure that gives a chance for employers who have not registered with SOCSO to do so throughout the "whitening" period. Any employer who takes the opportunity to register within the "whitening" period will be exempted from compound action and prosecution despite exceeding the 30-day period stipulated. This exemption also includes interest on late payment of contributions which may be imposed later. In 2017, the impact of employer registration within the "amnesty" month is 5% compared to during OPS KESAN and the previous months.

SOCSO OPS Kesan

SOCSO has implemented *Ops Kesan* since 2009 as part of its enforcement activities with the intention of ensuring employers comply with the provisions of the Employee Social Security Act 1969. In 2017, *BPJS Ketenagakerjaan* Indonesia, headed by Agus Susanto and his team, was involved together with SOCSO staff in the National *Ops Kesan* held on 10th April 2017 in the Seri Kembangan area in Selangor. The main goal of *BPJS Ketenagakerjaan's* involvement is to study the concept and method of implementation of *Ops Kesan* carried out by SOCSO. Throughout the duration of *Ops Kesan*, employer premises were visited and a total of 1,636 compound notices were issued to errant employers.

ULASAN PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2017

Review of Socso Strategies and Performance Management 2017

MOHAMAD ASRI BIN NGOSMAN

Ketua Bahagian Perancangan & Hal Ehwal Korporat
Chief of Planning & Corporate Affairs Division



“ Pengukuran prestasi PERKESO melalui pendekatan *Balanced Scorecard (BSC)* merupakan pendekatan pengurusan strategi organisasi ke arah pencapaian kecemerlangan. Ianya dapat membantu organisasi mengurus sumber-sumber melalui penggubalan strategi untuk mencapai misi dan visi organisasi.

The measurement of SOCSO's performance using the Balanced Scorecard (BSC) approach is an organisational strategic management approach towards excellence. Such an approach enables the organisation to manage its resources through the formulation of strategies to achieve its mission and vision. ”

ULASAN PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2017
Review of Socso Strategies and Performance Management 2017



Bengkel Pengurusan Prestasi PERKESO dari 7 – 9 Januari 2017 di Pacific Regency Hotel Suites, Kuala Lumpur.
SOCSO Performance Management Workshop from 7 – 9 January 2017 at Pacific Regency Hotel Suites, Kuala Lumpur.

Penilaian Prestasi Bagi KPI PERKESO Berasaskan *Balanced Scorecard* (BSC)

Pendekatan BSC yang memberi fokus kepada memastikan pengukuran prestasi dengan lebih tepat dan objektif menerusi empat prespektif iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran / Perkembangan. BSC PERKESO 2017 telah dirangka berdasarkan Peta Strategi Korporat (*Corporate Strategy Map*) yang mengandungi komponen indikator KPI PERKESO 2017.

PERKESO telah mengambil inisiatif mengadakan Bengkel Pengurusan Prestasi PERKESO dari 7-9 Januari 2017 di Pacific Regency Hotel Suites, Kuala Lumpur. Bengkel bertujuan untuk merangka pelan tindakan serta aktiviti-aktiviti yang telah digariskan di bawah pelan strategi. Seterusnya memuktamadkan *key performance indicator* (KPI) PERKESO 2017 berasaskan sistem *balanced scorecard* berdasarkan empat (4) perspektif utama iaitu Pembelajaran & Perkembangan, Proses Dalaman, Kewangan dan Pelanggan / Pihak Berkepentingan.

SOCISO KPI Performance Evaluation Based on *Balanced Scorecard* (BSC)


The BSC approach focusses on ensuring a more accurate and objective measurement of performance through four perspectives, namely, Customers, Finance, Internal Process and Learning/Development. The 2017 SOCISO BSC was developed based on the Corporate Strategy Map which comprises SOCISO's KPI components for 2017.

SOCISO has taken the initiative of holding a Workshop of Management of Performance from 7th to 9th January 2017 at the Pacific Regency Hotel Suites in Kuala Lumpur. The workshop was held with a view to establishing a plan of action as well as activities outlined under its strategic plan. It was also held to finalise SOCISO's key performance indicators for 2017 based on the balanced scorecard system, which in turn, is based on the four key perspectives, namely, Learning & Development, Internal Process, Finance and Customers / Stakeholders.

ULASAN PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2017
Review of Socso Strategies and Performance Management 2017

Bengkel pelan strategik ini melibatkan pengurusan atasan selaras dengan keterlibatan dan peranan mereka dalam memastikan pencapaian prestasi PERKESO berada pada tahap yang cemerlang. Di samping sebagai satu sesi libat urus dalam menyebarkan maklumat mengenai Pelan Strategik PERKESO 2016 – 2020. Hasil pengurusan strategi yang efisien dan efektif, prestasi PERKESO telah mencapai tahap 95.50% pada tahun 2017 dan kecermerlangan ini akan diteruskan bagi tahun-tahun akan datang.

This strategic planning workshop involved SOCSO's higher management, in line with their involvement and roles in ensuring that SOCSO's performance is at an excellent level. In addition, it also served as an engagement session in disseminating information on the SOCSO Strategic Plan 2016-2020. As a result of efficient and effective strategic management, SOCSO achieved a level of 95.50% in 2017 and this excellence will continue in the years to come.



Peta Strategi Korporat PERKESO / SOCSO Corporate Strategic Map

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL KPI PERKESO 2017		
OBJEKTIF STRATEGIK	KPI	PETUNJUK SKOR
Pelanggan / Stakeholders		1 2 3 4 5
101: Meningkatkan Kesetiaan Pelanggan dan Bekas Pelanggan	101: Indeks Kepuasan dan Kepuasan Pelanggan	● 88.83%
	102: Indeks Kepuasan Bekas Pelanggan	● 88.84%
102: Meningkatkan Tahap Kesetiaan yang Baik	103: CSAT Index (CSAT)	● 5
	104: CSAT Index (CSAT)	● 100/117
	105: Penilaian dan Survei Pelanggan dan Bekas Pelanggan	● 100.00%
	106: Menentukan & Memantau Tahap Kesetiaan Pelanggan - Bekas Pelanggan	● 21/10/17
Kewangan	107: Peringkat Persekitaran Berprestasi Pelanggan (Taka Taka)	● 10.78%
	108: Mengoptimumkan Penghasilan Bekas Pelanggan Berprestasi Peringkat	● 1,075.04
	109: Indeks Kepuasan Bekas Pelanggan Peringkat	● 5.54%
	110: Indeks Kepuasan Bekas Pelanggan Peringkat	● 6.64%
Proses Dalaman	111: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 5.04%
	112: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 14/9/17
	113: Mengoptimumkan Perkhidmatan Pelanggan Peringkat	● 25/5/17
	114: Mengoptimumkan Perkhidmatan Pelanggan Peringkat	● April
Pertumbuhan & Pembelajaran	115: Indeks Kepuasan Pelanggan	● Skor 5.0
	116: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 100.00%
	117: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 100.00%
	118: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 100.00%
	119: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 130
	120: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 17.30%
	121: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 2
	122: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 16/2/17
	123: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 16/2/17
	124: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 16/4/17
Keseluruhan	125: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 2,658
	126: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 388
	127: Indeks Kepuasan Pelanggan	● Skor 5.0
	128: Indeks Kepuasan Pelanggan	● Skor 4.8
	129: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 99.75%
	130: Indeks Kepuasan Pelanggan	● Skor 4.8
	131: Indeks Kepuasan Pelanggan	● Skor 5.0
	132: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 82.89%
	133: Indeks Kepuasan Pelanggan	● 17
	134: Indeks Kepuasan Pelanggan	● Skor 4.2
Keseluruhan Skor		4.55 (95.5%)

ULASAN PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2017
Review of Socso Strategies and Performance Management 2017

Pada tahun 2017, menerusi pendekatan sistem *Balanced Scorecard* (BSC) sejumlah empat puluh lima (45) KPI PERKESO telah dibangunkan berasaskan empat perspektif utama BSC iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran / Perkembangan. Pihak Pengurusan telah membuat perancangan, pelaksanaan serta pemantauan yang rapi sepanjang tahun 2017 supaya KPI PERKESO dapat dicapai pada tahap yang terbaik dan cemerlang.

Pelanggan / Pihak Berkepentingan

Tumpuan utama telah diberikan ke atas usaha-usaha meningkatkan kesedaran awam terhadap skim-skim keselamatan sosial dan menilai tahap kepuasan kualiti perkhidmatan serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan majikan dan pekerja. Pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah di tahap 4.6 (AMAT BAIK).

Kewangan

Langkah mengoptimumkan pulangan pelaburan serta pemantapan pengurusan kewangan telah diberi tumpuan dalam mengukuhkan dana PERKESO bagi tempoh Januari hingga Disember 2017. Aspek penilaian risiko kewangan dan pelaburan juga telah diberi keutamaan agar pulangan pelaburan optimum yang disasarkan tercapai. Pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah di tahap 4 (AMAT BAIK).

Proses Dalaman

Sistem pengoperasian PERKESO sentiasa ditambahbaik melalui perekayasaan proses, prosedur kerja, pelaksanaan sistem teknologi maklumat secara menyeluruh dalam pengoperasian yang telah disasarkan bagi tempoh Januari hingga Disember 2017. Hasil menerusi program dan aktiviti yang telah dilaksanakan, pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah di tahap 4 (AMAT BAIK).

In 2017, through the Balanced Scorecard approach, a total of thirty three (45) SOCSO KPI 2017 were developed based on the four key BSC perspectives, namely, Clients, Finance, Internal Process and Learning/Growth. The Management had carefully carried out planning, implementation and monitoring throughout 2017, to achieve the stipulated SOCSO KPI at the best and excellent levels.

Clients / Stakeholders

Main focus was given towards efforts to increase public awareness of the social security schemes available and evaluating service quality satisfaction, as well as fostering awareness of occupational safety and health among employers and employees. The average KPI achievement based on BSC is at level 4.6 (VERY GOOD).

Finance

Measures to optimise investment returns as well as to solidify financial management were focused on the effort to strengthen SOSCO funds for the period January to December 2017. Financial and investment risk assessment aspects were also given due focus to ensure the targeted optimum investment returns is achieved. The average KPI achievement based on BSC is at level 4 (VERY GOOD).

Internal Process

SOCSSO's operational system is continuously being improved through the process of re-engineering, work procedures, as well as extensive implementation of information technology system within the targeted operations for the period January to December 2017. From the results of the programmes and activities implemented, the average KPI achievement based on BSC is at level 4 (VERY GOOD).

ULASAN PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2017

Review of Socso Strategies and Performance Management 2017



Pembelajaran dan Perkembangan

Fokus pengurusan sumber manusia yang terancang dan komprehensif telah dilaksanakan bagi membudayakan kreativiti dan inovasi, kepantasan bertindak dalam membuat keputusan dan berintegriti tinggi. Lima (5) strategi yang digariskan ke atas pengurusan sumber manusia mulai Januari hingga Disember 2017 adalah memantapkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia, memantapkan keutuhan pengurusan, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, membudayakan kreativiti dan inovasi bagi memantapkan kualiti perkhidmatan. Pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah di tahap 3 (BAIK).

Secara keseluruhannya, prestasi PERKESO bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 telah mencapai tahap Amat Baik iaitu Skor 4.55 berbanding 4.27 pada 2016 dengan peratusan pencapaian sebanyak 95.5% berbanding 92.75% pada 2016. Pencapaian ini adalah melebihi tahap sasaran 85% yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi PERKESO.

Learning and Growth

Human resource management that is planned and comprehensive has been implemented to enculturate creativity and innovation, quick-acting in decision-making as well as high integrity. The five (5) strategies outlined for human resource management for the period January to December 2017 are to solidify human resource management and development, to solidify the strength of management, to create a conducive working environment, to enculturate creativity and innovation among the staff and to strengthen the quality of services. The average KPI achievement based on BSC is at level 3 (GOOD).

Overall, SOCSO's performance for the period January to December 2017 is at a VERY GOOD level with score 4.55 as compared 4.27 in 2016. The percentage of achievement stands at 95.5% as compared 92.75% in 2016 based on the thirty three (33) SOCSO KPI 2016 achievements. This achievement is exceed 85% target level set by top Management of SOCSO.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

PENAMBAHBAIKKAN SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

Bagi tujuan menambahbaik skim perlindungan keselamatan sosial dengan mengambil kira sosio-ekonomi semasa, beberapa cadangan dan pindaan kepada AKSP 1969 telah dirangka dan dibentang di Parlimen.

SKIM BENCANA KERJA PEKERJAAN SENDIRI

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memperluaskan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial kepada mereka yang bekerja sendiri. Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) mula berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017. Sebagai permulaan akta ini akan memberi perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya termasuk pemandu *Uber* dan *Grab Car*.

Sebagai tanda kesungguhan Kerajaan dalam menjayakan skim perlindungan ini dapat dilaksanakan, peruntukan berjumlah RM60.00 juta sebagai geran pelaksanaan telah diluluskan kepada Kementerian Sumber Manusia sebagaimana diumumkan dalam pembentangan bajet 2017 bagi membolehkan PERKESO sebagai agensi yang diberi tanggungjawab melaksanakannya.

Inisiatif ini dilihat sebagai satu pendekatan yang kreatif dan inovatif bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dalam sektor informal. Menjelang tahun 2020, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini akan diperluaskan kepada sektor informal yang lain seperti nelayan, petani, penjaja, penggiat seni dan sebagainya secara berperingkat-peringkat.

IMPROVEMENTS TO THE SOCIAL SECURITY PROTECTION SCHEME

For the purposes of improving the social security protection scheme by taking into consideration the current socio-economic climate, several proposals and amendments to the Employee Social Security Act 1969 were formulated and tabled in Parliament.

SELF-EMPLOYED EMPLOYMENT INJURY SCHEME

SOCSSO has expanded its Social Security Protection Scheme to those who are self-employed. The Self-Employment Social Security Act 2017 (Act 789) came into effect on 1st June 2017. As a start, this act provides protection under the Employment Injury Scheme to self-employed taxi drivers and individuals offering similar services such as Uber and Grab Car drivers.

As a sign of the Government's earnestness in making a success of this protection scheme, an allocation of RM60 million has been approved by the Ministry of Human Resource, as announced in the 2017 budget tabling, to enable SOCSSO to implement the same as the responsible agency.

This initiative is seen as a creative and innovative approach in the provision of social security protection to workers in the informal sectors. By the year 2020, the Self-Employment Social Security Scheme will be expanded in stages to other informal sectors such as fishermen, farmers, hawkers, artists and others.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

Pendaftaran Pemandu Teksi

Sehingga 31 Disember 2017, bilangan Pemandu Teksi berdaftar ialah 3,047 dan pencarum aktif sebanyak 2,767 dengan jumlah kutipan caruman sebanyak RM466,460.40.

Taxi Driver Registration

As at 31st December 2017, the number of registered Taxi Drivers stand at 3,047 with active contributors totalling 2,767. The total contribution collected amount to RM466,460.40.

Kadar Caruman

Kadar caruman yang ditetapkan adalah sebanyak 1.25% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan. Pemandu teksi, *GrabCar* dan *Uber* diberi pilihan untuk memilih empat (4) opsyen pendapatan yang diinsuranskan seperti berikut:

Contribution Rate

The contribution rate stipulated is 1.25% of the insured monthly income. Taxi, Grab Car and Uber drivers are given the choice between four (4) insured income options as follows:

Bayaran Caruman Mengikut Opsyen / Contribution Fees By Option

Opsyen Options	Pendapatan di Insurankan Insured Income	Kadar Caruman Sebulan Monthly Contribution Rate (1.25%)	Bayaran Caruman Setahun Annual Contributions Payments
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

Pendaftaran Mengikut Kategori Caruman / Registration By Category of Contribution

Kategori Caruman Category of Contribution	Bilangan No
RM157.20	1,746
RM232.80	397
RM442.80	105
RM592.80	89

Pendaftaran Mengikut Negeri / Kawasan / Registration By State / Area

Negeri / Kawasan State / Area	Bilangan Pemandu Berdaftar Number of Registered Drivers
JOHOR	298
KEDAH	66
KELANTAN	11
KUALA LUMPUR	333
MELAKA	231
NEGERI SEMBILAN	104
PAHANG	193
PENANG	102
PERAK	320
PERLIS	17
SELANGOR	697
SABAH	67
SARAWAK	83
TERENGGANU	522
PUTRAJAYA	3
Jumlah / Total	3,047

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

Penerima Faedah

Bagi meningkatkan kesedaran keselamatan sosial dalam kalangan pemandu-pemandu teksi, PERKESO telah membuat hebahan media bagi setiap pencarum yang telah ditimpa kemalangan dan menerima pampasan daripada PERKESO. Sebanyak 6 tuntutan Faedah Bencana Kerja telah diterima dan diproses sepanjang tahun 2017 dengan jumlah bayaran cuti sakit sebanyak RM5,651.33.

Benefit Recipients

In order to raise social security awareness among taxi drivers, SOCSO has made media announcements in the case of each contributor who have been involved in accidents and received compensation from SOCSO. A total of 6 claims for Employment Injury Benefits were received and processed throughout 2017, with a total sick leave payment of RM5,651.33.



Majlis Penyerahan Cek HUS oleh Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed di Melaka Sentral.

HUS cheque presentation ceremony by YB Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed at Melaka Sentral.



Majlis Penyerahan Cek HUS oleh Pengurus Besar Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri di Pejabat PERKESO Melaka.

HUS cheque presentation ceremony by the General Manager of Self-Employment Scheme Division at Melaka SOCSO Office.



Program Taklimat dan Pendaftaran Pemandu Teksi

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam kalangan pemandu teksi dan yang menjalankan perkhidmatan yang seumpamanya untuk mencarum di bawah skim baharu ini, pelbagai usaha aktiviti dan turun padang telah dijalankan. Sebanyak 250 program taklimat dan penerangan telah dilaksanakan di seluruh negara. Program ini antara lain bertujuan mendidik dan mempromosikan Skim Pekerjaan Sendiri dalam kalangan pemandu-pemandu teksi dan perkhidmatan seumpamanya. Selain pendekatan melalui persatuan-persatuan, program taklimat ini juga dilaksanakan di semua stesen-stesen teksi seluruh negara.

Kaunter Pendaftaran *Uber / Grab*

Inisiatif untuk mempertingkatkan promosi pendaftaran pemandu melalui kaunter tetap di hub-hub utama *Uber* dan *Grab* pada setiap hari Isnin minggu kedua dan keempat pada setiap bulan. Di samping itu, sesi pendaftaran *walk-in* tetap diteruskan sekurang-kurangnya dua kali seminggu.

Taxi Driver Registration and Briefing Programme

In the effort to raise awareness and increase participation among taxi drivers and persons providing similar services to contribute under this new scheme, various activities and "meet-the-public" efforts were carried out. A total of 250 briefing programmes were conducted nationwide. The aim of this programme is to educate and promote the Self-Employment Scheme among taxi drivers and those providing similar services. In addition to efforts through associations, these briefings were also conducted at all taxi stations nationwide.

Uber / Grab Registration Counter

Initiatives have been taken to increase driver registration by opening up permanent counters at *Uber* and *Grab* main hubs on the second and fourth Monday of each month. In addition, regular *walk-in* registration sessions are held at least twice a week.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area



SISTEM INSURANS PEKERJAAN

PERKESO melakar sejarah baru apabila Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] diperkenalkan untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan. AKTA 800 ini telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 Disember 2017 dan pewartaan tarikh kuatkuasa SIP pada 28 Disember 2017. AKTA 800 bertujuan untuk melindungi dan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui dua (2) komponen utama iaitu Insurans Pekerjaan dan Dasar Pasaran Buruh Aktif (*Active Labour Market Policies*). Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merupakan skim baharu yang akan dilaksanakan sebagai skim perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi menggantikan pendapatan yang hilang, memberi latihan *reskilling* dan *upskilling* untuk mendapatkan pekerjaan baharu serta menyediakan perkhidmatan carian pekerjaan supaya mereka yang kehilangan pekerjaan mendapat pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat.

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM

SOCISO created new history when the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) was introduced to assist workers who have lost their employment. The Act received the assent of the Yang di-Pertuan Agong on 27th December 2017 and came into effect on 28th December 2017. The Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) is intended to protect and help workers who have lost their employment through two (2) main components, namely, Employment Insurance and the Active Labour Market Policies. The Employment Insurance System is a new scheme that will be implemented as additional protection to replace lost income, provide reskilling and upskilling training to facilitate re-employment as well as to provide job-search services so that workers who have lost their jobs can be suitably re-employed more expeditiously.

Akta ini juga merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan melalui NBOS di antara Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO serta agensi berkaitan dalam memastikan 6.8 juta pekerja yang sedia ada di bawah AKSP 1969 sentiasa terbela dan dilindungi. SIP akan mula dilaksanakan mulai 1 Januari 2018 ke seluruh Negara iaitu pendaftaran serta caruman pertama daripada majikan dan syer pekerja dibuat serta pemberian bantuan interim SIP bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan.

This Act is also another Government initiative, through its NBOS, between the Ministry of Human Resources and SOCSO, as well as the relevant agencies, in ensuring that the existing 6.8 million employees under the Employee Social Security Act 1969 continue to be safeguarded and protected. The Employment Insurance Scheme will commence 1st January 2018 nationwide, that is, with registration and first contribution from employers and employees. Interim Employment Insurance aid for loss of employment will commence 1st January 2018 with payment to those affected.



Taklimat Kepada Majikan dan Pekerja di Seluruh Negara

Pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan telah bermula pada Januari 2018 dengan pembayaran caruman daripada pihak majikan dan pekerja manakala pembayaran faedah kepada penerima yang layak dijangka dilaksanakan mulai Januari 2019. Pada Disember 2017, PERKESO mengadakan taklimat di seluruh negara mengenai pelaksanaan sistem ini untuk memberi kefahaman mengenai liputan, pendaftaran, caruman, pentadbiran dan penguatkuasaan SIP kepada majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.

Briefing to Employers and Employees Nationwide

The implementation of the Employment Insurance System began in January 2018 with payment of contribution by employers and employees. On the other hand, payment of benefits to eligible recipients is expected to commence in January 2019. SOCSO conducted nationwide briefings in December 2017 on the implementation of this system, to give understanding on coverage, registration, contribution, administration and enforcement of the system to employers, employees and trade unions.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

PROGRAM RETURN TO WORK

Program *Return To Work* (RTW) merupakan program kemudahan pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Program *Return To Work* (RTW) telah diperkenalkan oleh PERKESO pada 15 Januari 2007.

Program berteraskan konsep *early intervention* yang menggunakan pendekatan biopsikososial iaitu merangkumi aspek biologi, psikologi dan sosiologi serta pendekatan pelbagai kaedah dan disiplin di mana penyediaan perkhidmatan pemulihan yang komprehensif adalah merupakan faktor penting dan utama yang menyumbang dalam proses mempercepatkan proses pemulihan Orang Berinsurans supaya dapat kembali bekerja semula dengan cepat dalam keadaan yang sihat serta selamat.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2017, seramai 2,658 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan berbanding sasaran seramai 2,498 orang pada tahun sebelumnya. Sejak program ini dilancarkan sehingga 31 Disember 2017, seramai 18,137 peserta telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

RETURN TO WORK PROGRAM

The Return To Work Program was launched by SOCSO on the 15th of January 2007. This program is a physical rehabilitation program designed for Insured Persons with disabilities arising out of injuries or illnesses to restore their physical and mental capacity as well as facilitate them towards a safe and fast return to work.

This program is implemented on the concept of early intervention using a biopsychosocial approach where it comprises of the biological, psychological and social aspects using a multidisciplinary approach where comprehensive rehabilitation which is a the main factor in reducing the disability duration is emphasized in order to enable the Insured Person to return to work in a safe and fast manner.

From the period of January to December 2017, a total of 2,658 Insured Persons who participated in the program have been successfully recovered which is more than the target of 2,498 people in the previous year. Since the launch of the programme in January 2007 up to December 2017, a total of 18,137 Insured Persons have been successfully rehabilitated and returned to work.



Peperiksaan Kelayakan Profesional CDMP

Pada 29 November 2017, buat pertama kalinya Peperiksaan Certified Disability Management Professional (CDMP) telah ditawarkan di dalam Bahasa Malaysia. Ianya adalah hasil usahasama di antara PERKESO dan Pihak Pusat Penyelidikan Keselamatan Sosial (SSRC) Universiti Malaya yang telah memulakan usaha terjemahan modul dan soalan ke dalam Bahasa Malaysia sejak tahun 2016 lagi.

Bermula tahun 2017, program pelatihan telah memulakan penyampaian modul menggunakan Bahasa Malaysia dan hal ini telah menarik ramai penyertaan dalam kalangan anggota PERKESO seluruh Malaysia untuk turut serta. Program pelatihan selama 3 minggu telah berlangsung sejak bulan September hingga November 2017. Daripada 64 calon yang menduduki peperiksaan ini, 36 daripadanya telah berjaya lulus dan menerima sijil kelayakan profesional ini. Kini di Malaysia hanya terdapat 78 orang sahaja yang menerima sijil kelayakan dan majoriti terdiri daripada anggota PERKESO. Kesan lain daripada projek terjemahan ini juga dapat memberi peluang kepada rakan serantau yang menggunakan Bahasa Malaysia seperti Brunei, Singapura, Indonesia dan Thailand untuk turut serta mengambil peperiksaan ini di Malaysia.

CDP Professional Examination

On 29th December 2017, the Certified Disability Management Professional (CDMP) Examination was, for the first time ever, offered in Bahasa Malaysia. This new development came about as a result of the cooperation between SOCSO and the Social Security Research Centre (SSRC), University of Malaya which began the effort to translate the modules and questions into Bahasa Malaysia in 2016.

Starting from 2017 the training programme was delivered in Bahasa Malaysia and this attracted more participation from amongst SOCSO staff from around the country. The 3-week training programme took place from September to November 2017. Of the 64 candidates who sat for the examination, 36 passed and received their professional certificates. Currently in Malaysia there are only 78 persons who have received this certificate, a majority of whom are from SOCSO. This translation project has also opened up the opportunity for people from the region using Bahasa Malaysia as their main medium, such as Brunei, Singapore, Indonesia and Thailand, to participate and sit for this examination in Malaysia.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

Program Return To Work Coordinator (RTWC)

Pada tahun 2017, sebanyak tiga (3) siri Program *Return To Work Coordinator* telah dijalankan iaitu di Kuala Lumpur, Seberang Jaya dan Johor Bharu yang melibatkan 93 orang peserta dari 64 wakil majikan. Objektif utama Program RTWC ini adalah mewujudkan kerjasama dan persefahaman majikan mengenai pelaksanaan pengurusan hilang upaya yang perlu dipraktikkan dalam pengurusan sumber manusia, dasar dan polisi bagi sesebuah majikan.

Program RTWC juga bertujuan memberikan pengetahuan asas kepada majikan bagi menguruskan pekerja-pekerja yang mengalami ketidakupayaan dan pekerja yang mempunyai cuti sakit berpanjangan menerusi pendekatan pencegahan awal. Menerusi pendekatan konsep pengurusan hilang upaya ini, majikan dapat membantu pekerja terbabit untuk kembali produktif seterusnya kembali semula bekerja dengan sihat, cepat dan selamat.



Return to Work Coordinator (RTWC) Programme

In 2017, a total of three (3) series of the Return to Work Coordinator Programme were held, namely, in Kuala Lumpur, Seberang Jaya and Johor Bharu. The programmes involved 93 participants from 64 employer representatives. The main objective of this RTWC programme is to create an employer cooperation and understanding on the implementation of disability management that must be practised in an employer's human resource management and policy.

The programme also aimed at providing basic knowledge to employers on managing workers experiencing disabilities and workers on long medical leave, through the approach of early prevention. Using this disability management concept, employers will be able to help the workers involved to become productive again and subsequently return to work healthy, expediently and safely.



Program Disability Equality Training (DET)

Objektif utama Program DET ialah memberi pendedahan kepada para majikan tentang hak kesamarataan OKU dan juga memberi pendedahan kepada penyebab dan mekanisma yang mewujudkan ketidakupayaan serta membolehkan para majikan untuk menjadi agen perubahan untuk masyarakat dan komuniti yang lebih inklusif dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada peserta Program *Return To Work* PERKESO.

Program DET telah menunjukkan impak yang cukup positif di mana beberapa majikan telah menggajikan Orang Berinsurans PERKESO melalui Program *Return To Work* setelah tamat program tersebut. Selain itu juga, Program DET ini juga turut mendedahkan kepada peserta berkenaan pengenalan kepada Program *Return To Work Coordinators* supaya memberi kesedaran tentang kepentingan mengadakan sistem pengurusan hilangupaya di tempat kerja. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 5 siri Program *Disability Equality Training* telah diadakan iaitu di Melaka, Sabah, Terengganu, Kelantan dan Sarawak yang melibatkan seramai 219 peserta.

Disability Equality Training (DET) Programme

The main objective of the DET programme is to expose employers to equal rights for people with disabilities and to give exposure on the causes and mechanisms that create disabilities. The programme is also intended to enable employers to become agents of change in society and create a more inclusive community, and subsequently offer employment opportunities to participants of SOCSO's Return to Work Programme.

The DET programme has had a positive impact wherein several employers have employed SOCSO Insured Persons upon completion of the Return To Work Programme. In addition, the DET programme also introduced participants to the Return to Work Coordinator Programme, raising awareness of the importance of establishing a disability management system at the work place. Throughout 2015, a total of five series of the Disability Equality Training Programme were held, namely, in Melaka, Sabah, Terengganu, Kelantan and Sarawak, involving 219 participants.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area



Kursus *On Job Training (OJT)* Pengurusan Hilang Upaya

Kursus *On Job Training (OJT)* Pengurusan Hilang Upaya telah diadakan pada 13 hingga 14 Disember 2017 untuk memberi pendedahan kepada Pengurus Kes tentang proses pengurusan hilang upaya yang dijalankan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak. Seramai 10 orang Pengurus Kes dari Badan Penyelenggara Jaminan Sosial (BPJS) Ketenagakerjaan Indonesia dan 16 orang Pengurus Kes baru telah terlibat dalam menyertai kursus ini.

Disability Management On Job Training

A Disability Management On Job Training was held from 13th to 14th December 2017 to give exposure to Case Managers on the disability management process adopted at the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre. A total of 10 Case Managers from BPJS Ketenagakerjaan Indonesia and 16 new Case Managers attended the training session.

PUSAT REHABILITASI PERKESO

Pusat Rehabilitasi PERKESO di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka telah dibina dan beroperasi pada 1 Oktober 2014. Antara objektif utama penubuhan Pusat Rehabilitasi ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan pemulihan yang berkualiti di samping membantu Orang Berinsurans PERKESO atau pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional kembali ke alam pekerjaan dengan cepat dan selamat. Selain itu, Pusat Rehabilitasi PERKESO juga merupakan medium utama dalam merealisasikan Program *Return To Work*. Pusat Rehabilitasi ini menyediakan perkhidmatan rehabilitasi yang komprehensif dalam usaha mengembalikan Orang Berinsurans PERKESO ke dunia pekerjaan melalui program *Return To Work*. Antara modul rehabilitasi yang ditawarkan di pusat ini adalah Fisioterapi, Terapi Cara Kerja, Optometri, Audiologi, Vokasional dan kemudahan lain seperti Wad dan Asrama.

Sehingga Disember 2017, seramai 988 pesakit telah berjaya menjalani rawatan pemulihan berbanding 824 pesakit pada tahun 2016 melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional yang komprehensif bagi mengembalikan semula Orang Berinsurans PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan taraf hidup mereka.

Majlis Perasmian Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak

Pada 21 April 2017, Pusat Rehabilitasi PERKESO telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Majlis bersejarah itu turut dihadiri oleh tetamu seramai hampir 5,000 orang daripada agensi kerajaan, sektor swasta and orang awam. Dalam majlis yang sama, YAB Perdana Menteri telah menamakan pusat ini sebagai Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak.

SOCOSO REHABILITATION CENTRE

The SOCOSO Rehabilitation Centre in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka was built and began operations on 1st October 2014. Among the main objectives of the establishment of this Rehabilitation Centre is to provide quality rehabilitation services in addition to helping SOCOSO Insured Persons or workers to be physically and vocational rehabilitated, and ultimately returned to the working world quickly and safely. In addition, the SOCOSO Rehabilitation Centre is also the key medium in the realisation of the Return to Work Programme. This Rehabilitation Centre provides comprehensive rehabilitation services in the effort to return SOCOSO Insured Persons to the working world under the Return to Work Programme. Among the rehabilitation modules offered include Physiotherapy, Occupational Therapy, Optometry, Audiology, Vocational Rehabilitation as well as other facilities such as Wards and Hostels.

As of December 2017, a total of 988 patients have successfully undergone rehabilitation, compared to 824 patients in 2016, through comprehensive physical and vocation rehabilitation to return SOCOSO Insured Persons to the working world. This indirectly improved the socio-economy and well-being of those involved.

Opening Ceremony of the Tun Abdul Razak SOCOSO Rehabilitation Centre

The SOCOSO Rehabilitation Centre was officially opened by the Prime Minister of Malaysia on 21st April 2017. The momentous occasion was attended by almost 5,000 guests from government agencies, the private sectors as well as the public. In the same ceremony, the Prime Minister named the centre as the Tun Abdul Razak SOCOSO Rehabilitation Centre.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



International Social Security Organisation (ISSA) Technical Seminar

Pada 11 - 13 April 2017, Pusat Rehabilitasi PERKESO telah menjadi tuan rumah bagi *International Social Security (ISSA) Technical Seminar*. Bengkel selama 3 hari ini disertai oleh delegasi dari beberapa buah negara dan wakil dari PERKESO. Para delegasi turut membuat lawatan ke setiap fasiliti rehabilitasi yang terdapat di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak untuk melihat jenis perkhidmatan yang disediakan di sini.



International Social Security Organisation (ISSA) Technical Seminar

The Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre hosted the International Social Security (ISSA) Technical Seminar from 11th to 13th April 2017. Delegates from several countries and representatives from SOCSO participated in this 3-day workshop. As part of the programme, delegates visited the rehabilitation facilities to have a close-up view of the services provided at the centre.

Health Professional Day

Pada 19 Mei 2017, Pusat Rehabilitasi telah menganjurkan program *Health Professional Day 2017* bersempena dengan sambutan Hari Jururawat Sedunia. Program ini telah melibatkan penyertaan Orang Berinsurans dan kakitangan dalam menyertai pelbagai aktiviti interaksi seperti sukaneka, *explorace*, acara persembahan dan cabutan bertuah. Penganjuran program ini dapat mengeratkan lagi hubungan sesama kakitangan dan pesakit di samping meningkatkan integrasi sosial.



Health Professional Day

On 19th May 2017, the Rehabilitation Centre organised the Health Professional Day 2017 in conjunction with the World Nurses Day celebrations. The programme involved the participation of Insured Persons as well as staff in various interactive activities such as telematch, *explorace*, performances and lucky draws. The programme further strengthened the relationship between staff and patients, in addition to enhancing social integration.



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



Larian Merdeka Rehab

Pada 22 Ogos 2017, Larian Merdeka Rehab telah diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan 2017 untuk memupuk semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan warga kerja Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan pesakit yang sedang menjalani rawatan di sini. Kesemua peserta berlari di sekitar Pusat ini dan membawa bersama bendera Jalur Gemilang.

Rehab National Day Run

The Rehab National Day Run was held on 22nd August 2017 in conjunction with the 2017 National Day celebrations. The run was held to foster patriotism and unity among the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre workforce and patients undergoing treatment at the centre. Participant ran around the Centre carrying the Jalur Gemilang flag.



Sambutan Hari Malaysia

Pada 19 September 2017, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah meraikan Hari Malaysia bersama-sama seluruh warga PRPTAR yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Program yang diadakan meliputi acara persembahan, nyanyian lagu patriotik dan deklamasi sajak.

Malaysia Day Celebration

On 19th September 2017, the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre celebrated Malaysia Day together with all the staff and patients of various races and religions. The programme held included performances, patriotic choir and poetry recital.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area



Hari Fisioterapi dan Terapi Cara Kerja

Pada 2 November 2017, sambutan *World Occupational Therapy and Physical Therapy Day* telah diadakan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak. Bertemakan "*Inform, Inspire, Influence*" dan "*Movement for Health*", Bahagian Fisioterapi dan Terapi Cara Kerja telah mengadakan beberapa bengkel serta aktiviti seperti Program Derma Darah, Pemeriksaan Tahap Kecergasan Fizikal dan Kognitif, dan Bengkel Servis Kerusi Roda. Program ini turut dimeriahkan dengan aktiviti senam robik serta pelbagai aktiviti lain yang meningkatkan integrasi sosial antara Orang Berinsurans di Pusat ini.

World Occupational Therapy and Physical Therapy Day

The World Occupational Therapy and Physical Therapy Day was celebrated on 2nd November 2017 at the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre with the theme of "Inform, Inspire, Influence" and "Movement for Health". The Occupational Therapy and Physical Therapy Division conducted several workshops and activities such as a Blood Donation Drive, Physical and Cognitive Fitness Test, as well as a Wheelchair Service Workshop. The programme included aerobic exercise session as well as other activities to enhance social integration among the Insured Persons at the centre.

Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Rehabilitasi

Sepanjang tahun 2017, Pusat Rehabilitasi telah menerima kunjungan dari pelbagai agensi dalam dan luar negara untuk melihat sendiri program rehabilitasi pemulihan serta vokasional yang komprehensif kepada Orang Berinsurans di Pusat Rehabilitasi ini. Di samping itu, pusat rehabilitasi ini juga dilengkapi dengan kemudahan terkini yang lengkap dan canggih. Antara delegasi yang hadir ke Pusat Rehabilitasi ini pada tahun 2017 ialah:

- Lawatan oleh Jabatan Rehabilitasi Arifin Achmad Hospital & Zainab Hospital Pekan Riau
- Lawatan Pelajar dari Chiang Mai University, Thailand dan Universitas Airlangga, Indonesia

Study Visit to Rehabilitation Centre

Throughout 2017, the Rehabilitation Centre received visits from various local and international agencies wishing to witness the comprehensive physical and vocational rehabilitation programme offered to Insured Persons at the centre. In addition, the rehabilitation centre is also equipped with the latest complete and sophisticated equipment. Among the delegation received at the Rehabilitation Centre in 2017 included:

- Delegation from the Arifin Achmad & Zainab Hospital Rehabilitation Department, Pekan, Riau.
- Visit from students of Chiang Mai University, Thailand and Universitas Airlangga, Indonesia.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



Lawatan Teknikal Delegasi XXI World Congress on Safety and Health 2017.
XXI World Congress on Safety and Health 2017 Technical Tour.



Lawatan oleh Pelajar dari *Prosthetics & Orthotics Student Association Polytechnic of Health Sciences Jakarta*
Visit from the Prosthetics & Orthotics Students Association, Polytechnic of Health Sciences Jakarta



Lawatan oleh YAB Menteri Besar Terengganu dan Pusat Rehabilitasi Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu
Visit From YAB Menteri Besar Terengganu and Pusat Rehabilitasi Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

PROGRAM SARINGAN KESIHATAN (HSP)

Sejak pelancaran program HSP pada tahun 2013, sebanyak 2.8 juta baucar telah diedarkan kepada semua pekerja yang layak melalui pihak majikan. Sejak pelancaran program ini sehingga 31 Disember 2017, terdapat seramai 512,697 pencarum PERKESO telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan daripada jumlah tersebut terdapat seramai 126,820 pencarum wanita yang telah menjalani pemeriksaan mamogram. Pada tahun 2017 sahaja, baucar yang telah diedarkan adalah sebanyak 233,491 yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3.14 juta.

Analisa data bagi tempoh 60 bulan iaitu bermula dari Januari 2013 sehingga Disember 2017 telah dilakukan dan hasil analisis menunjukkan 67% daripada pekerja tidak pernah menjalani saringan kesihatan sebelum mengikuti program ini. Ini menunjukkan Program HSP berjaya memberi kesedaran kepada pekerja untuk menjalani saringan kesihatan sebagai langkah pengesanan awal penyakit tidak berjangkit.

Manakala analisis faktor risiko bagi penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol menunjukkan 73% daripada pekerja yang menjalani saringan kesihatan ini mempunyai masalah lebih berat badan. 27% daripada pekerja tersebut mempunyai tekanan darah tinggi dan 9% menghidap kencing manis. Didapati juga, 62% daripada pekerja yang menjalani saringan kesihatan ini mempunyai kadar kolesterol yang tinggi. Pemeriksaan mamogram pula mendapati 1.1% daripada pekerja wanita mempunyai keputusan pemeriksaan yang berkemungkinan tinggi menghidap barah payudara.

PERKESO yakin bahawa program ini berada di landasan yang betul. Penyakit tidak berjangkit menggugat tahap kesihatan pekerja, menjejaskan modal insan dan memberi kesan buruk kepada sumber pendapatan dan kewangan. Bagi memastikan penggunaan baucar yang lebih meluas, PERKESO telah mengambil pelbagai inisiatif dan hebahan mengenai program ini kepada orang ramai menerusi jalinan kerjasama dan penambahan klinik panel pemeriksaan kesihatan di seluruh negara.

HEALTH SCREENING PROGRAMME (HSP)

Since its launch in 2013, a total of 2.8 million vouchers have been distributed to workers through their respective employers. As at 31st December 2017, a total 512,697 SOCSO contributors have undergone health screening and of the said total, 120,820 women underwent mammogram examinations. In 2017, 233,491 vouchers were distributed to eligible workers and involved an expenditure of RM3.14 million.

A data analysis for a period of 60 months, that is, from January 2013 up to December 2017, was done on 478,519 workers who have undergone the health screening. Results of the analysis show that 67% of the workers have never undergone any health screening prior to participating in this programme. This shows that HSP has managed to raise awareness of the workers to undergo health screenings as an early detection measure for non-communicable diseases.

Meanwhile, risk factor analysis for non-communicable diseases such as obesity, diabetes, hypertension and high cholesterol shows that 73% of the workers who underwent the health screening were overweight. 27% of such workers had high blood pressure and 9% were diabetic. It was also found that 1.1% of the female workers who underwent mammogram examinations had results that show high possibility of breast cancer.

SOCSO is confident that this programme is on the right track. Non-communicable diseases are a threat to workers' health, which in turn impacts human capital and adversely affect income and financial sources. To ensure a more widespread use of vouchers, SOCSO has taken various initiatives and undertaken public announcements through a network of cooperation and addition of health screening panel clinics nationwide.



Aktiviti Promosi Berkala Sepanjang Tahun

PERKESO telah melaksanakan promosi untuk program HSP melalui pelbagai kaedah serta saluran media sama ada media cetak mahupun media elektronik sepanjang tahun 2017. Ini termasuk pengiklanan akhbar dan majalah, temu bual televisyen, penampilan radio, dan pembukaan kaunter pameran dalam program/majlis yang berkaitan. Pekerja juga boleh menyemak dan mengenalpasti lokasi klinik panel HSP melalui aplikasi *BookDoc* yang juga memudahkan penetapan temujanji saringan kesihatan melalui platform mudah alih.

Periodic Promotional Activities

SOCSCO has conducted promotion for the HSP programme through various methods and media channels, be it print or electronic media, throughout 2017. This included newspaper and magazine advertisements, television interviews, radio appearances and opening of exhibition counters in related programmes / events. Workers can also check and identify the location of HSP panel clinics using the *BookDoc* application which also facilitates the setting of health screening appointments through a mobile platform.



Program Saringan Kesihatan Bergerak

Program HSP di premis majikan dijalankan oleh PPN/PPP di seluruh negara bagi memudahkan akses pekerja kepada program ini. Melalui program ini, majikan akan bekerjasama dengan PERKESO dan klinik panel HSP bagi menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan kepada pekerja di premis majikan tanpa perlu mengunjungi klinik. Pada tahun 2017, sebanyak 369 program telah dijalankan dan seramai 9,769 orang pekerja telah mengambil peluang menjalani pemeriksaan kesihatan melalui program ini.

Mobile Health Screening Programme

Health Screening Programme on employer premises were conducted by PPN/PPP nationwide to facilitate workers' access to the programme. Employers will cooperate with SOCSCO and HSP panel clinics in the provision of health screening services to workers on employer premises without having to go to the clinics. In 2017, a total of 369 programmes were carried out and 9,769 workers took the opportunity to undergo health examinations.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

Promosi Kesihatan di Tempat Kerja

PERKESO dengan kerjasama Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) buat julung kalinya menganjurkan seminar *Workplace Health Promotion (WHP) 2017* bertujuan membincangkan peranan majikan dalam menangani permasalahan isu khususnya penyakit tidak berjangkit (NCD) dan memberikan pendedahan lebih mendalam kepada majikan dalam mempromosikan kesihatan di tempat kerja.

Seminar ini telah diadakan dengan jayanya di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 14 Februari 2017 dan telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia. Bersempena dengan seminar tersebut juga telah diadakan pelancaran buku *Garis panduan Promosi Kesihatan di Tempat Kerja* dalam Bahasa Malaysia untuk dijadikan sebagai panduan oleh para majikan dan pekerja dalam menjalankan aktiviti promosi di tempat kerja. Buku *Garis panduan Promosi Kesihatan di Tempat Kerja* tersebut juga telah diterbitkan dalam versi Bahasa Inggeris.

Workplace Health Promotion

SOCISO, in collaboration with the Malaysian Health Promotions Board (MySihat), for the first time ever held the Workplace Health Promotion (WHP) 2017 seminar with a view to discussing the role of employers in handling issues, specifically non-communicable diseases (NCD), as well as to give an in-depth exposure to employers in the promotion of health at the workplace.

The seminar was successfully held at Hotel Istana Kuala Lumpur on 14th February 2017 and was officiated by the Minister of Health. In conjunction with the seminar, a ceremony was also held to launch the Bahasa Malaysia version of the Guidelines on Workplace Health Promotion which is to be used as guidance by employers and employees alike in conducting promotional activities at the workplace. The book is also published in the English language.



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



Bagi menyokong majikan melaksanakan inisiatif promosi kesihatan dan gaya hidup di tempat kerja, PERKESO juga telah mengadakan sesi libat urus kepada 15 majikan terpilih dengan kerjasama Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dan KOSPEN Plus dalam mempromosikan kesihatan dengan memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada majikan di tempat kerja bagi menjalankan gaya hidup sihat. Program promosi kesihatan di tempat kerja (WHP) ini juga merupakan Inisiatif Transformasi KSM Tahun 2017 bagi mempromosikan kesejahteraan pekerja (*Wellbeing of the Employees*).

PERKESO juga telah memperkenalkan konsep promosi kesihatan di tempat kerja sebagai strategi terbaru dalam menyokong objektif membentuk pekerja sihat iaitu program promosi kesihatan di tempat kerja. Untuk memastikan usaha ini memberi impak berterusan serta terus dapat dimanfaatkan, strategi dan pendekatan yang dilaksanakan perlu memberi impak kepada pekerja dan majikan untuk bekerjasama dan memberikan komitmen dalam mempromosikan kesihatan. Antara langkah-langkah proaktif yang dirancang bagi mencapai matlamat ini adalah dengan mengukuhkan lagi kerjasama antara PERKESO dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan seperti KKM, NIOSH, DOSH, MSOSH dan lain-lain pihak berkepentingan bagi merancang dan membentuk strategi promosi kesihatan di tempat kerja yang mampan dan holistik.

In support of employers implementing health and lifestyle promotion at the workplace, SOCSO also conducted engagement sessions with 15 selected employers with the cooperation of the Malaysian Health Promotions Board (MySihat) and KOSPEN Plus, giving guidance to employers on adoption of healthy lifestyle. The Workplace Health Promotion is also a Transformation Initiative of the Ministry of Human Resources for 2017, in the promotion of employee well-being.

SOCSO has also introduced the concept of health promotion at the workplace as a new strategy in supporting the objective of establishing healthy workers. To ensure continued impact of this effort as well as continuous benefits, the strategy and approach implemented need to have an impact on employees and employers, to cooperate and give their commitment towards promotion of health. Among the proactive steps planned towards this end include the strengthening of cooperation between SOCSO and the related government agencies as well as non-governmental bodies such as KKM, NIOSH, DOSH, MSOSH and other interested parties, for the planning and formation of health promotion strategy that is sustainable and holistic.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area

PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Dalam usaha menurunkan kadar kemalangan bencana kerja dan juga meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pencarum, PERKESO telah melaksanakan pelbagai aktiviti termasuklah program "OSH Compliance Support" kepada industri kecil dan sederhana, "Program Sokongan Keselamatan Perjalanan" bersama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan juga Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Pemutihan *Black Spot* Inisiatif Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama PERKESO. Pelaksanaan program mengikut fokus kepada sektor utama yang menyumbang kepada Bencana Kerja telah dipertingkatkan dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan Bencana Kerja. PERKESO telah melaksanakan aktiviti-aktiviti pencegahan yang meliputi semua aspek pencegahan terutamanya kemalangan perjalanan yang menunjukkan peningkatan setiap tahun. Dalam usaha ini, PERKESO telah berjaya melaksanakan 245 Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 107 Program Kesedaran Kemalangan Perjalanan dan 47 program "OSH Compliance Support for SME" dan melaksanakan Program Sokongan Keselamatan Perjalanan kepada 20 majikan yang terpilih.

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH PROGRAMME

In the effort to reduce the rate of employment injury accidents and to raise awareness of occupational safety and health among contributors, SOCSO has undertaken various activities including the OSH Compliance Support programme with small and medium-sized industries, the Commuting Safety Support Programme with the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) and the Black Spot "Whitening" Initiative by the Royal Malaysian Police together with SOCSO. The implementation of programmes in accordance with the main sectors contributing to Employment Injury was increased in the effort to reduce employment injuries. SOCSO has carried out prevention activities covering all aspects of prevention especially with regards to commuting accidents which show an increase each year. In this effort, SOCSO has successfully implemented 245 Occupational Safety and Health Programmes, 107 commuting accident awareness programmes and 47 OSH Compliance Support for SME programmes, as well as Commuting Safety Support Programme to 20 selected employers.



Program Advokasi dan Pencegahan Kemalangan

Sebanyak 473 majikan telah terpilih untuk melaksanakan program advokasi pencegahan kemalangan perjalanan pada tahun 2017 dan kebanyakannya telah menunjukkan impak yang positif. Bagi tempoh sehingga September 2017, sebanyak 396 majikan telah menjalani program bulan ini dan sebanyak 206 majikan telah mencatatkan penurunan kadar kemalangan melebihi 10%. Ini menunjukkan strategi program advokasi yang dijalankan kepada majikan terpilih ini dapat menurunkan kadar kemalangan.

Accident Prevention and Advocacy Programme

A total of 473 employers were selected to undergo commuting accident prevention programmes in 2017, most of whom have shown positive impact. As at September 2017, a total of 396 employers have undergone the programme with 206 employers recording more than 10% decrease in accidents. This proves that the advocacy programme conducted with the selected employers was able to reduce the number of accidents.

Program Sokongan Keselamatan Perjalanan (CSSP)

PERKESO telah bekerjasama dengan MIROS (*Malaysian Institute of Road Safety Research*) dalam membangunkan Program Sokongan Keselamatan Perjalanan (*Commuting Safety Support Program - CSSP*). Program ini bertujuan untuk menerapkan dan menjalankan intervensi berhubung keselamatan perjalanan pergi dan balik kerja khususnya kepada pekerja yang menaiki motosikal ke tempat kerja.

Program ini adalah berdasarkan garis panduan SIRIM *Standard Good Practices in Implementing Commuting Safety Management* yang dibangunkan untuk membantu industri melaksanakan pencegahan kemalangan perjalanan menerusi majikan kepada semua pekerja. Program CSSP juga merupakan Inisiatif Transformasi KSM Tahun 2017 bagi mempromosikan kesejahteraan pekerja (*Wellbeing of the Employees*). Program ini telah berjaya melatih seramai 2,000 pekerja pada tahun 2017 dan akan diteruskan lagi pada tahun 2018. Seramai 10,000 orang pekerja dari 100 majikan terpilih dijangka akan dilatih di seluruh negara menerusi program ini untuk tahun 2018.



Commuting Safety Support Programme (CSSP)

SOCSO, in collaboration with MIROS (Malaysian Institute of Road Safety Research), developed the Commuting Safety Support Programme (CSSP) with the intention of fostering and conducting intervention related to commuting safety, especially for workers commuting on motorcycles.

This programme is based on the SIRIM guideline "Good Practices in Implementing Commuting Safety Management" which was developed to help the industry in implementing commuting accident prevention through employers. The CSSP initiative is part of the Ministry of Human Resources' Transformation Initiative for 2017, for the promotion of employee well-being. The programme successfully trained 2,000 employees in 2017 and will continue to be conducted in 2018. A total of 10,000 employees from 100 selected employers are expected to be trained under this programme in 2018.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area



Accident Prevention Seminar – APS 2017

Accident Prevention Seminar - APS2017 yang diadakan pada 3 hingga 4 Oktober 2017 di *Putra World Trade Centre (PWTC)*, Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia. Penganjuran APS 2017 adalah bertujuan untuk memberi tumpuan terhadap pencegahan kemalangan dan penggalakan kesihatan dalam kalangan pekerja. Persidangan ini telah menghimpunkan semua pihak berkepentingan di dalam bidang pencegahan dan promosi kesihatan di bawah satu bumbung dan seterusnya meningkatkan lagi jalinan kerjasama di antara semua untuk sama-sama menjadikan pengurusan pencegahan kemalangan, promosi kesihatan dan kesejahteraan pekerja sebagai tanggungjawab dan amalan bersama.

Tema APS 2017 "*Weaving The Alliance In Safety, Health And Wellbeing*" memberi mesej jelas kepada semua pihak untuk membentuk jaringan kerjasama bagi membangunkan dan memperkasakan program serta sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang sedia ada supaya lebih sistematik, selaras dengan perubahan demografi dan risiko berkaitan dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang memberi kesan kepada pekerja di Malaysia.

Accident Prevention Seminar – APS 2017

The Accident Prevention Seminar – APS 2017 held from 3rd to 4th October 2017 at the Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur was officially opened by YB Deputy Minister of Human Resources. APS 2017 was organised with the intention of giving focus towards accident prevention and promotion of health among workers. This conference gathered all interested parties in the field of prevention and health promotion under one roof and subsequently increased the cooperative networks amongst all, to work hand-in-hand in making accident prevention, employee health and well-being promotion a joint responsibility and practice.

The APS 2017 theme "*Weaving the Alliance in Safety, Health and Wellbeing*" gave a clear message to all parties to form cooperative networks in developing and consolidating the safety and health management system and programmes in existence to become more systematic and in line with the demographical changes as well as the risks related to the practice of occupational safety and health affecting workers in Malaysia.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area

Seramai 550 orang dari pelbagai agensi dan institusi yang hadir untuk APS 2017 menunjukkan komitmen tinggi dalam kalangan semua *stakeholder* bagi mewujudkan amalan budaya kerja selamat dan sihat sama ada di tempat kerja dan juga sewaktu perjalanan pergi dan balik kerja. Seramai 3 orang penceramah dari luar negara iaitu dari negara Jerman, Australia dan Singapura turut berkongsi kepakaran mereka. Di samping itu, persidangan kali ini turut menampilkan Institusi-Institusi dan Badan-Badan NGO yang telah dan sedang berkerjasama dengan PERKESO dalam pencegahan kemalangan dan promosi kesihatan membuat pembentangan bagi berkongsi maklumat atau pun menerusi amalan baik yang dikongsikan bersama menerusi *booth* pameran pada persidangan selama 2 hari ini. Persidangan kali ini turut menyaksikan 20 pembentangan melalui poster oleh pelbagai agensi dan juga institusi.

The 550 participants from various agencies and institutions who were present for APS 2017 showed great commitment amongst all stakeholders in creating a safe and healthy work culture at the workplace as well as on the commute to work. Three speakers from Germany, Australia and Singapore respectively shared their expertise. In addition, the conference also showcased institutions and non-governmental bodies that have cooperated with SOCSO in accident presentation and health promotion. These organisations shared information and good practices through presentations or exhibition booths during the 2 day conference. The conference also saw 20 poster presentations by various agencies and institutions.



Kempen *Vision Zero*

Pertubuhan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) telah melancarkan kempen *Vision Zero* secara rasmi pada 5 September 2017 sempena Kongres Antarabangsa mengenai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) ke-21 di Singapura. PERKESO secara rasmi telah menyertai kempen dan menandatangani ikrar bersama komuniti dunia menyokong *Vision Zero*. Dato' Sri Ketua Eksekutif telah menandatangani ikrar tersebut yang disaksikan oleh Mr. Hans-Horst Konkolewsky, Setiausaha Agung ISSA, Geneva.



Vision Zero Campaign

The International Social Security Association (ISSA) officially launched the Vision Zero campaign on 5th September 2017 in conjunction with the 21st International Congress on Occupational Safety and Health in Singapore. SOCSO officially participated in the campaign and signed the world community joint pledge in support of Vision Zero. The Chief Executive signed the pledge witnessed by Mr. Han-Horst Konkolewsky, Secretary General of ISSA, Geneva.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area



**Mesyuarat Antarabangsa ISO PC 283 -
Occupational Health and Safety Management
Systems Meeting**

Mesyuarat yang dianjurkan oleh Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama SIRIM, JKKP, NIOSH, PERKESO dan MSOSH ini telah diadakan julung kalinya di Malaysia pada 18-26 September 2017. Seramai 125 orang pakar daripada 70 buah negara Eropah, Amerika, Australia dan Asia telah menyertai mesyuarat ini untuk membincangkan tentang ISO 45001, iaitu piawaian antarabangsa yang pertama untuk Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan.



**International ISO PC 283 -
Occupational Health and Safety Management
Systems Meeting**

The meeting organised by the Malaysian Standards Department together with SIRIM, JKKP, HIOSH, SOCSO and MSOSH was held for the first time ever in Malaysia from 18th to 26th September 2017. A total of 125 experts from 70 countries in Europe, America, Australia and Asia participated in the meeting for a discussion on the first ever international standards for Occupational Safety and Health Management, the ISO 45001.

**Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya
Pemutihan *Blackspot* Inisiatif PDRM Bersama PERKESO**

Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Pemutihan *Blackspot* Inisiatif PDRM Bersama PERKESO anjuran bersama PDRM dan PERKESO telah disempurnakan perasmiannya oleh YDH. SAC Sharul Othman bin Mansor, Pengarah Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik, Bukit Aman dan YBhg. Dato' Sri Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif, PERKESO di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah pada 12 Disember 2017.

**Launch of Road Safety Awareness Campaign - Blackspot Whitening Initiative
by the Royal Malaysian Police with SOCSO**

A ceremony to launch the Road Safety Awareness Campaign - Blackspot Whitening Initiative by the Royal Malaysian Police with SOCSO was officiated by YDH SAC Sharul Othman bin Mansor, Director of the Department of Traffic Investigation and Enforcement, Bukit Aman and YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO, at the Kuala Muda District Police Headquarters in Sungai Petani, Kedah, on 12th December 2017.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Pemutihan *Blackspot* Inisiatif PDRM Dan PERKESO bertujuan untuk memberi kesedaran dan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di kawasan yang telah dikenal pasti berisiko tinggi dan sering berlaku kemalangan maut. Selaras itu, Program Pemasangan Papan Tanda Keselamatan Jalan Raya di 10 kawasan *black spot* PDRM yang mencatatkan kadar kemalangan dan kematian jalan raya tertinggi di negara dapat dijalankan.

Jalinan kerjasama di antara PERKESO dan PDRM telah pun dimulakan sejak awal tahun ini diantaranya adalah kajian penyelidikan oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) berhubung Persepsi Pengguna Jalan Raya ke atas Visibiliti Pasukan Polis Trafik Sebelum, Semasa & Selepas OPS Selamat Ke 10 Sempena Tahun Baru Cina 2017; Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya melalui sosial media berpengaruh; Program SUBTEK PDRM Sempena Pra Hari Raya Aidilfitri 2017 di daerah yang mencatatkan kadar kemalangan jalan raya tertinggi di daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Kluang.

The campaign was held with the intention of raising awareness and reducing the number of accidents occurring in areas that have been identified as high risk where fatal accidents often occur. In line with the campaign, a programme to install road safety signboards at 10 PDRM black spot areas with the highest road accident and death rates in the country was carried out.

This network of cooperation between SOCSO and PDRM was initiated at the beginning of the year, among others, in the form of a study by the Universiti Putra Malaysia on the Perception of Road Users on the Visibility of Traffic Police Team Before, During and After the 10th OPS Selamat in conjunction with the 2017 Chinese New Year celebrations, the Road Safety Awareness Campaign through influential social media networks, as well as the SUBTEK PDRM Programme in the run-up to Aidilfitri 2017, in districts recording the highest accident rates in the districts of Johor Bahru, Batu Pahat and Kluang.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



PROGRAM MERAKYATKAN PERKESO

Pembukaan Pejabat Baharu

PERKESO komited dalam usaha untuk terus mendekati rakyat menerusi inisiatif meluaskan jaringan perkhidmatan dengan pembukaan pejabat baharu di lokasi-lokasi strategik bertujuan untuk memudahkan akses kepada pelanggan yang berurusan dengan PERKESO. Pada tahun 2017, PERKESO telah membuka dua pejabat baharu di Sabah iaitu di Kota Marudu dan Beaufort. Kini PERKESO telah mempunyai 53 buah pejabat di seluruh negara. Pembukaan pejabat-pejabat baharu PERKESO merentasi sempadan merupakan usaha murni mendekati rakyat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

PROGRAM MERAKYATKAN PERKESO

Opening of New Office

SOCISO is committed in continuing to reach out to the people through initiatives to expand service networks with the opening of new offices in strategic locations. This is done with the intention of facilitating access for clients to deal with SOCISO. In 2017, SOCISO opened two new offices in Sabah, namely in Kota Marudu and Beaufort. At present, SOCISO operates 53 offices nationwide. The opening of new SOCISO offices across borders serves as the organisation's noble effort in reaching out to the people to provide them with the best service.

Publiti dan Promosi Korporat

Program dan inisiatif publiti diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan berkaitan skim dan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO. Sepanjang tahun 2017, PERKESO telah melaksanakan aktiviti publiti dan promosi melalui pelbagai kaedah serta saluran media sama ada media cetak mahupun media elektronik. Di antaranya termasuk iklan di saluran Astro, pelbagai akhbar dan cetakan iklan, temu bual di televisyen, penampilan radio, dan pembukaan kaunter pameran dalam acara-acara awam. Program ini juga turut dipromosikan oleh Pejabat-Pejabat PERKESO melalui penglibatan secara langsung bersama majikan dan pekerja dalam program di tempat majikan, melalui seminar dan ceramah.

Corporate Promotion and Publicity

Publicity programmes and initiatives are undertaken with the aim of giving understanding and awareness to employees and employers on the schemes and benefits offered by SOCISO. Throughout 2017, SOCISO has implemented various publicity and promotional activities through medial channels, whether print media or electronic. Among the programmes conducted include advertisements on Astro channel, advertisements in newspapers and print media, television interviews, radio appearances and opening of exhibition counters at public events. The programmes are also promoted by SOCISO offices through direct involvement with employers and employees in programmes at employer premises, through seminars and talks.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



Publisiti melalui media massa telah memainkan peranan penting dalam memastikan semua informasi mengenai PERKESO dapat disebarluaskan kepada orang ramai. Publisiti melalui media cetak telah diterbitkan dalam akhbar-akhbar utama tempatan seperti di Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harian Metro, The Star, New Straits Times, The China Press, Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan, Malaysia Namban, Sarawak Borneo dan Sabah Borneo.

Pengurusan Perhubungan Pelanggan secara terus melalui telefon di talian 1 300 22 8000 menjadi medium utama untuk pelanggan berurusan secara langsung atas talian. Selain itu, antara medium perhubungan lain ialah melalui media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn dan YouTube. Penggunaan media sosial ini telah memberikan impak yang positif kepada PERKESO dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi pelanggan dari semasa ke semasa.

Penggunaan media sosial membolehkan pelanggan mengetahui sebarang aktiviti yang dijalankan dan maklumat terkini mengenai PERKESO. Selain itu, pelanggan juga boleh mengemukakan pertanyaan, komen atau kemusykilan yang dihadapi berkaitan dengan perkhidmatan/produk PERKESO dengan mudah kerana media sosial boleh diakses secara dalam talian melalui telefon pintar dan komputer serta respon dapat diberikan dengan kadar segera.

Publicity in the mass media has played an important role in ensuring that all information concerning SOCSO is widely disseminated to the public. Publicity in the print media have been published in major local newspapers such as Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harian Metro, The Star, New Straits Times, The China Press, Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan, Malaysia Namban, Sarawak Borneo and Sabah Borneo.

Direct Customer Communication Management through telephone at 1 300 22 8000 has become the main medium in which customers directly deal with SOCSO. In addition, other communication mediums include social media such as Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn and YouTube. The use of social media has had a positive impact on SOCSO in enhancing the quality of its service delivery that goes beyond the clients' expectations.

The use of social media enables customers to be informed of any activity conducted as well as the latest information on SOCSO. Customers can also easily submit queries and comments regarding SOCSO services / products as social media can be accessed online using smartphones and computers, with almost immediate response.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

PERKESO di Media Elektronik

Bermula 24 November 2017, program INSPIRASI HARAPAN telah bersiaran di saluran ASTRO RIA pada setiap hari Jumaat jam 9.30 malam. Paparan 13 episod ini menampilkan pengacara Fara Fauzana bersama peserta Program *Return To Work* daripada pelbagai latar belakang kecederaan dan penyakit untuk berkongsi pengalaman bagaimana program tersebut membantu mereka untuk pulih sehingga dapat kembali bekerja semula. Ia menyampaikan kisah benar yang turut dikongsi oleh Pengurus Kes, Doktor, Pakar Rehabilitasi dan Juruterapi dalam menguruskan pencarum PERKESO yang mengalami kecederaan atau penyakit kritikal termasuklah amputasi kaki, paraplegia dan strok untuk mengembalikan mereka ke kehidupan yang produktif.



Penonton turut akan didedahkan kepada perkhidmatan pemulihan terkini daripada PERKESO yang merangkumi perkhidmatan pengurusan kes, kemudahan fisioterapi dan latihan vokasional, serta kemudahan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak di Melaka. INSPIRASI HARAPAN merupakan program televisyen kedua mengenai Program *Return To Work* selepas program bual bicara DAHSYATNYA PERKESO yang diadakan pada tahun 2017.

SOCSCO in the Electronic Media

Beginning from 24th November 2017, the INSPIRASI HARAPAN programme has been broadcast on ASTRO RIA every Friday at 9.30 in the evening. The 13-episode series features Fara Fauzana as its host, with participants of the Return To Work Programme from various injury and disease background sharing their experience as to how the programme has helped them to recover thus enabling them to return to work. Case managers, doctors, rehabilitation experts and therapists share their experiences in managing SOCSO contributors who face injuries or critical diseases including amputation, paraplegia and stroke to restore them to productive lives.

Audiences are exposed to the latest rehabilitation services by SOCSO encompassing case management services, physiotherapy facilities and vocational training, as well as the facilities available at the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre in Melaka. INSPIRASI HARAPAN is the second television programme on the Return To Work Programme, after the DAHSYATNYA PERKESO programme which aired in the previous year.



Hebahan publisiti meluas juga turut diadakan melalui radio dan media elektronik utama antaranya di TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8, TV9, TV Al Hijrah, Bernama TV, Astro serta radio KLfm, Radio Minalfm, Radio Traxxfm dan Radio KLfm.

Widespread publicity is also carried out through radio and main electronic media, among others, on TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8, TV9, TV Al Hijrah, Bernama TV, Astro, as well as KLfm, Radio Minalfm, Radio Traxxfm and Radio KLfm.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



Sesi penerangan dan promosi melalui beberapa siri program juga telah dilaksanakan oleh PERKESO. Antaranya Nasi Lemak Kopi O, BIZ Malaysia, Selamat Pagi Malaysia, Suara Kita Hak Kita dan sebagainya. Promosi ini juga diperluaskan melalui media cetak dan juga media elektronik termasuk aplikasi *Facebook* dan *Whatsap*.

Promotion and discourse in several series of programmes have also been carried out by SOCSO, including Nasi Lemak Kopi O, BIZ Malaysia, Selamat Pagi Malaysia, Suara Kita Hak Kita and others. Such promotion has also be expanded through print and electronic media including through Facebook and Whatsapp applications.



Sesi temu ramah Bernama TV bagi segmen 9/11 pada 27 April 2017 telah disiarkan secara langsung. Program ini adalah untuk memberi peluang kepada semua pemandu teksi di Malaysia untuk lebih memahami dan menyedari tentang Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

An interview on Bernama TV under the 9/11 segment was telecast live on 27th April 2017. The programme was aimed at giving opportunity to all taxi drivers in Malaysia to better understand and be aware of the Self-Employment Social Security Scheme 2017.



Pada 22 Mei 2017, sesi temu ramah di RTM untuk segmen Suara Kita Hak Kita bagi memberi maklumat dan keterangan tentang Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Bagi Pemandu Teksi telah diadakan.

On 22nd May 2017, an interview session on RTM under the Suara Kita Hak Kita segment was broadcast to provide information on the Social Security Protection Scheme for Taxi Drivers.



Program tentang Pencen Penakat & Rawatan Dialisis telah disiarkan secara langsung di rancangan Selamat Pagi Malaysia. Program bual bicara ini telah menerangkan maklumat-maklumat dengan lebih terperinci bagi pencarum untuk lebih difahami.

A programme on Survivor's Pension & Dialysis Treatment was telecast live during the Selamat Pagi Malaysia show. The talk show gave detailed information for contributors to have better understanding.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area



Taklimat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)

Dalam usaha untuk mendapatkan sokongan media bagi mempromosikan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), satu taklimat bersama Menteri Sumber Manusia dengan Ketua-ketua Pengarang dari setiap agensi media telah diadakan pada 10 Oktober yang lalu di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur. Seramai 26 Ketua Pengarang telah hadir dan taklimat tersebut mendapat liputan meluas di akhbar-akhbar tempatan. Turut hadir adalah Ketua Eksekutif dan Timbalan-Timbalan Ketua Eksekutif PERKESO.

Briefing on Employment Insurance System

In the effort to garner media support to promote the Employment Insurance System, a briefing with the Minister of Human Resources, YB Dato' Sri (Dr.) Richard Riot Anak Jaem and Editors-in-Chief of all media agencies was held on 10th October 2017 at the Grand Hyatt Hotel in Kuala Lumpur. 26 editors-in-chief were present and the briefing received wide coverage in local newspapers. Also present with SOCSO's Chief Executive and Deputy Chief Executives.



Majlis Penyerahan Penerima Faedah Pertama Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri

Majlis Penyerahan Faedah bagi Penerima Faedah Pertama bagi Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri telah di sempurnakan oleh Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO bagi menyerahkan cek kepada pemandu teksi yang telah terlibat dalam kemalangan. Beliau telah membuat caruman untuk skim ini dan mendapat ganjaran selepas terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan kecederaan pada kakinya.



First Self-Employed Employment Injury Scheme Benefit Presentation Ceremony

A ceremony for the presentation of the Self-Employed Employment Injury Scheme Benefit to the first recipient was officiated by Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO. At the event, a cheque was handed over to a taxi driver who was involved in an accident. The said driver has contributed in the scheme and received compensation after being involved in an accident which resulted in injuries to his leg.

Bengkel Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional

Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional telah diberi pendekatan baharu bermula tahun ini melalui aktiviti dua hala antara peserta dengan penceramah secara aktiviti berkumpulan. Berkonsepkan bengkel, para peserta yang hadir dapat berbincang bersama mengenai isu-isu yang diutarakan oleh para penceramah di samping berkongsi pengalaman dalam perihal berkaitan PERKESO sebagai contoh dalam membuat tuntutan faedah pekerja, mengemaskini rekod majikan dan pekerja, proses pembayaran caruman, Faedah Caruman Lewat Bayar dan sebagainya. Maklumbalas peserta menunjukkan program yang diadakan dapat meningkatkan kefahaman, kesedaran dan tanggungjawab majikan dan pekerja terhadap perlindungan keselamatan sosial.

Sepanjang tahun 2017, Bengkel Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional 2017 telah berjaya dilaksanakan di enam belas (16) lokasi iaitu di Kuala Lumpur, Kuantan, Kuching, Petaling Jaya, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Ipoh, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Alor Setar, Iskandar Johor, Melaka, Port Dickson, Seremban, George Town, Pulau Pinang dan Klang.

National Level Social Security Protection Workshop

The National Level Social Security Protection Seminar has been given a new approach beginning this year with two-way activities between participants and speakers. Held as a workshop, participants were able to discuss issues presented by speakers in addition to sharing their experiences concerning SOCSO, for example, on claiming employee benefits, updating employer and employee records, contribution payment process, interests on late payment of contribution and others. Feedback from participants showed that the programme was able to increase their understanding, awareness and responsibility towards social security protection.

Throughout 2017, the National Level Social Security Protection Workshops were held at sixteen locations, namely, in Kuala Lumpur, Kuantan, Kuching, Petaling Jaya, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Ipoh, Kuala Terengganu, Kota Baharu, Alor Setar, Iskandar Johor, Melaka, Port Dickson, Seremban, Georgetown, Pulau Pinang and Klang.



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area



Pameran Korporat

Aktiviti publisiti menerusi pembukaan *booth* atau pameran turut diadakan di premis majikan dan di tempat-tempat awam yang dikendalikan oleh pihak Ibu Pejabat serta pejabat PERKESO di seluruh negara. Sepanjang tahun 2017, PERKESO telah terlibat dalam 37 pameran Korporat yang melibatkan kehadiran YB Menteri dan YB Timbalan Menteri, pameran turut disertai oleh agensi-agensi di bawah Jabatan Kementerian Sumber Manusia serta jemputan dari agensi swasta. Dengan penyertaan sebegini, PERKESO dapat mendekati industri dan para majikan dari pelbagai sektor khususnya panduan majikan-majikan yang mempunyai ramai pekerja. Menerusi pameran yang telah diadakan, ia dapat meningkatkan lagi kesedaran dalam kalangan majikan dan pekerja tentang pentingnya untuk mencarum dengan PERKESO dan maklumat-maklumat terkini dapat disampaikan dengan lebih berkesan di samping mendekati hubungan di antara majikan, pekerja dan PERKESO.

Corporate Exhibition

Publicity through the opening of booths or exhibitions done on employer premises and public locations is managed by the Headquarters as well as SOCSO offices nationwide. Throughout 2017, SOCSO participated in 37 corporate exhibitions that involved the presence of Ministers and Deputy Ministers, exhibitions participated by agencies under the Ministry of Human Resources as well as guests from private agencies. Through such participation, SOCSO managed to bring itself closer to the industry and employers from various sectors, specifically employers with many workers. Through the exhibitions held, awareness is raised among employers and employees on the importance of contributing to SOCSO. The latest information could be disseminated more effectively, in addition to fostering a closer relationship between employers, employees and SOCSO.

Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan telah diperkenalkan dengan konsep untuk menawarkan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan melalui pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap antara organisasi dan pelanggan secara langsung. Program Hari Bertemu Pelanggan PERKESO diadakan pada setiap hari Khamis pertama setiap bulan dari jam 8:30 pagi hingga 4:30 petang di semua 53 buah pejabat PERKESO di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat. Inisiatif ini merupakan langkah mesra pelanggan selaras dengan PERKESO Prihatin untuk menyelesaikan sebarang masalah pelanggan yang tidak dapat diselesaikan diperingkat kaunter dan pelanggan berpeluang bersemuka secara langsung dengan pegawai atasan PERKESO. Pada tahun 2017, seramai 1,024 pelanggan telah hadir ke program tersebut untuk mendapatkan bantuan, khidmat nasihat dan panduan terhadap pelbagai perkara berbangkit.

Meet the Clients Day

The Meet the Clients Day was first introduced to offer services that can fulfil the demands and expectations of clients through efficient direct interaction and communication between the organisation and clients. The SOCSO Meet the Clients Day is held on the first Thursday of each month from 8.30 a.m. to 4.30 p.m. at all 53 SOCSO offices nationwide including at the Headquarters. This initiative is a client-friendly step in line with PERKESO Prihatin, to solve any client's problem that cannot be solved at the counters. Clients get the opportunity to have face-to-face interaction with SOCSO's senior officers. In 2017, a total of 1,024 clients attended the programme to obtain help, advisory service and guidance on various matter arising.





Skuad PERKESO Prihatin

Skuad PERKESO Prihatin merupakan satu kumpulan khas ditubuhkan supaya dapat menyalurkan bantuan segera kepada Orang Berinsurans atau waris yang ditimpa kemalangan atau musibah.

Misi utama penubuhan Skuad PERKESO Prihatin adalah untuk membantu Orang Berinsurans serta orang tanggungan mereka apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka melalui tindakan pantas dan segera tanpa melalui proses biasa prosesan faedah serta mendekatkan hubungan Orang Berinsurans, majikan dan PERKESO sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin dan dekat di hati rakyat.

Sepanjang tahun 2017, Skuad Prihatin PERKESO telah menerima sebanyak 2,008 kes di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut sebanyak 2,003 kes telah dapat diselesaikan segera manakala bakinya sebanyak 5 kes ditolak kerana kes-kes tersebut tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Keilatan.

PERKESO Prihatin Squad

The PERKESO Prihatin Squad is a special team established to channel immediate aid to Insured Persons or their beneficiaries who are involved in accidents or disasters.

The main mission of the PERKESO Prihatin Squad is to help Insured Persons and their dependents in the event of any unforeseen incidents through quick and immediate action without going through the normal benefit processing, as well as to foster a closer relationship between Insured Persons, employees and SOCSO as a government agency that cares and is close to the hearts of the people.

Throughout 2017, the Squad received 2,008 cases nationwide and of the said number, 2,003 cases were successfully solved immediately, with the remaining 5 cases being rejected for not meeting the conditions for eligibility under the Occupation Injury and Invalidity Scheme.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

Pengurusan Aduan Awam

Pada tahun 2017, PERKESO telah menerima sejumlah 2,144 kes aduan, daripada jumlah tersebut sebanyak 1,981 kes aduan atau 92.40% adalah aduan terhadap pihak ketiga dan 163 kes atau 7.60% adalah aduan terhadap PERKESO. Dalam konteks aduan terhadap pihak ketiga, aduan terhadap majikan tidak mencarum sebanyak 1,267 kes (63.54%), majikan tidak melapor kemalangan berjumlah 585 (29.39%) dan majikan tidak mendaftar perusahaan berjumlah 124 kes (6.26%).

PERKESO memandang serius terhadap aduan yang diterima dan mengambil langkah penambahbaikan dan tindakan pencegahan sewajarnya menjurus kepada punca permasalahan aduan berlaku. Tindakan penguatkuasaan terhadap majikan dipergiatkan melalui aktiviti-aktiviti seperti tindakan pengkompaunan, pendakwaan dan OPS Kesan di seluruh negara untuk memastikan pematuhan yang paling optimum demi memastikan kebajikan dan kesejahteraan pencarum dijaga. Penelitian punca kelewatan pembayaran tuntutan faedah diberi perhatian serius dan prosedur pemprosesan faedah diperketatkan. Kursus pementapan petugas barisan hadapan dijalankan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Management of Public Complaints

In 2017, SOCSO received a total of 2,144 complaints cases of which 1,981 cases or 92.4% were complaints against third parties and 163 cases or 7.60% were complaints against SOCSO. In the context of complaints against third parties, 1,267 cases (63.54%) were complaints against employers who fail to contribute, 585 cases (29.39%) were cases against employers who fail to report accidents, and 124 cases (6.26%) were complaints against employers who fail to register their businesses.

SOCSO views these complaints seriously and takes proper corrective and preventative action aimed at the root of the problems. Enforcement action against employers are intensified through activities such as issuance of compound, prosecution and OPS Kesan to ensure optimal compliance for the sake of the welfare and wellbeing of contributors. The causes for late payment of benefit claims are seriously examined and the benefit processing procedures are tightened. Courses for consolidation of front liners are conducted to improve the quality of service to clients.

Mystery Shopping PERKESO

PERKESO telah melantik perunding luar bagi melaksanakan *mystery shopping* ke atas kualiti perkhidmatan pelanggan PERKESO yang telah dilaksanakan sebanyak 2 kali pada tahun 2017. *Mystery Shopping* terhadap 3 saluran perkhidmatan yang utama iaitu kaunter perkhidmatan (*Branch Walk-in*), panggilan telefon dan juga panggilan ke Pusat Perhubungan Pelanggan telah dijalankan. Setiap kriteria penilaian terhadap mutu perkhidmatan diambil kira untuk memastikan kepuasan pelanggan dijadikan fokus utama. Kriteria yang dinilai bagi *Branch Walk-in* termasuk *External Façade*, *Branch Image*, *Queue Time*, *Staff's Friendliness*, *Staff's Competency* dan *Customer Service Counter*. Kriteria bagi penilaian *Branch Mystery Call* termasuk *Telephone Technique*, *Staff's Friendliness* dan *Staff's Competency*. Sementara itu, *CRM Mystery Call* merangkumi *Technicality*, *Telephone Technique*, *Staff's Friendliness* dan *Staff's Competency*.

Secara keseluruhannya pencapaian bagi *Mystery Shopping Branch Walk-in*, keputusan yang diperolehi mendapati prestasi kualiti perkhidmatan pelanggan telah meningkat sebanyak 1.38% iaitu daripada 85.69% semasa penilaian Wave 1 kepada 87.07% dalam Wave 2. Manakala bagi *Mystery Shopping Branch Mystery Call*, keputusan yang diperolehi mendapati prestasi kualiti perkhidmatan pelanggan telah meningkat sebanyak 7.99% iaitu daripada 65.36% penilaian Wave 1 kepada 73.35% dalam Wave 2. Bagi *Mystery Shopping CRM Mystery Call*, keputusan yang diperolehi mendapati prestasi kualiti perkhidmatan pelanggan telah menurun sedikit iaitu 0.78% daripada 93.33% Penilaian Wave 1 kepada 92.5% dalam Wave 2.

Keputusan *Mystery Shopping* telah dianalisis, mengenalpasti punca kelemahan, tindakan penambahbaikan dan langkah-langkah pencegahan. Laporan lengkap telah dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi PERKESO dan juga pejabat-pejabat PERKESO di seluruh negara. Anggota barisan hadapan yang mencapai keputusan yang kurang memuaskan dikehendaki menghadiri kursus peningkatan kualiti perkhidmatan lanjutan untuk memastikan pembudayaan perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan diamalkan secara konsisten dan berterusan.

SOCISO Mystery Shopping

SOCISO has appointed external consultants to conduct mystery shopping on its customer service quality. This mystery shopping exercise was conducted twice in 2017 against three main channels of service, namely, service counters (branch walk-in), telephone calls and calls to Customer Relations Centre. Each evaluation criteria on service quality is taken into account to ensure the client satisfaction is made the priority. The criteria evaluated for Branch Walk-in include external façade, branch image, queue time, friendliness of staff, staff competency and customer service counter. The criteria for evaluation of Branch Mystery Call include telephone technique, friendliness of staff and staff competency. CRM Mystery Call covers technicality, telephone technique, staff friendliness and staff competency.

Overall, the results of the Mystery Shopping Branch Walk-in found that customer service quality has improved by 1.38%, that is, from 85.69% during Wave 1 evaluation to 87.07% during Wave 2. The results of the Mystery Shopping Branch Mystery Call found that customer service quality has improved by 7.99%, from 65.36% during Wave 1 evaluation to 73.35% during Wave 2. The results of the Mystery Shopping CRM Mystery Call found that customer service quality has slightly declined by 0.78%, that is, from 93.33% during Wave 1 evaluation to 92.5% during Wave 2.

Results of the Mystery Shopping exercise are analysed, identifying sources of weaknesses, corrective actions and preventive measures. A complete report was presented to SOCISO's top management as well as to SOCISO offices nationwide. Front liners who achieve less satisfactory results are required to attend advanced service quality improvement courses to ensure consistent and continued enculturation of excellent service.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area

INOVASI PERKESO

Educate The Future Generation 2017

Menyedari betapa pentingnya ilmu pengetahuan berkaitan dengan keselamatan sosial diterapkan kepada pelajar-pelajar institusi latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia sejak dari awal. Pada 23 Oktober 2017, PERKESO telah memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) Program *Educate The Future Generation 2017* antara Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sehingga kini terdapat 32 buah institut latihan di bawah JTM iaitu 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP), 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan sebuah *Japan – Malaysia Technical Institute* (JMTI). Secara keseluruhannya terdapat 14,731 pelajar yang sedang menjalani pengajian di seluruh negara. Objektif program adalah untuk melaksanakan Modul Keselamatan Sosial dan Tanggungjawab Pekerja sebagai salah satu mata pelajaran teras kepada pelajar di semua institusi di bawah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Kementerian Sumber Manusia pada pengambilan mulai Januari tahun 2018.

SOCISO INNOVATION

Educate The Future Generation 2017

On 23rd October 2017, SOCSO signed a Memorandum of Understanding (MoU) on the Educate the Future Generation 2017 programme with the Department of Manpower, Department of Labour Peninsular Malaysia and the Employees Provident Fund. To date, there are 32 training institutions under the Department of Manpower comprising 23 Industrial Training Institutes, 8 Advanced Technology Training Centres and the Japan-Malaysia Technical Institute. In 2017, a total of 14,731 students underwent studies nationwide. The objective of the programme is to implement the Social Security and Employee Responsibility Module as one of the core subjects for students at all institutions under the Department of Manpower Training Institute, commencing from the January 2018 intake.



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area

Pelaksanaan modul pembelajaran kepada para pelajar ILJTM yang akan memasuki pasaran kerja merupakan pendekatan berbentuk “quick wins”. Menerusi pendekatan ini, strategi menyebarkan maklumat dan pengetahuan kepada golongan sasaran lebih awal mampu memberi impak yang lebih signifikan dan memberi lonjakan berganda. Modul pembelajaran meliputi aspek-aspek berkaitan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 daripada PERKESO, Akta Kerja 1955 daripada JTK serta Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 berkaitan manfaat persaraan daripada KWSP. ‘Educate The Future Generation’ merupakan satu inisiatif transformasi selaras dengan Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020 untuk mempertingkatkan keupayaan libat urus dengan pelanggan, pihak berkepentingan, agensi dan NGO dengan program yang menjadi teras organisasi.

The implementation of study module on students who will be entering the work market is a “quick win” approach. Using this approach, the strategy to widely spread information and knowledge to the target groups can have a more significant impact and provide multiple take-offs. Study modules include aspects related to the Employee Social Security Act 1969 from SOCSO, Works Act 1955 from JTK as well as the Employees Provident Fund Act 1951 related to retirement benefits from KWSP. The Educate the Future Generation programme is a transformation initiative in line with SOCSO’s Strategic Plan 2016 - 2020 to improve engagement capability with clients, stakeholders, agencies and NGOs with programmes that form the core of the organisation.

Guidelines on Diagnostic Criteria for Occupational Diseases

Penghasilan buku ‘Guidelines On Diagnostic Criteria For Occupational Diseases’ telah mendapat kerjasama daripada pakar perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti Tempatan bermula sesi pertama tahun 2015, sesi kedua tahun 2016 dan siap sepenuhnya pada November 2017. Buku ‘Guidelines On Diagnostic Criteria For Occupational Diseases second edition 2017’ yang berasaskan prinsip ‘evidence-based causation’ dapat membantu Jemaah Doktor Khas membuat keputusan yang lebih tepat dan jelas berkaitan dengan penyakit pekerjaan.



Guidelines on Diagnostic Criteria for Occupational Diseases

The publication of the Guidelines on Diagnostic Criteria for Occupational Diseases was a collaborative effort between medical experts from the Ministry of Health and local universities conducted in stages from the first session in 2015, second session in 2016 until its full completion in November 2017. The 2nd edition of the Guidelines on Diagnostic Criteria for Occupational Diseases which is based on the principle of evidence-based causation can help the Special Medical Board in making more accurate and clear decisions related to work.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017


2017 Key Result Area

Disentralisasi Pengurusan Jemaah Doktor Rayuan

Disentralisasi Pengurusan Jemaah Doktor Rayuan Ke PPN telah dilaksanakan secara pilot projek di Pejabat PPN Kuala Lumpur dan PPN Johor pada 1 Ogos 2017 serta PPN Perak pada 1 September 2017 bagi mempercepatkan proses bayaran faedah kepada Orang Berinsurans oleh PPN/PPP dan membantu memendekkan pencapaian standard Q pejabat. Pengurusan Pentaksiran Kes Hilang Upaya Kekal (HUK) Yang Berkonsepan Seorang Doktor Penilai (*Medical Assessor*) telah diperkenalkan di bawah Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri 2017 berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017. Objektif pendekatan ini, membolehkan pengurusan penilaian taksiran dibuat secara lebih cekap dan memenuhi standard yang telah ditetapkan.

Decentralisation of Appellate Medical Board

The decentralisation of the Appellate Medical Board was conducted as a pilot project at PPN Kuala Lumpur and PPN Johor on 1st August 2017 as well as at PPN Perak on 1st September 2017 in order to expedite the process of benefit payment to Insured Persons by PPN/PPP and help to shorten the office Standard Q achievement. The concept of Permanent Disability Assessment by a Single Assessor (Medical Assessor) was introduced under the Self-Employed Employment Injury Scheme 2017 effective from 1st June 2017. The objective of this approach is to enable disability assessment to be carried out more effectively whilst meeting the stipulated standards.



Transformasi Perkhidmatan

Selaras dengan keperluan Transformasi Perkhidmatan Awam (TPA), PERKESO komited melaksanakan transformasi melalui pembangunan Pelan Transformasi PERKESO 2017. Sebanyak enam belas (16) inisiatif transformasi telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2017 melalui Program Transformasi yang memberi fokus khusus kepada Pengurusan Prestasi dan Pengurusan Pengetahuan & Kemahiran, Pembangunan Sistem ICT dan Pemantapan Kaedah Pemantauan. Secara keseluruhannya, peratus pencapaian pelaksanaan transformasi untuk tahun 2017 adalah 93.69%. Inisiatif transformasi berimpak tinggi, iPERKESO telah memberi impak positif kepada kepuasan pelanggan kerana telah berjaya memudahkan pengurusan caruman di pihak majikan yang membuat bayaran caruman bulanan secara dalam talian dan di pihak PERKESO dapat mempercepatkan tempoh pengemaskini rekod.

Transformation of Service

In line with the requirement of the Public Service Transformation, SOCSO remains committed in effecting transformation through the development of the SOCSO Transformation Plan 2017. Sixteen (16) transformation initiatives were successfully implemented in 2017 by way of transformation programmes that give specific focus on Management of Performance and Management of Knowledge & Skills, Development of ICT System and Consolidation of Monitoring Methods. Overall, the transformation implementation achievement for 2017 stands at 93.69%. The high-impact iPERKESO programme has given positive impact to customer satisfaction by facilitating online monthly contributions on the part of the employers and expediting record updating time on the part of SOCSO.



Pengurusan Perubahan

Pengurusan Perubahan adalah merupakan pendekatan yang sistematik dalam berurusan dengan peralihan atau transformasi untuk mencapai visi dan misi organisasi. Bagi memantapkan lagi kaedah komunikasi dalam menyalurkan maklumat perubahan dalam projek sistem ICT atau penyampaian perkhidmatan di PERKESO, satu pasukan Pengurusan Perubahan telah diwujudkan pada tahun 2017.

Pasukan Perubahan ini adalah sebagai pemangkin untuk memberi kesedaran, kefahaman, menanam keinginan untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan cepat kepada warga PERKESO mengenai perubahan yang bakal dilalui terutamanya sistem ICT baharu. Sebanyak 6 sesi Latihan *Train The Trainer* (TTT) berkaitan dengan perubahan berkaitan dengan sistem ICT telah diadakan dalam tempoh 12 Disember 2017 hingga 19 Disember 2017. Seramai 117 anggota telah diberi latihan dan didapati tahap pemahaman anggota bertambah baik.

Kempen *Let Me ASSIST You* telah diadakan pada 20 - 31 Disember 2017 telah berjaya menarik seramai 21,851 majikan mendaftar untuk menggunakan portal *ASSIST*. Impak Pengurusan Perubahan kepada keseluruhan anggota PERKESO dapat diterjemah melalui hasil kajian perubahan yang dilaksanakan. Kajian melibatkan 212 anggota iaitu 10 peratus daripada anggota pengoperasian yang terlibat secara langsung dalam projek sistem ICT baharu. Hasil kajian menunjukkan 98% anggota adalah positif dan bersedia menerima perubahan terhadap sistem ICT baharu kerana ianya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dengan lebih cekap, efisien serta berkesan.

Change Management

Change Management is a systematic approach in dealing with change or transformation to achieve the vision and mission of an organisation. To further consolidate the communication method in channelling information on changes in the ICT system project or delivery of service at SOCSO, a Change Management Team was established on 2017.

This team acts as the catalyst for giving awareness and understanding, instilling the desire within SOCSO staff to gain knowledge and skills on the changes that are to come especially in the new ICT system. Six Train the Trainer session on changes related to ICT system were held from 12th December 2017 to 19th December 2017. At total of 117 staff were trained and it was found that the understanding of the participants improved.

The Let Me ASSIST You campaign was held from 20th to 31st December 2017 and managed to attract 21,851 employers to register for use of the ASSIST portal. The impact of Change Management on the whole of SOCSO's workforce can be translated through the results of the change study carried out. The study involved 212 staff, that is, 10% of operational staff who are directly involved in the new ICT system. Results show that 98% of staff are positive and ready to accept changes in the new ICT system as such changes could improve the efficient and effective delivery of services to customers.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017

2017 Key Result Area

Integrated System for Prosthetic & Orthotic, Inventory and Rehabilitation (INSPIRE)

Di bawah Seksyen 57, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) peruntukan alat-alat pemulihan seperti prostetik dan ortotik kepada Orang Berinsurans yang layak akan diberikan secara percuma. Secara umumnya pembekalan peralatan prostetik dan ortotik kepada Orang Berinsurans adalah menerusi pembekal panel PERKESO. Bagi memastikan pengurusan pembekalan peralatan prostetik dan ortotik berjalan dengan lancar, PERKESO telah membangunkan *Integrated System for Prosthetic & Orthotic, Inventory and Rehabilitation (INSPIRE)* yang merangkumi skop inventori, pengurusan pembekal dan pengurusan kes.

Sistem INSPIRE mula dibangunkan pada 13 Januari 2017 dan dilancarkan pada 29 September 2017. Melalui sistem ini, pengurusan kerja telah diautomasikan dan diintegrasikan dengan kesemua Pejabat / Bahagian / Cawangan PERKESO yang terlibat dan panel pembekal PERKESO. Justeru itu, menerusi perkhidmatan dalam talian ini juga, kelulusan dan pembekalan peralatan prostetik dan ortotik kepada Orang Berinsurans yang layak dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan sistematik.



Majlis Menandatangani Spesifikasi Keperluan Sistem pada 12 April 2017 dan Sesi Latihan *Train The Trainer* pada 9 hingga 12 Oktober 2017.
Signing Ceremony System Requirements on April 12, 2017 and Train The Trainer Session on October 9 to 12 October 2017.

Integrated System for Prosthetic & Orthotic, Inventory and Rehabilitation (INSPIRE)

Pursuant to Section 57 of the Employee Social Security Act 1969 (Act 4) rehabilitation tools such as prosthetics and orthotics will be provided to eligible Insured Persons free of charge. In general, the supply of prosthetics and orthotics to Insured Persons is through SOCSO panel suppliers. To ensure smooth management of prosthetics and orthotics supply, SOCSO has developed the Integrated System for Prosthetic & Orthotic, Inventory and Rehabilitation which covers inventory, supplier management and case management.

INSPIRE was first developed on 13th January 2017 and was launched on 29th September 2017. Through this system, work management has been automated and integrated between all SOCSO offices / divisions / branches involved and SOCSO panel of suppliers. Hence, through this online service, approval and supply of prosthetic and orthotic equipment to eligible Insured Persons can be carried out more expediently and systematically.

Automated SOCSO Integrated System (ASSIST)

PERKESO telah membangunkan *Automated SOCSO Integrated System (ASSIST)* secara berfasa. Skop Sistem ASSIST merangkumi pembangunan modul berkaitan pendaftaran dan pembayaran caruman, prosesan faedah serta penguatkuasaan.

Pada 31hb Disember 2017, modul-modul berkaitan pengurusan pendaftaran dan pembayaran caruman telah dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO. Melalui portal layan diri ASSIST, majikan boleh mendaftar dan mengemaskini data pekerja serta mencarum secara dalam talian.

Secara umumnya Sistem ASSIST telah dapat meningkatkan perkhidmatan PERKESO kerana urusan mendaftar dan mengemaskini maklumat pekerja, membayar caruman oleh majikan dan proses pungutan oleh anggota PERKESO dapat dijalankan dengan lebih cepat.



Sesi Team Building bagi Change Agent ASSIST pada 16 Ogos 2017.
Team Building Session for ASSIST Change Agents on 16th August 2017.

Automated SOCSO Integrated System (ASSIST)

SOCSO has developed the Automated SOCSO Integrated System (ASSIST) in phases. The scope of ASSIST encompasses module development related to registration, payment of contribution, benefit processing as well as enforcement.

On 31st December 2017, modules related to management of registration and payment of contribution were launched by the Chief Executive of SOCSO. Using the ASSIST portal, employers can register and update the data of their employees, as well as make contributions online. On the other hand, SOCSO staff can manage contribution collection using this system.

In general, ASSIST has improved SOCSO's service as now, registration and updating of employee information, payment of contribution by employers and collection by SOCSO staff can be done more expediently.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2017
2017 Key Result Area

Sistem Insurans Pekerja (SIP)

PERKESO telah membangunkan Sistem Pendaftaran Program Interim Penempatan Pekerjaan Semula yang merangkumi skop pendaftaran, kelulusan dan bayaran. Sistem ini telah dibangunkan dan akan dilancarkan pada 1 Januari 2018. Sistem Pendaftaran Program Interim Penempatan Pekerjaan Semula dapat menyediakan kemudahan urusan pendaftaran program interim penempatan pekerjaan semula (Tuntutan Interim Pertama, Kedua dan Ketiga) secara elektronik, membuat proses semakan dan kelulusan dengan cepat dan dapat meningkatkan produktiviti kerja, proses bayaran terus ke dalam akaun pemohon dan ini akan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan serta pengurusan kerja diautomasikan dan diintegrasikan menerusi perkhidmatan dalam talian.



Employment Insurance System

SOCSSO has developed the Replacement Interim Programme Registration System which covers registration, approval and payment. The system has been developed and will be launched on 1st January 2018. The system will provide facility for registration of replacement interim programme (First, Second and Third Interim Claims) electronically, checking process and fast approval, as well as improve work productivity. Payment will be processed directly into the applicant's account thus increasing the level of customer satisfaction. Management of work is automated and integrated through the provision of online services.





Self-Employment Social Security (SESS)

SESS telah dibangunkan dan dilancarkan pada 1 Jun 2017. SESS dapat memudahkan semua pencarum mendaftar dan membayar caruman dengan sangat mudah secara dalam talian yang boleh menjimatkan masa pengguna. SESS juga menyediakan kemudahan bayaran secara tunai bagi pencarum yang tidak mempunyai akaun perbankan *internet* dan proses tersebut memerlukan pengguna hadir sendiri ke Pejabat PERKESO yang berdekatan.



Self-Employment Social Security (SESS)

In line with the implementation of the Self-Employed Employment Injury Scheme which came into effect on 1st June 2017, SOCSO has provided an ICT facility whereby all contributors are allowed to register, contribute and make payment online (online payment) or by in cash (cash collection) by going to the nearest SOCSO office. SESS was developed and launched on 1st June 2017. The system facilitates registration and payment of contribution online which saves time on the part of the users. SESS also provides facility for cash payment for users who do not have internet banking. Such process requires the user to personally be present at the nearest SOCSO office to complete the relevant steps.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Awards and Recognition



“Usaha melestarikan budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kerja PERKESO telah mula menzahirkan kejayaan menerusi beberapa bidang keberhasilan utama. Tahun 2017 merupakan tahun kecemerlangan PERKESO apabila pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan nasional telah diterima. Sesungguhnya pencapaian cemerlang yang dicapai ini telah melonjakkan imej PERKESO.

Efforts to preserve a culture of creativity and innovation amongst SOCSO's workforce has begun to show success in several key results areas. 2017 has been SOCSO's year of excellence where various awards and recognition, be it on the international or local stage, were received. Indeed, this excellent achievement has propelled SOCSO's name and image.

”

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
Awards and Recognition

Budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kerja PERKESO mula membuahkejayaan menerusi beberapa bidang keberhasilan utama. Tahun 2015 - 2017 merupakan tahun kecemerlangan dan menjadi mercu tanda kejayaan di mana PERKESO berjaya merangkul pelbagai anugerah dan pengiktirafan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sesungguhnya pencapaian cemerlang ini telah berjaya melonjakkan lagi imej PERKESO ke persada antarabangsa. Penganugerahan dan pengiktirafan yang telah diterima antaranya adalah:

- 2017 Asia HRD Awards "Contribution to Organisation Award".

- Innovative Policy 2017 on Employment, Work and Vocational Education and Training, Zero Project Conference 2017, Vienna, Austria.

- ASEAN Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2017 For Excellence Award, Udon Thani, Thailand.
 - ▶ Inovasi - SOCSO's e-Efisyen, SOCSO's Contribution Payment Portal: iPerkeso, SOCSO's Job Placement and Employment Support Services (JESS), SOCSO's Procurement Manual (SPM) dan SOCSO's NForce Refuge.
 - ▶ Perkhidmatan Pelanggan - "PERKESO Prihatin" Squad
 - ▶ Perlindungan Insurans - The Extension of Social Security Coverage Scheme to all private employees and increasing the limitation of the monthly contribution of insured salary from RM3,000.00 to RM 4,000.00.
 - ▶ Komunikasi Strategik - SOCSO's Sketso

- Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah dianugerahkan
 - ▶ Malaysia Property Awards 2017 – Purpose-Built Category
 - ▶ Malaysia Property Awards 2017 – Public Sector Category

- Juara Keseluruhan Anugerah Khas Menteri Sumber Manusia

- Juara Anugerah KIK Terbaik KSM 2017 – 5 Bintang

- Anugerah Pengurusan Pejabat Terbaik / EKSA – 5 Bintang

- Anugerah Inovasi KSM 2017 – 5 Bintang

- Anugerah Pengurusan ICT KSM 2017 – 4 Bintang

- Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan – 4 Bintang

The culture of creativity and innovation among SOCSO staff has begun to produce success in several key results area. The years 2015 - 2017 have been SOCSO's years of excellence and have become its landmark success where the organisation managed to garner various awards and recognition at national and international levels. Indeed, this excellent achievement has propelled SOCSO's image on the international stage. The award and recognition received include:

- 2017 Asia HRD Awards "Contribution to Organisation Award".

- Innovative Policy 2017 on Employment, Work and Vocational Education and Training, Zero Project Conference 2017, Vienna, Austria.

- ASEAN Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2017 for Excellence, Udon Thani, Thailand.
 - ▶ Innovation – SOCSO's e-Efisyen, SOCSO's Contribution Payment Portal: iPerkeso, SOCSO's Job Placement and Employment Support Services (JESS), SOCSO's Procurement Manual (SPM) and SOCSO's NForce Refuge.
 - ▶ Customer Service – SOCSO's "PERKESO Prihatin" Squad
 - ▶ Insurance Protection – the extension of social security coverage scheme to all private employees and increasing limit of monthly contribution of insured salary from RM3,000.00 to RM4,000.00
 - ▶ Strategic Communication – SOCSO's Sketso

- The Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre was awarded
 - ▶ Malaysia Property Awards 2017 – Purpose-Built Category
 - ▶ Malaysia Property Awards 2017 – Public Sector Category

- Overall Champion of the Minister of Human Resources Special Award

- Best KIK Award 2017 – 5 Stars

- Best Office Management Award / EKSA – 5 Stars

- KSM Innovation Award 2017 – 5 Stars

- KSM ICT Management Award 2017 – 4 Stars

- Financial Management Innovation Award – 4 Stars

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Awards and Recognition



Anugerah Inovasi Kementerian

PERKESO sekali lagi telah diisytiharkan sebagai Juara Keseluruhan Anugerah Inovasi Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi tahun 2017 dengan membawa pulang Piala Pusingan Menteri Sumber Manusia. Penganugerahan ini diterima di atas kejayaan Ibu Pejabat PERKESO yang berjaya mengumpul kutipan Bintang yang tertinggi berjumlah 28 Bintang daripada keseluruhan pertandingan inovasi yang dianjurkan oleh KSM. Selain Ibu Pejabat PERKESO, pejabat-pejabat PERKESO turut mengambil bahagian di dalam Pertandingan Inovasi Terbaik, Pertandingan Inovasi Terbaik Kategori ICT, Konvensyen KIK, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Aset serta Amalan Terbaik EKSA. Majlis Kemuncak Bulan Inovasi Kementerian Sumber Manusia telah diadakan pada 26 Oktober 2017 dan disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti & Inovasi PERKESO 2017 telah diadakan pada 14 November 2017 yang diadakan di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Ministry Innovation Award

SOCSO was once again declared Overall Champions of the Ministry of Human Resources Innovation Awards 2017 and received the Ministry of Human Resources Trophy. The award was received on the success of SOCSO' Headquarters in having the highest collection of stars totalling 28 stars from the overall innovation competition organised by the Ministry of Human Resource. Apart from SOCSO Headquarters, SOCSO offices also participated in the Best Innovation Competition, Best Innovation Competition ICT Category, KIK Convention, Financial Management, Asset Management as well as EKSA Best Practices. The Ministry of Human Resources Innovation Month Gala was held on 26th October 2017 and was officially opened by YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources.

The SOCSO Quality & Innovation Awards Ceremony 2017 was held on 14th November 2017 at Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. The event was officially opened by YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources.



PERKESO dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan Anugerah Inovasi Kementerian Sumber Manusia. SOCSO was named the overall Winner of the Human Resources Ministry's Innovation Award.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
Awards and Recognition



Pemenang Anugerah Khas Inovasi Ketua Eksekutif PERKESO 2017 / Winner of SOCSO's Chief Executive Innovation Special Award 2017.



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Awards and Recognition



Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

Penilaian bagi Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi tahun 2017 telah diadakan pada 8 September 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya. Antara kriteria penilaian adalah pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), Bajet, Akaun Belum Terima (ABT), penerimaan dan pembayaran, perolehan, pinjaman, inovasi kewangan, perakaunan dan lain-lain. Keputusan penilaian telah diumumkan pada 26 Oktober 2017 dan PERKESO telah dianugerahkan dengan penarafan empat bintang serta menerima hadiah berupa cek berjumlah RM800.00

Financial Management Innovation Award (Accountability Index)

Evaluation for the Financial Management Innovation Award (Accountability Index) for the year 2017 was held on 8th September 2017 at the Meeting Room of the Management Services Division, Ministry of Human Resources, Putrajaya. Among the evaluation criteria included the management of the Financial and Accounts Management Committee, Budget, Accounts Receivable, receipts and payments, procurement, loans, financial innovation, accounting and others. Results of the evaluation were announced on 26th October 2017 and SOCSO was awarded a 4-star rating and received a cheque for RM800.00.

Exit Conference Penyata Kewangan PERKESO

Exit Conference bagi pengauditan muktamad Penyata Kewangan PERKESO bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah berlangsung di Jabatan Audit Negara, Putrajaya pada 18 Ogos 2017. Exit Conference ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan) dan dihadiri oleh Pengerusi Lembaga dan Ketua Eksekutif PERKESO serta pegawai-pegawai kanan PERKESO.

PERKESO telah menerima pakai awal rejim perakaunan Malaysian *Public-Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai tahun kewangan 2016 dan Ketua Audit Negara telah menganugerahkan Sijil Audit Bersih terhadap Penyata Kewangan PERKESO bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

SOCSO Financial Statement Exit Conference

The Exit Conference for final audit of SOCSO's Financial Statement for the year ending 31st December 2016 took place at the National Audit Department in Putrajaya on 18th August 2017. The exit conference was chaired by Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan, Deputy Auditor General (Finance) and was attended by SOCSO's Chairman of the Board and Chief Executive, as well as its senior officers.

SOCSO has adopted the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPAS) beginning from 2016 financial year and the Auditor General has awarded a Clean Audit Certificate for SOCSO's Financial Statement for the year ending 31st December 2016.



MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing

Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Sejajar dengan visi PERKESO untuk menjadi 'Peneraju Keselamatan Sosial Yang Dinamik, Unggul dan Cemerlang', adalah menjadi keutamaan kepada PERKESO untuk terus konsisten melahirkan modal insan yang kompeten, berilmu, berprestasi tinggi, professional, beretika dan mempunyai daya saing yang tinggi. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan sepanjang tahun 2017 bagi menambahkan nilai modal insan.

Fokus Strategi Sumber Manusia

Pelan Induk Sumber Manusia (PISM) 2016 - 2020 merupakan fokus utama memperincikan strategi yang telah digariskan di bawah teras strategi ketiga (3) Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu "Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju". Strategi ini sejajar dengan Teras 1 – Memperkasakan Kecemerlangan dan Pembangunan Insan" dalam Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020.

Secara prinsipnya, (PISM) 2016 - 2020 merupakan satu pelan taktikal memperkasakan kecemerlangan pembangunan sumber manusia PERKESO di masa hadapan menerusi konsep "*Learning and Growth*" kepada warga kerjanya. Strategi bagi meningkatkan kepakaran dan pengetahuan ke arah melahirkan "*Subject Matter- Expert (SME)*" terutamanya dalam pelan landskap Pengamal Keselamatan Sosial (*Social Security Practitioner*).

Empat (4) modul teras latihan iaitu Komunikasi, Teras Perkhidmatan (*Core Business*), Keselamatan Sosial dan Kepimpinan Berimpak Tinggi sebagai pemacu transformasi PERKESO ke arah melahirkan modal insan yang kompeten seiring dengan keperluan Organisasi.

Human Resource Management and Development

In line with SOCSO's vision of becoming the "Dynamic, Outstanding and Excellent Leader in Social Security", it has become SOCSO's priority to remain consistent in producing human capital that is competent, knowledgeable, high-performing, professional, ethical and highly competitive. Various efforts and initiatives have been implemented by the management throughout 2017 to add value to its human capital.

Human Resource Strategy Focus

The Human Resource Master Plan 2016 - 2020 is the key focus detailing strategies outlined under the third (3rd) strategic thrust of the 11th Malaysia Plan, namely "Accelerating Human Capital Development for an Advanced Nation". This strategy is in line with Thrust 1 – Strengthening Human Capital Excellence and Development of the SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020.

In principle, the Human Resource Master Plan 2016 - 2020 is a tactical plan strengthening the excellence of SOCSO' human resource development in the future, through the concept of "Learning and Growth". The strategy is to increase expertise and knowledge towards producing subject-matter experts especially in the Social Security Practitioner landscape.

Four (4) training core modules, namely, Communication, Core Business, Social Security and High Impact Leadership act as the driving force for SOCSO's transformation towards producing competent human capital in line with the needs of the organisation.

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing

Enam (6) teras strategik yang menjadi tunggak utama dan kerangka kepada pelaksanaan Pelan Induk Sumber Manusia (PISM) 2016 - 2020 adalah seperti berikut:

- i. Menetapkan hala tuju strategik
- ii. Memastikan kapasiti organisasi
- iii. Mengurus pekerja berkualiti
- iv. Mendaya upaya bakat dan kepimpinan
- v. Mengurus prestasi, pengiktirafan dan ganjaran
- vi. Membentuk budaya kerja berprestasi tinggi


Pengisian perjawatan ini adalah penting untuk memastikan pengoperasian organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dapat dilaksanakan secara berterusan. Sebanyak 95% perjawatan PERKESO telah diisi sehingga penghujung tahun 2017. Dasar perkhidmatan secara kontrak dari calon luar untuk mendapatkan kepakaran dan pengalaman masih dilaksanakan oleh PERKESO iaitu dengan melantik secara kontrak jawatan Ketua Bahagian Pengurusan PERKESO di samping melanjutkan lagi perkhidmatan jawatan kontrak di Pusat Rehabilitasi dan Pegawai Pemeriksa PERKESO. Statistik perjawatan PERKESO tahun 2017 adalah seperti di graf 8.

The six (6) strategic thrusts that are the main pillars and framework for the implementation of the Human Resource Master Plan 2016-2020 are as follows:

- i. Determination of strategic direction
- ii. Ensuring organisational capacity
- iii. Managing quality employees
- iv. Empowering talent and leadership
- v. Managing performance, recognition and reward
- vi. Forming high-performance working culture

The completion of such establishment is important to ensure continuous excellent organisational operations and service delivery. A total of 95% of SOCSO's establishment have been filled as at the end of 2017. The policy of external contractual service to acquire expertise and experience is still implemented by SOCSO, by the contractual appointment of Heads of Division in addition to extending the contractual service appointments at the Rehabilitation Centres and SOCSO's Inspection Officer. The statistics for SOCSO's establishment in 2017 are shown in graph 8.

GRAF 8 RINGKASAN PERJAWATAN PERKESO TAHUN 2017
Graph8 SOCSO's Employee Summary Year 2017



Penyusunan Semula Fungsi dan Struktur Organisasi

Penyusunan semula beberapa bahagian utama di Ibu Pejabat PERKESO dilaksanakan bagi memantapkan pengurusan dan operasi organisasi untuk mencapai objektif dan matlamat selaras dengan Pelan Perancangan Strategik PERKESO. Bahagian utama yang telah diwujudkan dan distruktur semula adalah seperti berikut:

- Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)
- Bahagian Pengurusan Risiko
- Bahagian Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (SPS)

Reorganisation of Functions and Organisational Structure

Reorganisation of several key divisions at SOCSO's Headquarters was carried out to consolidate the organisation's management and operations so as to achieve its objectives and goals in line with the SOCSO Strategic Plan. The key divisions that were established and restructured are as follows:

- Employment Insurance System Office
- Risk Management Division
- Self-Employed Employment Injury Scheme Division.

Program Pembangunan Potensi dan Kompetensi (PROSPEK)

PROSPEK merupakan salah satu daripada aktiviti yang telah ditetapkan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) berasaskan 4 Modul Teras (Kepimpinan, Teras Perkhidmatan, Komunikasi & Keselamatan Sosial) diukur keberhasilan dan keberkesanannya menerusi tiga(3) indikator berikut:

- i. Memastikan 85% anggota yang menjalani salah satu daripada empat (4) modul teras latihan (Kepimpinan, Teras Perkhidmatan, Komunikasi & Keselamatan Sosial). Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap cemerlang iaitu 93.5%
- ii. Memastikan penilaian anggota terhadap objektif dan perunding latihan yang dilantik dalam setiap program latihan adalah pada tahap skala likert 6.8 (Baik). Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap cemerlang iaitu 7.62%.
- iii. Memastikan penilaian terhadap keberkesanan sebelum dan selepas program latihan dalaman adalah pada kadar 25%. Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap memuaskan iaitu 24%.

Potential & Competency Development Programme (PROSPEK)

PROSPEK is one of the activities stipulated as a Key Performance Indicator (KPI) based on the 4 Core Modules (Leadership, Core Business, Communication & Social Security), for which results and effectiveness are measured using the three indicators below:

- i. Ensuring 85% of staff undergo one of the four (4) core training modules (leadership, core business, communication & social security). The 2017 KPI is at excellent level (93.5%).
- ii. Ensuring staff evaluation of objectives and training consultants appointed for each training programme is at 6.8 (good) on the Likert Scale. The 2017 KPI is at excellent level (7.62).
- iii. Ensuring evaluation on effectiveness before and after internal training programme is at 25%. The 2017 KPI is at satisfactory level (24%).

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing

Program Pelan Penggantian PERKESO (PROPER)

PROPER merupakan salah satu daripada aktiviti yang telah ditetapkan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) yang mengukur keberhasilan dan keberkesannya menerusi tiga(3) indikator berikut:

- i. Memastikan 10 calon PROPER berjaya melengkapkan sekurang-kurangnya 20 mata Modul Program Sertifikasi Pengamal Keselamatan Sosial (PERINTIS). Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap cemerlang iaitu seramai 15 calon.
- ii. Memastikan urusan saringan pemilihan lantikan calon Kumpulan Kedua (*2nd Batch*) diselesaikan selewat-lewatnya pada bulan Oktober 2018. Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap cemerlang iaitu pada bulan Mei 2017.

Pada tahun 2017, antara aktiviti utama yang telah dilalui oleh calon PROPER adalah melibatkan kerjasama PERKESO bersama pihak Perunding ACT pada 22 hingga 25 Mei 2017 menerusi modul pemerksaan *Emotional - Spiritual - Quotient*. Seterusnya pada 12 hingga 17 Oktober 2017, calon PROPER 1.0 telah melalui tiga (3) penilaian menerusi Program Pengukuhan Profil Kompetensi sebagaimana objektif dan kaedah berikut:

- i. Penilaian tahap penguasaan Bahasa Inggeris (Menulis-Membaca-Komunikasi-Memahami) menerusi kerjasama dengan pihak *British Council*;
- ii. Penilaian karektor (Genetik) menerusi sistem STIFiN bagi pencerahan kepada kekuatan, kelebihan, personaliti Bio-Metrik dan kelemahan diri; dan
- iii. Penilaian terhadap pemahaman kesejahteraan fizikal (*Physical Wellness*) menerusi kerjasama dengan pihak Institut Sukan Negara (ISN) bagi memberi kesedaran akan kepentingan Sains Sukan kepada diri sendiri, keluarga dan meningkatkan keyakinan calon sebagai *Wellness Instructor* organisasi.

SOCISO Succession Plan (PROPER)

PROPER is one of the activities cited as a Key Performance Indicator (KPI) for which results and effectiveness are measured using the three (3) indicators below:

- i. Ensuring 10 PROPER candidates successfully complete at least 20 points in the Social Security Practitioner Certification Programme Module (PERINTIS). The 2017 KPI is at excellent level with 15 candidates.
- ii. Ensuring screening of candidates for 2nd Batch is completed by October 2018. The 2017 KPI is at excellent level with completion in May 2017.

In 2017, among the main activities undergone by PROPER candidates involve SOCISO's cooperation with ACT Consultants on 22nd to 25th May 2017 through the Emotional-Spiritual-Quotient reinforcement module. Subsequently, on 12th to 17th October 2017, PROPER 1.0 candidates underwent three (3) evaluations through the Competency Profile Strengthening Programme as per the following objectives and methods:

- i. Evaluation on mastery of the English language (Writing-Reading-Communication-Comprehension) in collaboration with the British Council;
- ii. Character evaluation (genetic) using the STIFiN system for enlightenment on strength, superiority, bio-metric personality and personal weaknesses; and
- iii. Evaluation on understanding of Physical Wellness in collaboration with the National Sports Institute, to raise awareness on the importance of sports science to self and family, and to increase the candidates' confidence as Wellness Instructors for the organisation.

Program Pelan Peralihan Kerjaya (PROJEK)

PROJEK merupakan salah satu daripada aktiviti di dalam Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Menerusi Penjenamaan Korporat. Secara prinsipnya objektif PROJEK adalah untuk memastikan anggota yang kekal berkhidmat adalah dalam kalangan mereka yang mampu memberi sumbangan secara optimum dari segi kecekapan, produktiviti dan daya saing dalam mendepani cabaran persekitaran masa kini dan akan datang. Pelaksanaan PROJEK adalah berasaskan dua (2) prinsip utama berikut:

- i. Persetujuan bersama antara anggota dan Pengurusan PERKESO (*Mutual*); dan
- ii. Memastikan saiz perkhidmatan di PERKESO adalah bersifat kos efektif setara dengan keperluan kompleksiti tugas dan tanggungjawab anggota serta fungsi Pertubuhan.

Sehingga Disember 2017, daripada 661 anggota yang memenuhi syarat kelayakan asas PROJEK, seramai 51 anggota (7.7%) telah diluluskan persaraan mereka.

Career Transition Plan Programme (PROJEK)

PROJEK is one of the activities in the Transformation of Service Delivery Through Corporate Rebranding. In principle, the objective of PROJEK is to ensure that the staff who remain in service are among those who are capable of optimally contributing in terms of efficiency, productivity and competitiveness in facing current and future environmental challenges. The implementation of PROJEK is based on two (2) main principles as follows:

- i. Mutual agreement between staff and SOCSO's management; and
- ii. Ensuring SOCSO's service size is cost effective, in line with the requirements of job complexity and staff responsibility, as well as functions of the organisation.

As of December 2017, out of the 661 staff who fulfil the basic conditions for PROJEK eligibility, a total of 51 staff (7.7%) were approved for retirement with retirement benefit payments amounting to RM17,013,207.90.

Kursus-Kursus Peningkatan Kompetensi dan Kemahiran

Bagi tahun 2017, fokus dalam melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berimpak tinggi sebagai Pengamal Keselamatan Sosial (*Social Security Practitioner*) menjadi keutamaan menerusi teras strategik yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) 2016 - 2020. Dalam merealisasikan aspirasi mengurus pekerja berkualiti, pembangunan dan pelaksanaan sesi latihan yang menjurus kepada 'core business' dalam kalangan anggota PERKESO telah dijalankan antaranya menerusi Kursus Pemantapan Petugas Barisan Hadapan PERKESO, Kursus *Train The Trainer Integrated System For Prosthetic & Orthotic, Inventory & Rehabilitation (Inspire)*, Kursus Pengurusan Kepimpinan PERKESO 2017: Kini dan Masa Hadapan, Kursus *On Job Training* Pengurusan Hilang Upaya 2017 Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO dan Bengkel Pemantapan Aktiviti Pemeriksaan Ketua Unit Penguatkuasaan (KUP).

Competency and Skills Enhancement Courses

For the year 2017, focus on producing competent and high impact workforce as Social Security Practitioners has become a priority through the strategic thrust outlined in the Human Resource Strategic Plan 2016-2020. In realising the aspiration to manage quality employees, development and implementation of training sessions that aim towards core business were carried out, among others, through the SOCSO Front Liners Reinforcement Course, Train the Trainer Integrated System for Prosthetic & Orthotic, Inventory & Rehabilitation (Inspire), SOCSO Leadership Management Course 2017: Now and Future, Disability Management On Job Training 2017 for Occupational Services Division, SOCSO Employment Insurance System and Workshop for the Reinforcement of Inspection Activities by the Head of Enforcement Unit.

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU
Human Capital and Knowledge Sharing

**Perkongsiian Ilmu dan Jalinan Kerjasama
Strategik PERKESO dan AKPK**

Dalam usaha untuk mempromosi celik kewangan dan pengurusan kewangan yang berhemat kepada anggota PERKESO, penerima faedah jangka panjang dan majikan, Ketua Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah hadir ke Menara PERKESO dalam satu sesi khas bersama YBhg. Dato' Sri Ketua Eksekutif PERKESO. PERKESO telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak AKPK pada 27 Januari 2017. PERKESO dengan kerjasama pihak AKPK juga telah bersetuju untuk membangunkan satu program khas kepada anggota PERKESO menerusi program sertifikasi yang bakal dimanfaatkan pula kepada penerima faedah jangka panjang PERKESO serta majikan menerusi program Seranta.



**Knowledge Sharing and Strategic
Cooperation Between SOCSO and AKPK**

In the effort to promote financial smarts and prudent financial management among SOCSO's staff, recipients of long-term benefits and employers, the Chief Executive of the Credit Counselling and Management Agency (AKPK) came to Menara PERKESO for a special session with SOCSO's Chief Executive. SOCSO held an engagement session with AKPK on 27th January 2017 wherein both parties agreed to develop a special certification programme for SOCSO's staff which in turn can be benefitted by recipients of long-term benefits and employers under the Seranta programme.

Kursus Petugas Barisan Hadapan

Petugas barisan hadapan merupakan *touch point* dan pintu masuk utama para pelanggan yang berurusan dengan PERKESO. Ianya juga memberi *first impression* dan juga pengalaman pelanggan (*Customer Experience*) yang memberi impak yang sangat mendalam kepada imej PERKESO.

Justeru, PERKESO telah menetapkan Garis Panduan Khidmat Pelanggan dan amalan S4P iaitu *Senyum, Sapa, Salam, Santun, Prihatin* untuk semua warga PERKESO khususnya kepada petugas barisan hadapan.

Kursus Pemantapan Petugas Barisan Hadapan PERKESO telah dilaksanakan sebanyak 3 siri sepanjang tahun 2017. Kursus tersebut turut melibatkan beberapa agensi barisan hadapan lain untuk memberi input yang lebih kepada petugas barisan hadapan supaya dapat menyampaikan informasi berkenaan bantuan kebajikan yang boleh dipohon oleh pelanggan PERKESO.

Front Liners Course

Front liners are the touch points and main gateway for customers dealing with SOCSO. They provide a first impression and customer experience that leaves a deep impact on SOCSO's image.

Hence, SOCSO has stipulated the Guidelines on Customer Service and practice of S4P, namely, *Senyum, Sapa, Salam, Santun, Prihatin* for all SOCSO staff especially for its front liners.

The SOCSO Front Liners Consolidation Course was carried out thrice throughout 2017. The course involved several other front line agencies to provide more input to participants to enable delivery of information on the welfare assistance that can be applied for by SOCSO's customers.

Siri Libat Urus Manual Perolehan PERKESO (MPP)

Manual Perolehan PERKESO (MPP) (MPP) ini telah diluluskan oleh Lembaga PERKESO pada 2 Disember 2016 untuk digunakan oleh PERKESO sebagai rujukan untuk melaksanakan proses perolehannya. Siri Libat Urus MPP mengikut zon seluruh Malaysia dari 16 Januari hingga 13 Februari 2017 telah diadakan bagi memberi pencerahan kepada semua anggota PERKESO yang terlibat dengan proses perolehan khususnya berkenaan MPP ini.

SOCSO Procurement Manual Engagement Series (MPP)

The SOCSO Procurement Manual (MPP) was approved by the Board on 2nd December 2016 for its application as reference in the procurement process. A series of MPP engagements were held from 16th January to 13th February 2017 throughout the country, to enlighten all SOCSO staff who are involved in procurement concerning the MPP.



ETGOM
CYRIAX



Kursus Diploma in Modern Orthopaedic Medicine (Cyriax)

Kursus yang pertama kali diadakan di Malaysia ini telah dianjurkan bersama oleh *The European Teaching Group of Orthopaedic Medicine* (ETGOM) dan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak pada 27 September hingga 4 Oktober 2017. Seramai 20 orang peserta telah menyertai kursus ini.

Diploma in Modern Orthopaedic Medicine (Cyriax) Course

This course which was held for the first time ever in Malaysia from 27th September to 4th October 2017 was jointly organised by the European Teaching Group of Orthopaedic Medicine (ETGOM) and the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre. A total of 20 participants attended the course.

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing



Ministry of Human Resources Public Relations Officer Consolidation Course

This course was held from 7th to 9th December 2017 and was attended by 30 participants from comprising Public Relations Officers from ministries, departments and agencies under the Ministry of Human Resources.

Kursus Pemantapan Pegawai Perhubungan Awam (PRO) KSM

Kursus ini telah diadakan pada 7 - 9 Disember 2017 melibatkan seramai 30 orang yang terdiri daripada Pegawai Perhubungan Awam kementerian, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM).



Bengkel Pemantapan dan Penambahbaikan Penilaian Perolehan

Bengkel penambahbaikan penilaian perolehan PERKESO telah diadakan pada 27 hingga 30 November 2017 di Vivatel Hotel, Kuala Lumpur. Kehadiran anggota bagi bengkel ini merupakan wakil dari setiap bahagian di Ibu Pejabat yang terlibat secara langsung terhadap penilaian perolehan di PERKESO.

Objektif melaksanakan bengkel adalah menyediakan garis panduan bagi penilaian sebutharga dan tender sebagai rujukan Jawatankuasa Penilaian, meningkatkan kefahaman dan kesedaran peserta kursus, pengetahuan dan teknik yang relevan dalam menguruskan perolehan PERKESO dan meningkatkan kemahiran peserta bengkel melalui pendedahan mendalam mengenai dasar, peraturan dan pekeliling yang ditetapkan oleh PERKESO mahupun Kerajaan.

Procurement Evaluation Consolidation and Improvement Workshop

This workshop was held from 27th to 30th November 2017 at the Vivatel Hotel in Kuala Lumpur. Workshop participants comprise representatives from each division of the Headquarters who are directly involved in evaluation of procurement in SOCSO.

The objective of this workshop is to prepare a set of guidelines for the evaluation of quotations and tenders as reference for the Evaluation Committee. It was also aimed at increasing the understanding and awareness of course participants, the relevant knowledge and technique in managing SOCSO's procurement, and improving the skills of participants through in-depth exposure on policies, regulations and circulars issued by SOCSO as well as the Government.

“Train The Trainer” Sistem Perolehan PERKESO (SPP)

PERKESO telah membangunkan sistem perolehan elektronik dengan kerjasama dari Syarikat Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC) bermula bulan Mei 2017. Sistem perolehan elektronik PERKESO yang dinamakan sebagai Sistem Perolehan PERKESO ini telah “go live” pada 23 Oktober 2017. Sesi *Train The Trainer* telah diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2017 di Tingkat 8, Ibu Pejabat PERKESO yang dihadiri oleh wakil dari semua Bahagian / Pejabat Negeri / Pejabat PERKESO seluruh Malaysia yang terlibat secara langsung dengan proses perolehan PERKESO. Objektif melaksanakan sesi “*Train The Trainer*” Sistem Perolehan PERKESO (SPP) ini adalah untuk memberi latihan dan pemahaman secara terperinci kepada anggota berkenaan proses permohonan perolehan melalui SPP.

SOCSCO Procurement System “Train the Trainer”

SOCSCO began developing an electronic procurement system in collaboration with Syarikat Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDC) beginning May 2017. The system named SOCSCO Procurement System went “live” on 23rd October 2017. A Train the Trainer session was held from 12th to 14th December 2017 on the 8th Floor, SOCSCO Headquarters, in the presence of representatives of all SOCSCO divisions/state offices/offices nationwide who are directly involved in the organisation’s procurement process. The object of the Train the Trainer session is to provide training and detailed understanding on the procurement process using the new system.

Kursus Pengukuhan Pengurusan Kes Penyakit Khidmat Pegawai PERKESO

Kursus Pengukuhan Pengurusan Kes Penyakit Khidmat Pegawai PERKESO telah diadakan pada 25 dan 26 Oktober 2017 bertempat di pejabat PERKESO Negeri Melaka. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kapasiti pegawai-pegawai PERKESO dalam aspek pengetahuan asas penyakit khidmat, kemahiran siasatan dari segi mengenalpasti hazard serta penilaian tahap pendedahan kepada hazard tersebut. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 2 kursus *Certified Medical Impairment Assessor (CMIA)* telah diadakan di Sabah dan Johor. Manakala 2 kursus “*Certified Medical Impairment Assessor Refresher*” (CMIA-R) telah diadakan di Melaka dan Kuala Lumpur. Seramai 774 orang doktor telah menghadiri kursus CMIA edisi ke-6 dan 570 doktor bagi kursus CMIA-R edisi ke-6.



Occupational Disease Case Management Course for SOCSCO Officers

The Occupational Disease Case Management Course for SOCSCO Officers was held at the Melaka SOCSCO Office on 25th and 26th October 2017. The objective of the course is to enhance the capacity of SOCSCO officers in terms of basic knowledge on occupational diseases, investigation skills pertaining to hazard identification as well as evaluation of exposure level to the said hazard. Throughout 2017, two Certified Medical Impairment Assessor (CMIA) courses were held in Sabah and Johor, and two Certified Medical Impairment Assessor Refresher courses (CMIA-R) courses were held in Melaka and Kuala Lumpur. A total 774 doctors attended the 6th edition of CMIA and 570 doctors attended the 6th edition of CMIA-R.

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing

Kursus *Train The Trainer* **INSPIRE**

Kursus diadakan pada 9 - 12 Oktober 2017 di De Palma Hotel Ampang, Selangor bertujuan melatih dan memastikan kemahiran kepada *Trainer System* iaitu *Train The Trainer* sebelum sistem dilaksanakan sepenuhnya di seluruh Malaysia pada 20 November 2017.

INSPIRE Train the Trainer Course

The course was held from 9th to 12th October at the De Palma Hotel in Ampang, Selangor, to train and equip all officers with the knowledge and skill to train users in their respective branches prior to the nationwide launch of INSPIRE on 20th November 2017.



Pelancaran Pelan Strategik AKRAB KSM 2017-2020 dan Buku Kit Budaya 1 KSM

(Kenal Salam Mesra)

Unit Psikologi PERKESO telah diberikan penghargaan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Unit Pengurusan Psikologi, KSM untuk bersama-sama merancang dan melaksanakan Pelan Strategik AKRAB Kementerian Sumber Manusia. Pelan Strategik ini telah dilancarkan dalam satu majlis Seminar Dwi Tahunan AKRAB Kementerian Sumber Manusia pada bulan September yang lalu. Seminar AKRAB KSM telah diadakan pada 11 dan 12 September 2017 di CIAST Shah Alam. Dalam program tersebut, KIT Budaya Penyayang 1KSM dan Pelan Strategik 2017 - 2020 AKRAB KSM telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' KSU KSM. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Eksekutif PERKESO dan semua ketua jabatan/agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Unit Psikologi dan AKRAB PERKESO juga telah diberikan penghormatan apabila dilantik sebagai jurulatih program latihan pembudayaan 1KSM (Kenal Salam Mesra) yang akan dijalankan kepada semua warga KSM dan agensi di bawahnya pada tahun 2018.

Launch of AKRAB KSM Strategic Plan 2017-2020 and 1KSM Culture Kit

(Kenal Salam Mesra)

SOCISO's Psychology Unit was given the honour by the Ministry of Human Resources through its Psychological Management Unit, to jointly plan and implement the Ministry of Human Resources AKRAB Strategic Plan. The Strategic Plan was launched during the Biannual AKRAB Seminar held on 11th and 12th September 2017 at CIAST, Shah Alam. During the programme, the 1KSM Culture Kit and AKRAB KSM Strategic Plan 2017-2020 were officially launched by the Secretary General of the Ministry of Human Resources. The event was graced by the Chief Executive of SOCISO as well as all heads of departments/agencies under the Ministry of Human Resources. The Psychology Unit and AKRAB were also honoured with the appointment as trainers for the 1KSM enculturation training programme to be held for all Ministry staff and agencies thereunder in 2018.

Persidangan Psikologi Modal Insan dan Karnival Pekerjaan PERKESO

Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 peringkat kebangsaan dengan tema "Sejahtera Negeraku Malaysia" telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 9 Oktober 2017.

Di antara objektif persidangan ini adalah mewujudkan keharmonian modal insan negara yang mengukuhkan kesejahteraan rakyat dan memupuk serta membentuk nilai baharu dan set minda dinamik yang menyokong teras aspirasi pembangunan negara.



Human Capital Psychology Conference and SOCSO Job Carnival

The national level Human Capital Psychology Conference 2017, with the theme "Sejahtera Negeraku Malaysia" was officiated by YAB Deputy Prime Minister of Malaysia at the Putrajaya International Convention Centre on 9th October 2017.

Among the objectives of the conference was to create a harmonious national human capital that consolidates the wellbeing of the people and to promote as well as formulate new values and dynamic mindsets that support the core of the country's development aspirations.



MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing



Persidangan ini merupakan persidangan yang julung kali diadakan. Penyertaan adalah dari sektor perkhidmatan awam dan agensi swasta dengan penglibatan hampir 7 ribu orang peserta persidangan dan pengunjung karnival. Persidangan Psikologi Modal Insan ini merupakan kolaborasi strategik (NBOS) di antara Jabatan Perkhidmatan Awam, PERKESO, MTUC, CUEPACS dan Majlis Akrab Kebangsaan. PERKESO turut memberikan 5 Anugerah kepada majikan yang PRIHATIN dalam persidangan ini. Anugerah disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan turut disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr Aseh Che Mat, Pengerusi Lembaga PERKESO dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

Beberapa tokoh psikologi dan pakar motivasi turut terlibat dalam pengisian persidangan di antaranya adalah YBhg Tan Sri Zainal Rahim Seman (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam), YBhg. Tan Sri Nordin Kardi (Felo Kehormat Persatuan Kaunseling Malaysia), YBhg. Dato' Dr Hj Fadzilah Kamsah (Pakar Motivasi), YBhg. Dato' Dr. Ismail Alias (Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam). Selain daripada persidangan, Karnival Pekerjaan dan Kaunseling Kerjaya menjadi tarikan utama para pencari kerja, golongan OKU dan para graduan. Lebih 30 majikan terlibat dengan peluang pekerjaan yang disediakan mencecah 3,000 jawatan kosong.

The first ever conference of its kind received participation from the public sector and private agencies, with the involvement of almost 7000 conference participants and carnival visitors. This Human Capital Psychology Conference is a strategic collaboration (NBOS) between the Public Service Department, SOCSO, MTUC, CUEPACS and *Majlis Akrab Kebangsaan*. SOCSO also awarded 5 awards to employers who are PRIHATIN during the conference. The awards were presented by the Deputy Prime Minister, witnessed by YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Aseh Che Mat, Chairman of SOCSO's Board and YBhg Dato' Sri Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO.

Several psychological and motivational experts were also involved in the conference, among others, YBhg Tan Sri Zainal Rahim Seman (Director General of Public Service), YBhg Tan Sri Nordin Kardi (Honorary Fellow of the Malaysian Counselling Association), YBhg Dato' Dr Hj Fadzilah Kamsah (Motivational Expert) and YBhg Dato' Dr Ismail Alias (former Deputy Director General of Public Service). In addition to the conference, a Job and Career Counselling Carnival became the main draw for job seekers, disabled persons as well as graduates. More than 30 employers were involved with approximately 3,000 vacant positions being on offer.

Program Kesejahteraan Kesehatan / Wellness Program

Pengurusan PERKESO berkeyakinan bahawa kecekapan dan produktiviti anggota boleh ditingkatkan menerusi perubahan gaya hidup sihat berlandaskan aktiviti fizikal, emosional dan sosial dalam kalangan anggota. Sehubungan dengan itu, aktiviti Kesejahteraan Kesehatan telah ditetapkan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) yang diukur keberhasilan dan keberkesannya menerusi empat (4) indikator berikut:

- i. Memastikan penilaian anggota terhadap program Kembara S4P dan Kesedaran *Wellness* adalah pada tahap skala *likert* 6.5 (Baik). Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap cemerlang iaitu 7.78.
- ii. Memastikan jumlah anggota yang diperaku tidak menerima Cuti Sakit Tahunan adalah pada kadar 43% daripada jumlah anggota. Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap cemerlang iaitu 49%.
- iii. Memastikan analisa pemeriksaan kesihatan anggota dan kertas program berdasarkan maklumat Profil Kesihatan Anggota disediakan pada bulan September 2017. Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap cemerlang.
- iv. Memastikan kajian tahap pengurusan tekanan anggota diselesaikan pada bulan Oktober 2017. Pencapaian KPI untuk tahun 2017 adalah di tahap baik kerana dokumen kajian telah disiapkan pada bulan Oktober 2017.

Health Wellness Programme

SOCSO' management is confident the staff efficiency and productivity can be improved through healthy lifestyle changes based on physical, emotional and social elements in one's life. In relation thereto, the Wellness Programme was stipulated as a Key Performance Indicator (KPI) for which results and effectiveness are measured against the four (4) indicators below:

- i. Ensuring staff evaluation of the Kembara S4P and Wellness Awareness Programmes is at 6.5 (Good) on the Likert Scale. The 2017 KPI is at excellent level (7.78).
- ii. Ensuring the number of staff who have not taken Annual Medical Leave is at the rate of 43%. The 2017 KPI is at excellent level (49%).
- iii. Ensuring the staff wellness examination analysis and programme paper based on the Staff Health Profile are prepared in September 2017. The 2017 KPI is at excellent level.
- iv. Ensuring the staff stress management level study is completed by October 2017. The 2017 KPI is at good level as the study papers were completed in October 2017.

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing



Pelancaran *Activ@Work Challenge 2017*

PERKESO komited untuk memastikan semua anggotanya dapat menikmati tahap kesejahteraan yang membolehkan mereka hidup sihat, bahagia dan produktif. PERKESO mewujudkan Program *Wellness* untuk meningkatkan dan mengoptimumkan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan dan gaya hidup sihat dalam kalangan anggotanya di samping mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat.

Jawatankuasa Kerja Program *Wellness* PERKESO dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PERKESO telah menganjurkan Program PERKESO *Wellness Day Towards A Healthy Life* pada 17 Ogos 2017 (Khamis) di Dewan Intan, Tingkat 8, Menara PERKESO. Aktiviti yang telah dijalankan termasuklah:

- i. Pelancaran *Activ@Work Challenge 2017* Peringkat PERKESO
- ii. Taklimat mengenai PERKESO *Activ@Work Challenge 2017*
- iii. Ceramah Kesihatan

Launch of SOCSO *Activ@ Work Challenge 2017*

SOCSO is committed in ensuring that all of its staff enjoy a level of wellbeing that enables them to lead healthy, happy and productive lives. SOCSO introduced the Wellness Programme to increase and optimise awareness on the importance of health and healthy lifestyle among its staff, in addition to creating a safer working environment.

The SOCSO Wellness Programme Working Committee and SOCSO Occupational Safety and Health Committee organised the Wellness Day Towards A Healthy Life programme held on 17th August 2017 at Dewan Intan, Tingkat 8, Menara PERKESO. Among the activities carried out included:

- i. Launch of SOCSO Level *Activ@Work Challenge 2017*
- ii. Briefing on the SOCSO *Activ@Work Challenge 2017*
- iii. Health Talk

Program Wellness PERKESO

PERKESO telah mewajibkan penglibatan aktiviti *BOOKDOC* kepada anggota PERKESO sebagai aktiviti program *wellness* yang diambil kira dalam pemarkahan Sistem Saraan Baru PERKESO. Penglibatan aktiviti *BOOKDOC* ini mengambil masa selama 2 bulan bermula bulan Oktober 2017 dan berakhir bulan November 2017. Program ini telah disertai oleh anggota PERKESO seramai 2,197 anggota dan seramai 65 anggota memperolehi pingat Emas (melebihi 10,000 langkah sebulan), 270 anggota memperolehi pingat perak (melebihi 6000 langkah sebulan) dan 270 anggota memperolehi pingat gangsa (melebihi 3000 langkah sebulan).

SOCISO Wellness Programme

SOCISO has made participation in the *BOOKDOC* activity compulsory for all its staff as part of the wellness activity that will be taken into account in SOCISO's New Remuneration System marking. Participation in the *BOOKDOC* activity spans a period of 2 months from October 2017 to November 2017. 2,197 SOCISO staff participated in the programme, 65 of whom obtained gold medals (exceeding 10,000 steps a month). 270 staff achieved silver medals (exceeding 6,000 steps a month) and 270 staff achieved bronze medals (exceeding 5,000 steps a month).



BULAN Month	BILANGAN ANGGOTA Number of Members	Gold Tier	Silver Tier	Bronze Tier	No Tier
OKTOBER October	2,077	44	232	921	880
NOVEMBER November	2,197	65	270	1,085	777

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing

Lawatan Penanda Aras

Lawatan penanda aras ke agensi-agensi dalam negara yang mempunyai amalan teras perkhidmatan setanding atau sumber manusia telah dilaksanakan pada tahun 2017. Objektif utama lawatan penanda aras ini adalah untuk mendapatkan input mengenai amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkenaan untuk dicontohi bagi meningkatkan prestasi pengurusan sumber manusia PERKESO. Agensi-agensi yang telah dilawati termasuklah:

- › Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada 27 Januari 2017
- › Pusat Pungutan Zakat (PPZ) pada 2 Februari 2017
- › Institut Tadbiran Negara (INTAN) pada 7 Februari 2017
- › Perbadanan Stadium Malaysia pada 12 Mei 2017
- › Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 28 September 2017

Benchmarking Visits

Benchmarking visits to agencies in the country having comparable services core practices or human resources were undertaken in 2017. The main objective of such visits is to obtain input on the best practices adopted by the relevant agencies to be followed by SOCSO in order to improve the performance of its human resource management. The agencies visited included:

- › Credit Counselling and Management Agency (AKPK) on 27th January 2017
- › Zakat Collection Centre (PPZ) on 2nd February 2017
- › National Institute of Public Administration (INTAN) on 7th February 2017
- › Malaysian Stadium Corporation on 12th May 2017
- › Employees Provident Fund (EPF) on 28th September 2017

Program Kesejahteraan Holistik Kesihatan Fizikal, Emosional dan *Spiritual* (Senyum, Sapa, Salam, Santun) Love NLP (Neuro Linguistik Program)

Program Kesejahteraan Holistik Kesihatan Fizikal, Emosional dan *Spiritual* (Senyum, Sapa, Salam, Santun) *love NLP* (Neuro Linguistik Program) Nilai-nilai S4P (Senyum, Sapa, Salam, Santun) telah dipilih dan dijadikan sebagai suatu program pembudayaan nilai yang bersifat jangka panjang di PERKESO. Menerusi program S4P *love NLP*, anggota PERKESO dilatih secara teori dan amali dengan merujuk Buku Kit S4P. Susunan aktiviti ini disusun secara konsisten merujuk amalan secara harian, mingguan, bulanan, tahunan dan sekali dalam perkhidmatan. Justeru itu, pendekatan Neuro Linguistik Program (NLP) telah digunakan dalam usaha memastikan usaha membudayakan amalan S4P ini terlaksana. Program ini telah dijalankan serentak dengan program Integriti di 3 buah lokasi yang berbeza pada tahun 2017 yang lalu kepada anggota PERKESO.

Physical, Emotional and Spiritual Holistic Wellbeing (Senyum, Sapa, Salam, Santun) Love NLP (Neuro Linguistic Programme)

The Physical, Emotional and Spiritual Wellbeing (Senyum, Sapa, Salam, Santun) *love NLP* Programme was chosen to be the programme for long-term enculturation of values at SOCSO. Through the S4P *love NLP* programme, SOCSO staff are given theoretical and practical training by referring to the S4P Kit. Consistently arranged activities refer to daily, weekly, monthly, annual and once-off practices in service. Hence, the Neuro Linguistic Programme (NLP) approach is used in the effort to ensure the enculturation of S4P practices. This programme was carried out simultaneously with the integrity programme at three different locations in 2017.



Pencalonan Ikon S4P dan Sambutan Ulang Tahun Kedua S4P

Pemilihan IKON S4P adalah selaras dengan keputusan jawatankuasa AKRAB menerusi perakuan Dato' Sri Ketua Eksekutif yang merupakan sebahagian daripada aktiviti bulanan bertujuan mengimarahkan budaya S4P dalam kalangan warga PERKESO. Sambutan ulang tahun kedua S4P telah diadakan pada 22 Mei 2017 di Menara PERKESO.

Pada tahun 2017, sebanyak 12 orang IKON S4P telah dilantik dan secara keseluruhannya seramai 22 anggota telah pun dilantik sebagai ikon S4P sejak tahun 2015. Pelantikan mereka adalah berdasarkan amalan-amalan S4P yang melibatkan Amalan Senyum, Sapa, Salam dan Santun sama ada terhadap pelanggan luaran mahupun pelanggan dalaman dalam urusan harian mereka.

Nomination of S4P Icon and S4P Second Anniversary Celebration

The selection of S4P Icons is in line with the declaration by AKRAB committee that it is part of the monthly activities designed to promote S4P culture among SOCSO staff. S4P's second anniversary celebrations were held on 22nd May 2017 at Menara PERKESO.

In 2017, a total of 12 S4P Icons were appointed, bringing the grand total of icons appointed since S4P's inception in 2015 to 22. The appointment of these icons were made based on the S4P practices (*Senyum, Sapa, Salam, Santun*), be it with external or internal clients, in their daily duties.

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing



Program Kesejahteraan Emosi

Program Kesejahteraan Emosi adalah merupakan program khusus yang dikelolakan oleh Unit Psikologi PERKESO kepada anggota Ibu Pejabat di bangunan Menara PERKESO. Ianya dijalankan sepanjang tahun bermula pada bulan Februari 2017 – Oktober 2017. Pelbagai penceramah yang berlatarbelakang berbeza telah di jemput untuk memberikan perkongsian tentang ilmu psikologi dan kaunseling serta motivasi. Di antara topik-topik yang disajikan adalah "Rhythm Wellness – Drum Circle" Oleh Encik Haiqal Hermanshah Rahman, Grafologi – Kaedah Mengenal Diri Melalui Analisa Tulisan Tangan oleh Dr Azura Hashim, Rumahtangga Vs Kerjaya Oleh Tuan Syamsul Debat, Komunikasi Keibubapaan, First Aid Hati dan Kaedah Penyucian Jiwa Melalui Terapi Asmaul Husna.

Emotional Wellbeing Programme

The Emotional Wellbeing Programme is a programme specifically run by SOCSO's Psychology Unit for staff of the Headquarters in Menara PERKESO. The programme is held throughout the year, from February 2017 to October 2017. Various speakers from different backgrounds were invited to share their knowledge on psychology, counselling as well as motivation. Among the topics discussed included "Rhythm Wellness – Drum Circle" by Encik Haiqal Hermanshah Rahman, Graphology – Method of Self-Identification through Handwriting Analysis by Dr Azura Hashim, Marriage vs Career by Tuan Syamsul Debat, Parenting Communication, First Aid of the Heart and Soul Cleansing Through *Asmaul Husna*.

Sesi Perkongsian Maklumat Bersama Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP)

Lawatan PERKESO ke KWAP telah diadakan pada 16 November 2017 bertempat di Bahagian Perkhidmatan Pencen, Ibu Pejabat KWAP di Cyberjaya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Md Saffi bin Nadzir, Pengarah Kanan Jabatan Perkhidmatan Persaraan dan turut dihadiri oleh pegawai kanan dari KWAP. Tujuan lawatan adalah bagi mendapatkan gambaran berkaitan perkhidmatan pembayaran pencen yang disediakan oleh KWAP, pengendalian, tatacara, urus tadbir, kaedah-kaedah serta pendekatan pembayaran pencen yang dilaksanakan oleh pihak KWAP.

Selain itu, melalui sesi perkongsian ilmu ini, PERKESO berpeluang berkongsi isu dan bertukar pandangan berhubung proses pembayaran faedah dan pungutan balik lebih bayaran bagi menambahbaik proses sedia ada dengan mengambil kira amalan terbaik pembayaran pencen oleh KWAP dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan PERKESO.

Knowledge Sharing Visit to Retirement Fund Incorporated (KWAP)

A visit to KWAP was undertaken by SOCSO on 16th November at its Pension Services Division, KWAP Headquarters, Cyberjaya. The meeting was chaired by Encik Md Saffi bin Nadzir, Senior Director of the Retirement Services Department and was attended by senior officers of KWAP. The purpose of this visit was to obtain an overview of KWAP's pension payment services which involve implementation, procedures, governance, as well as methods and approaches adopted by KWAP.

In addition, during the knowledge sharing session, SOCSO had the opportunity to address its issues and exchange ideas on benefit payment processes and the recovery of benefit overpayment so that its existing processes could be improved by taking into account the best practices adopted by KWAP while at the same time enhancing the quality of its service delivery to stakeholders.



MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU

Human Capital and Knowledge Sharing



Kunjungan Hormat PERKESO ke Pejabat Ketua Audit Negara

Delegasi PERKESO yang diketuai oleh Ketua Eksekutif telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Ketua Audit Negara pada 11 Oktober 2017. Kunjungan hormat terbabit dilaksanakan bagi menunjukkan tanda hormat dan tahniah PERKESO di atas pelantikan Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad sebagai Ketua Audit Negara yang baharu di pejabat Jabatan Audit Negara. Semasa kunjungan tersebut, PERKESO telah mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan kepada Ketua Audit Negara di atas pengurniaan Sijil Audit Bersih kepada PERKESO terhadap penyata kewangannya bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016. Selain itu, PERKESO juga telah mengambil peluang dengan memberi taklimat ringkas kepada Ketua Audit Negara berkenaan status pembangunan ICT "core system" yang baharu dan langkah-langkah yang wajar yang diambil PERKESO bagi menangani isu-isu pengauditan yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara ketika pengauditan bagi tahun kewangan 2016.


SOCISO's Courtesy Visit to the Office of the Auditor General

A delegation from SOCISO led by its Chief Executive paid a courtesy visit to the office of the Auditor General on 11th October 2017. The visit was undertaken to express SOCISO's respect and congratulations to Tan Sri Dr Madinah binti Mohamad on her recent appointment as the new Auditor General. During the visit, SOCISO took the opportunity to extend its highest appreciation to the Auditor General for the award of Unqualified Audit Certificate to SOCISO for its financial statement for the year ending 31st December 2016. In addition, SOCISO also took the opportunity to brief the Auditor General on the status of development of its new ICT core system and the appropriate measures undertaken to mitigate related audit issues highlighted by the National Audit Department during the course of their financial audit in 2016.

Lawatan Ketua Eksekutif PERKESO ke Pejabat Akauntan Negara

Delegasi PERKESO yang diketuai oleh Ketua Eksekutifnya telah mengadakan kunjungan kerja ke pejabat Akauntan Negara pada 14 Disember 2017. Dalam pertemuan bersama Akauntan Negara, Datuk Saat bin Esa, pihak Jabatan Akauntan Negara telah dimaklumkan mengenai pemakaian awal regim perakaunan baharu, *Malaysian Public Accounting Standards (MPSAS)* oleh PERKESO bermula tahun 2016. Inisiatif ini adalah selaras dengan saranan Kementerian Kewangan Malaysia agar semua Badan-Badan Berkanun Persekutuan menerima pakai MPSAS menjelang 2020.

Selain itu, PERKESO juga telah mengambil peluang bagi membincangkan mengenai implikasi pemakaian MPSAS ini terhadap kedudukan dan pelaporan kewangan PERKESO serta kesannya terhadap pelaksanaan dasar kerajaan oleh PERKESO bagi kepentingan umum khususnya dalam penyediaan manfaat perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di negara ini.



SOCISO's Chief Executive's Visit to the Office of the Accountant General

A delegation from SOCISO led by its Chief Executive made a working visit to the office of the Accountant General on 14th December 2017. During the meeting with Datuk Saat bin Esa, the Accountant General, the office of the Accountant General was informed of SOCISO's early adoption of the Malaysian Public Accounting Standards (MPSAS) in 2016. This initiative is taken in view of the recommendation by the Ministry of Finance that requires all Federal Statutory Bodies to adopt MPSAS by 2020.

In addition, SOCISO also took the opportunity to discuss with the Accountant General's office on the implication of adopting MPSAS to its financial standing and reporting, as well as the impact on SOCISO's execution of government policies in the general interest, specifically with respect to the provision of social security protection to workers in the country.

PERHUBUNGAN ANTARABANGSA International Relations




Pejabat Perhubungan ISSA Untuk Asia Tenggara

Sejak tahun 2013, PERKESO telah dilantik sebagai tuan rumah bagi Pejabat Perhubungan ISSA di Asia Tenggara. Pejabat Perhubungan ISSA di Asia Tenggara berperanan untuk memberi bantuan kepada anggota organisasi ISSA dan bekerjasama dengan organisasi keselamatan sosial di Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Selaras dengan pendekatan ini, seminar teknikal telah dianjurkan dengan pendekatan dan fokus utama dalam menganjurkan seminar teknikal skala kecil dan menyediakan platform bagi perkongsian pengetahuan dalam kalangan negara-negara di rantau ini.

ISSA Liaison Office for South East Asia

SOCISO has been hosting the ISSA Liaison Office for South East Asia since 2013. The ISSA Liaison Office for South East Asia provides assistance to ISSA member organisations and works together with social security organisations in Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, the Lao People's Democratic Republic, Malaysia, the Philippines, Singapore, Thailand and Vietnam. The main approach is organisation of small scale and focused technical seminars to provide platforms for knowledge sharing among countries in the region.



Seminar Teknikal ISSA Mengenai Pencegahan dan Promosi Kesihatan Tempat Kerja

Pejabat Penyelaras ISSA *South East Asia* telah bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia mengadakan Seminar Teknik Pencegahan dan Promosi Kesihatan Tempat Kerja di Pusat Rehabilitasi Tun Abdul Razak Melaka, Malaysia dari 12 - 13 April 2017. Penceramah utama adalah Sim Beng Khoon dari Lembaga Promosi Kesihatan (Singapura), Dr Edrin Nazri Abdul Rasib dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (Malaysia) dan Dr Hafez Hussain dari Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, (Melaka).

Terdapat juga empat laporan negara yang disampaikan oleh BPJS Ketenagakerjaan Indonesia, Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia, Pejabat Keselamatan Sosial Thailand dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Peserta yang menghadiri seminar membincangkan isu-isu umum yang menyentuh tentang agenda promosi pencegahan dan kesihatan di tempat kerja dalam negara mereka. Seminar ini berfungsi sebagai tempat untuk berkongsi idea, manfaat, cabaran, dan pengalaman dalam membangunkan dan mengembangkan promosi kesihatan di tempat kerja. Perbincangan dan kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar adalah pemahaman pencegahan dan promosi kesihatan di tempat kerja pada masa kini.

ISSA Technical Seminar of Prevention and Workplace Health Promotion

The ISSA South East Asia Liaison Office, together with the Corporate Planning Division of SOCSO, held a Technical Seminar on Prevention and Workplace Health Promotion at the Tun Razak Rehabilitation Centre in Melaka from 12th to 13th April 2017. The keynote speakers are Sim Beng Khoon from the Health Promotion Board, Singapore, Dr Edrin Nazri Abdul Rasib from SOCSO and Dr Hafez Hussain from the Tun Razak Rehabilitation Centre, Melaka.

A total of four country reports were presented by BPJS Ketenagakerjaan Indonesia, SOCSO Malaysia, Social Security Office, Thailand and the Ministry of Health Malaysia respectively. Seminar participants discussed common issues affecting the prevention and workplace health promotion agenda in their countries. The seminar served as a venue for sharing of ideas, benefits, challenges and experiences in developing and expanding workplace health promotion. Discussions and papers presented at the seminar increased the current understanding of prevention and workplace health promotion.

LAWATAN DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA

Visit by Domestic and Foreign Delegation



Lawatan Delegasi dari Kementerian Buruh dan Pekerjaan, Bangladesh

Seramai 19 orang pegawai daripada Kementerian Buruh dan Pekerjaan, Bangladesh telah mengadakan lawatan ke PERKESO pada 31 Januari dan 2 Februari 2017 untuk mempelajari kaedah pentadbiran skim bencana pekerjaan dan pemulihan serta RTW. Sesi perkongsian ilmu telah diadakan di Ibu Pejabat PERKESO. Taklimat disampaikan oleh pegawai PERKESO. Selain itu delegasi ini juga telah melawat Kaunter Utama, Ibu Pejabat PERKESO. Menteri Buruh dan Pekerjaan Bangladesh juga turut mengadakan kunjungan kehormat kepada Pengerusi Lembaga PERKESO dan Ketua Eksekutif PERKESO pada 2 Februari 2017 di Ibu Pejabat PERKESO.

Visit by Delegation from the Ministry of Labour and Employment, Bangladesh

A total of 19 officers from the Ministry of Labour and Employment Bangladesh undertook a visit to SOCSO on 31st January and 2nd February 2017 to learn about the administration of the employment injury scheme and rehabilitation as well as RTW. A knowledge sharing session was held at SOCSO Headquarters. A briefing was delivered by an officer of SOCSO. The delegation also visited the Main Counter of SOCSO Headquarters. The Minister of Labour and Employment Bangladesh also paid courtesy visits to the Chairman and Chief Executive on SOCSO on 2nd February 2017 at the SOCSO Headquarters.

Lawatan Delegasi dari *International Labour Organisation (ILO), Geneva*

Tiga orang pakar dari *International Labour Organisation (ILO)* dalam bidang *Labour Inspection / Administration* mengadakan satu lawatan kerja ke PERKESO pada 31 Mac 2017 untuk mendapatkan pandangan, ulasan dan cadangan dari *stakeholders* berkaitan panambahbaikan sistem pemeriksaan buruh dan *labour law reform*. Taklimat ringkas berkaitan pemeriksaan dan penguatkuasaan di PERKESO telah disampaikan oleh pegawai PERKESO. Perbincangan juga diadakan antara pegawai PERKESO dan wakil dari ILO berkaitan sistem-sistem yang membantu aktiviti penguatkuasaan.

Visit by Delegation from the International Labour Organisation (ILO), Geneva

Three experts in the field of Labour Inspection/Administration from the International Labour Organisation (ILO) conducted a working visit to SOCSO on 31st March 2017 to obtain views, comments and recommendations from stakeholders on the improvement to the labour inspection system and labour law reforms. A short briefing on inspection and enforcement at SOCSO was given by an officer of SOCSO. A discussion took place between SOCSO Officers and the delegates on the systems that aid enforcement activities.



LAWATAN DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA
Visit by Domestic and Foreign Delegation



**Lawatan Pakar dari
International Labour Organisation (ILO)**

Satu perbincangan arah kerjasama teknikal (*technical cooperation*) telah diadakan antara PERKESO dengan ILO. Pihak ILO telah diwakili oleh Nuno Cunha (*ILO Specialist on Social Protection (Bangkok)*) dan Ann Santhiago (*ILO National Project Officer, Malaysia*).

Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan arah kerjasama teknikal dan juga mengadakan sesi perkongsian pengetahuan (*knowledge sharing*) dari pengalaman pihak ILO. Sesi perkongsian pengetahuan meliputi topik Program ILO untuk Negara, Malaysia (2018 - 2020), Skim Bencana Pekerjaan, Sistem Insurans Pekerjaan dan Skim Perlindungan Pekerjaan Sendiri. Lawatan ini telah membuka ruang untuk bekerjasama bagi mencapai kemajuan dalam memperluaskan keselamatan sosial di Malaysia.

Visit by Experts from International Labour Organisation (ILO)

A discussion on technical cooperation was held between SOCSO and ILO. ILO were represented by Nuno Cunha (*ILO Specialist on Social Protection (Bangkok)*) and Ann Santhiago (*ILO National Project Officer, Malaysia*).

The purpose of the visit was to talk about technical cooperation and conduct a knowledge sharing session from ILO's experience. The knowledge sharing session covered topics on ILO Programmes for Malaysia (2018-2020), Employment Injury Scheme, Employment Insurance System and the Self-Employment Protection Scheme. The visit opened up opportunity for cooperation towards achieving progress in expanding social security in Malaysia.

**Lawatan Delegasi dari
Vietnam Social Security (VSS)**

Vietnam Social Security merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan polisi insurans sosial dan insurans kesihatan di Vietnam. Untuk memantapkan penguatkuasaan oleh VSS, delegasi ini telah melawat PERKESO pada 15 dan 16 Ogos 2017 untuk belajar dari pengalaman PERKESO dalam bidang penguatkuasaan. Delegasi VSS tersebut telah diberikan taklimat berkenaan penggunaan aplikasi *Nforce Data Center* dalam menyemak pendaftaran majikan dan pekerja serta kaedah yang digunakan dalam mengesan majikan yang tidak berdaftar. Delegasi seramai 8 orang telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Penguatkuasaan VSS telah terlibat dalam sesi taklimat dan perbincangan dengan pegawai-pegawai penguatkuasaan.



Visit by Delegation from Vietnam Social Security (VSS)

The Vietnam Social Security is an agency responsible for the implementation of social insurance and health insurance policies in Vietnam. To consolidate its enforcement, the delegation from VSS visited SOCSO on 15th and 16th August 2017, to learn from SOCSO's experience in enforcement. The delegation was briefed on the application of NForce Data Centre in reviewing employer and employee registration as well as on the methods used to trace unregistered employers. The 8-person delegation was led by the Deputy Director of VSS Enforcement who was involved in the briefing and discussions with enforcement officers.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT Corporate Social Responsibilities (CSR) Programme



Majlis Sambutan Tahun Baru Cina

PERKESO buat julung kalinya telah mengadakan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina di Pejabat PERKESO Negeri Selangor pada 13 Februari 2017. Majlis telah diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO bersama Pengurus-pengurus Pejabat PERKESO di Selangor. Tujuan utama majlis ini adalah untuk meraikan dan memberi sumbangan kepada anak yatim dan juga para ibu tunggal.

Seramai 20 orang ibu tunggal dan 20 orang anak yatim piatu bersama 10 orang penerima faedah telah hadir menerima bantuan faedah PERKESO. Turut sama hadir dalam majlis ini adalah wakil-wakil media yang selama ini telah memberikan kerjasama baik dalam mempromosi dan menyalurkan maklumat mengenai aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh PERKESO. Melalui program seumpama ini, ianya dapat mengukuhkan lagi imej prihatin PERKESO yang sentiasa peka terhadap kebajikan para penerima faedah dan sentiasa berusaha untuk membantu golongan terbencana disamping dapat merakmatkan perkhidmatan PERKESO kepada masyarakat.

Chinese New Year Celebration

SOCSO for the first time ever organised a Chinese New Year Celebration at its Selangor State Office on 13th February 2017. The event was graced by the presence of YBhg Dato' Sri Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO, together with Managers of SOCSO offices in Selangor. The intention of this event was to celebrate and provide contributions to orphans and single mothers.

A total of 20 single mothers and 20 orphans, as well as 10 benefit recipients were present to receive SOCSO benefits. Also present at the event were media representatives who have always given good cooperation in promoting and channelling information on the activities and programmes conducted by SOCSO. Through programmes such as this, SOCSO's image of being sensitive to the welfare of benefit recipients is further consolidated. SOCSO is also seen as always striving to help the injured. The programme also serves as SOCSO's outreach to the community.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
Corporate Social Responsibilities (CSR) Programme



Majlis Berbuka Puasa PERKESO

Pada 8 Jun 2017, Majlis Berbuka Puasa PERKESO 2017 telah diadakan di Hotel Le Meridien, KL Sentral. Majlis yang merupakan salah satu program *Corporate Social Responsibility* (CSR) PERKESO bertujuan untuk meraikan ibu tunggal dan anak yatim yang terdiri daripada penerima faedah PERKESO yang tinggal di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Seramai 40 orang ibu tunggal dan 40 orang anak yatim telah dijemput hadir. Dalam majlis yang sama, satu sidang akhbar mengenai Peningkatan Kadar Amaun Faedah Pengurusan Mayat dari RM1,500 ke RM2,000 dan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 untuk Pemandu Teksi Yang Bekerja Sendiri telah diadakan bersama YB Timbalan Menteri Sumber Manusia.



SOCSCO Buka Puasa Event

The SOCSCO Buka Puasa Event 2017 was held on 8th June 2017 at the Le Meridien Hotel, KL Sentral. The event is part of SOCSCO's CSR programme with a view to celebrating single mothers and orphans who are SOCSCO benefit recipients living in Kuala Lumpur and Petaling Jaya. A total of 40 single mothers and 40 orphans were invited to the event. During the event, a press conference on the Increase in Funeral Benefit from RM1,500 to RM2,000 and the Self-Employment Social Security Scheme 2017 for Self-Employed Taxi Drivers was held with YB Deputy Minister of Human Resources.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
Corporate Social Responsibilities (CSR) Programme



Program “Memperkasa Jalinan Sosial & Emosi Menerusi Penyucian Harta Zakat Pendapatan”

Program kerjasama AKRAB dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerusi pemulangan 12.5% daripada kutipan zakat pendapatan anggota yang membayar zakat di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Berasaskan peratusan ini jumlah yang diterima oleh AKRAB PERKESO sebagai sumbangan wakalah yang akan dikembalikan kepada asnaf yang berkecukupan adalah sebanyak RM83,220.41 daripada MAIWP dan RM42,182.29 daripada Lembaga Zakat Selangor.

Program ini adalah sebahagian daripada aktiviti “ON THE JOB TRAINING” iaitu latihan untuk meningkatkan penghayatan rasa PRIHATIN anggota PERKESO kepada penerima faedah. Di samping ia mampu meningkatkan kepercayaan anggota bahawa zakat yang dibayar khususnya zakat pendapatan sememangnya disalurkan kepada asnaf yang berkecukupan. Asnaf fakir miskin yang berkecukupan antaranya anggota PERKESO atau penerima faedah PERKESO yang dikategorikan sebagai fakir atau miskin. Selain itu, Program Fisabilillah yang dianjurkan merupakan aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

Reinforcing Social & Emotional Network Through Zakat

This programme is carried out in collaboration between AKRAB, *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)* and *Lembaga Zakat Selangor (LZS)* involving the return of 12.5% of the income *zakat* collection from staff who pay *zakat* in the Federal Territory and Selangor. Based on this percentage, the sum received by SOCSO AKRAB as donation to be distributed to eligible recipients amounted RM83,220.41 from MAIWP and RM42,182.29 from Lembaga Zakat Selangor.

This programme is part of the On the Job Training Programme to enhance the observation of PRIHATIN by SOCSO staff towards benefit recipients. It is also capable of increasing the belief of staff that the zakat paid, especially income zakat, is actually distributed to eligible beneficiaries. The beneficiaries eligible included SOCSO staff or SOCSO benefit recipients who are categorised as poor. In addition, the *Fisabilillah* Programme organised is a programme to uphold, defend and spread the teachings of Islam as well as its welfare.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
Corporate Social Responsibilities (CSR) Programme

Program Amal Merdeka

Program ini adalah merupakan program anjuran AKRAB dan KESPO bersama dengan sekumpulan kelab motosikal PERKESO. Misi CSR ke pusat Seri Tahfiz Al Banna di Bandar Pusat Jengka Pahang bermula pada 23 Ogos di Menara PERKESO. Antara aktiviti diadakan adalah mengecat bangunan tahfiz dan penyampaian sumbangan wang serta barangan keperluan dapur oleh kumpulan konvoi hasil peruntukan daripada wang zakat dan sumbangan dari KESPO serta orang persendirian.

Merdeka Charity Programme

This programme was organised by AKRAB and KESPO together with a group of SOCSO Motorcycle Club members. The CSR mission to *Seri Tahfiz Al Banna* centre in Bandar Pusat Jengka Pahang began on 23rd August 2017 at the Menara PERKESO. Among the activities conducted included the painting of the *tahfiz* buildings and presentation of monetary contributions as well as daily necessities by the convoy using *zakat* and donation allocation from KESPO as well as from private individuals.



Program Corporate Social Responsibility (CSR) Bersama MAIWP

Program *Corporate Social Responsibility* (CSR), Bersama MAIWP telah diadakan pada 14 Mei 2017 bertempat di Madrasah Tahfiz Al-Quran Tuan Guru Haji Abd Ghani, Kampung Seri Kaya Bota Kiri, Perak.

Program yang julung kali diadakan ini mensasarkan keterlibatan anggota PERKESO Ibu Pejabat khususnya agar dapat bersama-sama merasai dan mendalami kepayahan asnaf zakat terutama fakir miskin dan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di pusat pengajian / pondok. Program sehari ini, selain mensasarkan penyampaian sumbangan kepada pelajar tahfiz, sumbangan juga turut dibuat kepada golongan fakir miskin sekitar Kampong Seri kaya, Bota Kiri, Perak.

Corporate Social Responsibility Programme with MAIWP

A CSR Programme with MAIWP was held on 14th May 2017 at *Madrasah Tahfiz Al-Quran* Tuan Guru Haji Abd Ghani, Kampung Seri Kaya, Bota Kiri, Perak.

This inaugural programme targeted the involvement of SOCSO headquarters staff particularly so that they can empathise with the difficulties experienced by the less fortunate and the students undergoing studies at the *pondok*. The one-day programme, in addition to presenting donations to the *tahfiz* students, also included presentation of contribution to the less fortunate within the Kampong Seri Kaya, Bota Kiri area.

DIARI KORPORAT
Corporate Diary



Perhimpunan Bulanan KSM 2017

Pada 5 Januari 2017 telah berlangsungnya Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Malaysia (KSM) 2017 bertempat di Kementerian Sumber Manusia. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Selain itu, terdapat pemeriksaan kesihatan percuma diberikan kepada warga Kementerian Sumber Malaysia.

Ministry of Human Resources Monthly Assembly 2017

On 5th January 2017 the Ministry of Human Resources Monthly Assembly 2017 was held at the Ministry. The event was officiated by YB Minister of Human Resources. Free health checks were given to staff of the Ministry during the event.

Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia

Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Anugerah Khidmat Setia 20 dan 25 Tahun telah diadakan pada 19 April 2017 bertempat di Hotel Marriot Putrajaya. Majlis ini dihadiri seramai 400 orang anggota yang melibatkan penerima anugerah dan tetamu jemputan. Tujuan majlis diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada anggota-anggota yang memberi perkhidmatan cemerlang dan yang telah berkhidmat selama 20 dan 25 tahun bersama PERKESO.

Excellent Service and Loyal Service Awards

The Excellent Service and Loyal Service (20 and 25 Years) Award ceremony was held on 19th April 2017 at the Marriot Hotel in Putrajaya. The event was attended by 400 staff including award recipients and invited guests. The purpose of holding such a ceremony was to give recognition to employees who have rendered excellent service and those who have loyally served SOCSO for 20 and 25 years.





PERKESO Run and Ride & Majlis Pra Pelancaran Hari Pekerja 2017

PERKESO *Run and Ride* dan Majlis Pra Pelancaran Hari Pekerja 2017 telah diadakan pada 16 April 2017 bertempat di Dataran DBKL 1, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia dengan penyertaan lebih 5,000 orang peserta. Bagi menyemarakkan Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei 2017, Majlis Pra Pelancaran Hari Pekerja turut diadakan sejurus selepas program *Run and Ride* berlangsung. Selain acara larian dan kayuhan, pelbagai aktiviti lain turut diadakan seperti tarian zumba, cabutan bertuah dan pameran.

SOCSCO Run and Ride and Pre-Launch of Labour Day 2017

The SOCSCO Run and Ride and Pre-Launch of Labour Day 2017 was held on 16th April 2017 at Dataran DBKL 1, Kuala Lumpur. The event was flagged-off by the Deputy Minister of Human Resources with the participation of more than 5,000 people. To enliven the Labour Day Celebrations on 1st May 2017, a Pre-Launch was carried out right after the SOCSCO Run and Ride event. In addition to the running and cycling events, other activities were also held such as Zumba session, lucky draws and exhibitions.

DIARI KORPORAT
Corporate Diary



Sambutan Hari Pekerja 2017

Bertempat di Dewan Perdana Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Sambutan Hari Pekerja 2017 yang diadakan pada 1 Mei 2017, telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Turut memeriahkan sambutan adalah dengan kehadiran YB Menteri Sumber Manusia, serta para tetamu khas. "Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi" merupakan tema Hari Pekerja pada kali ini. Sambutan Hari Pekerja diadakan bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja kepada pembangunan negara selain mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan secara "tripartisme" antara tiga pihak iaitu Kerajaan, Majikan dan Pekerja.

Labour Day 2017

